Jabatan Hal Ehwal Ugama mencapai 50 tahun penubuhannya pada 29 September 2009 bersamaan 10 Syawal 1430. Penubuhannya merupakan satu sejarah perkembangan dan kemajuan hal ehwal pentadbiran ugama Islam di Negara Brunei Darussalam di samping mengenang sejarah penubuhan dan dengan secara langsung mengungkit kembali sebahagian sejarah kegemilangan pimpinan dan pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan yang ke-28 Negara Brunei Darussalam.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

50 Tahun Dalam Ristaan

50 تاهون دالم ريستاءن

50 Tahun Dalam Ristaan

ڤرخدمتن حال احوال اڬام نڬارا بروني دارالسلام

(١٩٥٩ – ٢٠٠٩)

PERKHIDMATAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959 - 2009

بسم الله الرحمن الرحيم

٥٠ تاهون دالم ريستاءن

50 Tahun Dalam Ristaan

ڤرخدمتن حال احوال اڬام نڬارا بروني دارالسلام

(١٩٥٩ - ٢٠٠٩)

PERKHIDMATAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(1959-2009)

50 Tahun
Dalam Ristaan
PERKHIDMATAN HAL EHWAL UGAMA (1959-2009)

Cetakan pertama 2012

© Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2012
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikal, ilustrasi, isi kandungan buku ini, disimpan dalam sistem pengeluaran semula, ataupun dipindahkan dalam apa jua bentuk dengan apa cara pun samaadasecara eletronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain cara sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Penerbit
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Pencetak
Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd.

Isbn
978-99917-45-49-7

Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam

Ketika Majlis Pembukaan Rasmi
Bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam pada1 September, 1966

Petikan Titah

"Tujuan yang utama Kerajaan saya berharap supaya Jabatan Ugama ini giat melaksanakan segala usaha-usaha menjiwakan taraf kehidupan laila rohani dan laila jasmani kepada rakyat seluruhnya menuntut dan mengamal-amalkan bagi menggalakkan ilmu pengetahuan ugama. Laila hadirin yang dihormati, kemajuan rohani dan jasmani wajiblah diadun dan diupang serentak dan seimbang dengan laila akal fikiran bagi menjamin ujudnya keamanan Brunei Darussalam sebuah Negara yang maju, aman makmur mudah-mudahan kekal bahagia selama-lamanya.

Jabatan Ugama adalah mempunyai laila undang-undangnya pada mentadbirkan bagi menjalankan kewajipan ugama sehari-hari. Adalah kewajipan Pejabat Ugama laila berusaha pada menanamkan keimanan dan akhlak yang suci murni di dalam jiwa anak-anak dengan menerusi sekolah-sekolah dan dengan laila ajaran-ajaran di kelas-kelas Ugama sama ada di kelas rendah, di kelas menengah dan di darjah tinggi dan juga kelas-kelas dewasa Ugama sepatutnya mematuhi atau patuh dengan seikhlas-ikhlasnya kepada hukum-hukum dan peraturan-peraturan ugama Islam yang akan membawa kebajikan di dunia dan memberi kebahagiaan di akhirat. Sebagai sebuah Jabatan adalah menjadi kewajipan kepada Jabatan Ugama bekerjasama pada menjalankan atau melaksanakan laila dasar-dasar Kerajaan dan juga memajukan ajaran-ajaran laila ilmu pengetahuan di segi ugama Islam yang menjadi Ugama Rasmi kita di dalam Negeri Brunei Darussalam ini."

(Petikan Titah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ketika Majlis Pembukaan Rasmi Jabatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam pada 1 September 1966)

ISI KANDUNGAN

11 SEKAPUR SIRIH

12 SEULAS PINANG

13 SEJAMBAK KATA

14 PENDAHULUAN

16 PERKHIDMATAN UGAMA SEBELUM 1959

17 DETIK-DETIK BERSEJARAH

75 MAJLIS UGAMA ISLAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

83 MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM

91 MABIMS

95 PEMIMPIN JABATAN HAL EHWAL UGAMA BRUNEI

99 PEMIMPIN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA 1986-2009

105 STRUKTUR KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA 2006-2008

107 JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM

117 JABATAN PENTADBIRAN

129 JABATAN HAL EHWAL SYAR'IAH

143 JABATAN HAL EHWAL MASJID

155 PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

165 UNIT PERUNDANGAN ISLAM

171 JABATAN URUSAN HAJI

183 JABATAN PENGAJIAN ISLAM

201 KOLEJ UNIVERISITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

209 INSTITUT PENGAJIAN ISLAM

215 INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

221 PEJABAT-PEJABAT DI BAWAH SETIAUSAHA TETAP

248 JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU 50 TAHUN DALAM RISTAAN PERKHIDMATAN HAL EHWAL UGAMA (1959-2009)

249 PENGHARGAAN

Yang Berhormat
Pengiran Dato Seri Setia
Dr. Haji Mohammad bin
Pengiran Haji Abdul Rahman
MENTERI HAL EHWAL UGAMA

Sekapur Sirih

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى اله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan limpah kurnia Nya ke atas kita selaku hambaNya. Selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*, kaum kerabat dan sahabat-sahabat baginda hingga ke akhir zaman.

Sebagai tanda kenangan dan ristaan sempena sambutan 50 tahun penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan seterusnya dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ugama, buku ini adalah merupakan sebagai salah sebuah khazanah yang amat bernilai yang berupa catatan unggul atau ulung sejarah dalam perkembangan perkhidmatan hal ehwal ugama Islam di Negara Brunei Darussalam dan akan menjadi wadah tatapan dan gambaran kepada generasi di masa sekarang dan akan datang.

Lahirnya buku ini adalah sempena 50 tahun perkhidmatan hal ehwal ugama Islam di Negara ini yang disambut pada 29 September, 2009. Ia dihasratkan untuk mengenang kembali perjalanan ringkas sejarah pekhidmatan hal ehwal ugama Islam yang menjadi tunggak asas bangsa dalam mendaulatkan negara dengan berteraskan ugama Islam dalam pelbagai bidang dan aspek ke arah menjana dan menjadikan negara sebagai " بلدة طيبة ورب غفور " (Negara Yang Aman Makmur Dan Tuhan Yang Maha Pengampun).

Dengan menatap gambar-gambar dan mengikuti catatan-catatan di dalam buku ini, kita akan dapat mengesan dan diberikan gambaran jelas terhadap perkembangan agama dan kemajuan yang telah dicapai selama setengah abad yang lalu. Sesuai dengan sebuah negara yang mendaulatkan Islam sebagai agama rasmi, keutuhan dan kemantapan beragama adalah melalui kedudukan dan keutamaan yang diberikan dalam siasah negara dan penerapannya di dalam sosio-bangsa.

Salah sebuah institusi yang tidak lagi nampak pada hari ini, tetapi pernah memainkan peranan penting sebagai asas pengajian tinggi Islam di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah kewujudan Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam (IPIBD). Mulanya ditempatkan di kawasan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, setahun kemudiannya ia mengambil tempat di bangunan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, yang akhirnya dicantumkan dengan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1999 menjadi Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (IPISHOAS). Institut ini telah menjadi asas bagi kemunculan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada tahun 2007. Kewujudan Institut tersebut telah turut menyumbang dan mengharumkan nama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan negara.

Tujuan utama buku ini diterbitkan juga adalah bagi mengimbau kembali tentang kewibawaan, kesungguhan dan ketokohan para pemimpin yang telah menerajui dalam perkhidmatan hal ehwal ugama Islam supaya ia menjadi paksi kepada generasi penerus dalam memajukan perkembangan dan kemajuan ugama Islam di Negara ini.

Oleh itu marilah kita sama-sama memanfaatkan apa-apa jua yang termuat di dalam naskah buku ini sebagai motivasi dalam memberikan perkhidmatan hal ehwal ugama Islam, terutamanya dalam usaha memantapkan dan mengembangmajukan ugama Islam selari dan seimbang dengan kemajuan negara yang kita kecapi dari masa ke masa.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Mulia
Pengiran Dato Paduka
Haji Bahrom bin
Pengiran Haji Bahar
TIMBALAN
MENTERI HAL EHWAL UGAMA

Seulas Pinang

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى اله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atas limpah kurniaNya kepada kita selaku hamba-hambaNya. Selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam,* kaum kerabat dan sahabat-sahabat baginda hingga ke akhir zaman.

Perkhidmatan hal ehwal ugama Islam di Negara ini telah pun mencapai usianya ke 50 tahun iaitu satu jangka masa yang panjang. Dalam tempoh tersebut, berbagai perkembangan dan kemajuan telah dicapai oleh perkhidmatan ini di samping telah mengalami berbagai perubahan mengikut peredaran zaman bagi memantapkan kualiti perkhidmatannya. Perubahan dan pemantapan perkhidmatan-perkhidmatan itu adalah bagi memenuhi kehendak, keperluan dan permintaan umat Islam terhadap perkhidmatan tersebut di negara ini.

Dalam usianya yang telah menjangkau 50 tahun itu, jelas menggambarkan bahawa perkhidmatan hal ehwal ugama Islam itu merupakan salah satu komponen penting dalam pentadbiran negara iaitu sejak zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sehinggalah ke zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda sangat mengambil berat mengenai ajaran-ajaran ugama Islam ini dalam membangun bangsa dan negara, ini jelas sebagaimana titah baginda sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha tahun 1417 Hijrah, antara titah baginda:

"Beta suka menegaskan bahawa ajaran-ajaran agama Islam akan tetap dihayati dan dipakai untuk memandu pembangunan ummah. Kerana kita adalah kurang yakin dengan kemajuan-kemajuan yang kosong dari agama, sekalipun ada orang lain yang tidak sependapat dengan kita."

Dengan pengalaman dan sejarahnya yang tersendiri, perkhidmatan hal ehwal ugama Islam di negara ini telah menempa berbagai-bagai perubahan dan kemajuan sejak ia dimulakan 50 tahun yang lalu. Oleh yang demikian, sebagai tanda ingatan dan ristaan, buku ini merupakan salah satu naskah catatan yang dapat memberikan sumber inspirasi, cetusan minda dan panduan kepada kita semua. Semoga tujuan buku ini diterbitkan akan dapat memberikan banyak manfaat kepada kita semua.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Mulia
Awang Haji Abdul Aziz bin
Orang Kaya Maharaja Lela
Haji Yussof

SETIAUSAHA TETAP
KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA

Sejambak Kata

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى اله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana dengan rahmat dan izinNya jua kita telah dapat mengungkayahkan dan menerbitkan buku Sempena 50 Tahun Perkhidmatan Hal Ehwal Ugama di Negara Brunei Darussalam pada 10 Syawal 1430 bersamaan 29 September, 2009.

Selawat serta salam kepada junjungan besar kita Saiyidina Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*, kepada kaum kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Buku ini diterbitkan bukan sahaja sebagai tanda kenangan sempena sambutan 50 tahun perkhidmatan hal ehwal ugama Islam, akan tetapi tujuan utamanya adalah untuk menjadi salah sebuah koleksi sejarah yang mencatatkan tentang perjalanan, perkembangan dan kemajuan perkhidmatan Hal Ehwal Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam serta memberikan gambaran jelas terhadap pencapaiannya selama setengah abad yang lalu yang akan menjadi tatapan dan ristaan kepada generasi sekarang dan akan datang.

Di samping itu juga ia bertujuan bagi mengimbas kembali tentang kewibawaan, kesungguhan dan kegigihan serta ketokohan para pemimpin yang telah menerajui dalam menjalankan dan menanai tugas-tugas perkhidmatan hal ehwal ugama Islam untuk orang ramai di negara ini sehingga berkembang maju dan luas dalam pelbagai bidang dan aspek perkhidmatan.

Dalam tempoh 50 tahun itu, memanglah banyak kenang-kenangan, sejarah-sejarah dan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku yang sememangnya tidak akan dapat direkodkan dalam buku senaskah ini. Oleh itu naskah ini sedayanya diharapkan boleh menjadi sekilas ristaan, rujukan dan panduan serta dapat dimanfaatkan dalam apa-apa jua keperluan dan keutamaan terhadap sejarah perkhidmatan hal ehwal ugama Islam kepada mereka yang berkepentingan dengannya, terutamanya dalam usaha-usaha meningkatkan dan mengembangmajukan perkhidmatan ugama Islam di negara ini.

Akhirnya, dengan rendah hati, saya mewakili Jawatankuasa Penerbitan Buku 50 Tahun Perkhidmatan Hal Ehwal Ugama, merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua pihak yang banyak memberikan kerjasama dalam menyediakan bahan-bahan buku ini dan tidak lupa kepada orang-orang perseorangan yang sudi memberikan koleksi peribadi yang turut sama dimuatkan dalam buku ini, hanya Allah Subhanahu wa Ta'ala sahaja yang akan memberikan sebarang balasan ganjaran kebajikan yang selayaknya. Tahniah juga di atas kejayaan penerbitan buku ini, semoga ia memberikan manfaat dalam memberikan maklumat dan pengetahuan kepada semua.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pendahuluan

Perkhidmatan Hal Ehwal Ugama mencapai 50 tahun penubuhannya pada 29 September 2009 bersamaan 10 Syawal 1430. Majlis Doa Kesyukuran telah diadakan pada tarikh tersebut bertempat di Masjid Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Semenjak tahun 1959, Jabatan Hal Ehwal Ugama dibangun sebagai Institusi Ugama yang bertindak melindungi ugama Islam dan bertanggungjawab dalam semua hal yang berkaitan dengannya di samping berperanan merancang, melaksana, menilai program dan aktiviti demi kepentingan agama Islam di negara ini.

Mengenang sejarah penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam dengan sendirinya secara langsung mengungkit kembali sebahagian sejarah kegemilangan pimpinan dan pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan yang ke-28 Negara Brunei Darussalam.

Kenyataan ini dapat dibuktikan kerana peranan Al-Marhum dalam bidang ini sudah bermula sejak Al-Marhum belum menjadi Sultan lagi, dalam masa pemerintahan kekanda Al-Marhum iaitu Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin, telah memperkenankan penubuhan sebuah Badan Penasihat Ugama dalam tahun 1948 yang diberi nama 'Penasihat Ugama Islam' *(Mohammaden Religious Adviser)*. Al-Marhum

Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien yang ketika itu dikenali sebagai Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Bendahara (mengikut Notification No.20/1948 yang ditandatangani oleh British Resident pada masa itu) merupakan salah seorang anggota terkuat badan berkenaan.

Dengan kuatkuasa Perlembagaan Negara Brunei pada 29 September 1959, Jabatan Hal Ehwal Ugama diasingkan dari Jabatan Adat Istiadat dan Kebajikan dan berdiri sebagai sebuah jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien sedang memerhati rancangan pembinaan bangunan yang dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama. Di sebelah kanan Al-Marhum ialah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaluddin, Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama ketika itu.

Itulah sejarah awal yang membawa penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam sehingga tertubuhnya Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Dalam usaha untuk memberikan gambaran yang jelas perkembangan ugama dan kemajuan yang telah dicapai selama setengah abad yang lalu buku ini menceritakan dua bahagian iaitu catatan detik-detik bersejarah perkhidmatan ugama yang menukilkan beberapa peristiwa indah sepanjang 50 tahun perkhidmatan ugama dan catatan keorganisasian yang memaparkan perkembangan dan kemajuan perkhidmatan ugama di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Perkhidmatan Ugama Sebelum 1959

Perkembangan perkhidmatan dalam bidang Ugama adalah suatu faktor yang mempengaruhi sejarah Negara Brunei Darussalam dari masa ke semasa. Merista kembali walaupun secara ringkas kenangan perjalanan pentadbiran yang dicapai oleh negeri ini dalam bidang ugama adalah sangat penting. Sebelum Jabatan Hal Ehwal Ugama diasingkan dari tiga cawangan (Selain Jabatan Adat Istiadat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat) pada 29 September 1959 tercatat beberapa lakaran sejarah seperti:

1948

Hal Ehwal Ugama Islam Brunei ditadbir oleh sebuah badan yang dinamakan 'Penasihat Ugama Islam' *(Mohammaden Religious Adviser)*.

1954

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menubuhkan Majlis Mesyuarat Syariah, bagi memperkuat kedudukan ugama Islam dan ke arah usaha mengambil berat ke atas hal ehwal ugama Islam.

Pada 1 Julai 1954, tertubuhnya Jabatan Hal Ehwal Ugama, Adat Istiadat dan Kebajikan.

1955

Ditubuhkan Majlis Ugama Islam Brunei.

Detik-Detik Bersejarah

SEPANJANG 50 TAHUN PERKHIDMATAN HAL EHWAL UGAMA 1959 - 2009

1959

29 September 1959 bersamaan 26 Rabiulawal 1379H

SURAT PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI 1959

Perlembagaan Negeri Brunei telah dikuatkuasakan. Dalam Bahagian II – UGAMA DAN ADAT ISTIADAT BAB 3 (1) menyebutkan:

"Ugama rasmi bagi Negeri ialah ugama Islam menurut Ahli Sunnah wal Jama'ah tetapi ugama-ugama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya."

Dengan termaktubnya kuatkuasa tersebut, Jabatan Hal Ehwal Ugama diasingkan dari Jabatan Adat Istiadat dan Kebajikan serta berdiri sebagai sebuah Jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Ugama.



بهاگين II

اوگام

اوگام نگري دان چارا برعبادة.

3. (1) اوگام رسمي باگي نگري ايالة اوگام اسلام منورت اهل السنة والجماعة تتاڤي اوگام٢ يغلاءين برله دعسلكن دغن امان دان سمڤرن اوله مريك يغ مغعسلكنن.

(2) كتوا اوگام نگري ايالة سلطان.

(3) ڤگاوي يغ كانن سكالي يغ برتغكوغجواب كڤد سلطان بركنان دغن اوگام. عادة استعادة دان كبجيكن نگري ايالة ڤرتام ڤغتوا اوگام. كدوا يغ ڤرتوا عادة استعادة دان كنيك ڤگاوي كبجيكن منارك.

4 November 1959M bersamaan 3 Jamadilawal 1379H

PENGHANTARAN PERTAMA KE UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR

Akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei keluaran 4 November 1959 telah memuatkan berita mengenai pengurniaan biasiswa kepada empat orang penuntut Brunei untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar, Mesir. Inilah julung-julung kalinya warga Brunei dihantar melanjutkan pelajaran ke universiti berkenaan.

Empat orang penuntut Brunei itu ialah:

Awang Muhammad Zain bin Haji Serudin (sekarang dikenali sebagai Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin)

Awang Abdul Rahman bin Pehin Khatib Abdullah (sekarang dikenali sebagai Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Khatib Abdullah)

Awang Abdul Hamid bin Mohd Daud (sekarang dikenali sebagai Dato Seri Setia Awang Abdul Hamid bin Mohd Daud)

Awang Mahalee bin Haji Abdullah (sekarang dikenali sebagai Dato Seri Setia Awang Mahalee bin Haji Abdullah)

KENANGAN PERADUAN MEMBACA AL-QURAN ANJURAN PENUNTUT-PENUNTUT UGAMA SEBERANG LAUT

Gambar ramai pemenang-pemenang Peraduan Membaca Al-Quran dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Membaca Al-Quran tahun 1959 yang dianjurkan oleh penuntut-penuntut ugama seberang laut bersama dengan Kadi Besar Negara Brunei Darussalam Al-Marhum Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Haji Muhammad Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohammad (Berdiri bilangan 8 dari kiri) sebagai penaung Jawatankuasa Peraduan tersebut.

1960 hingga 1969

PENGURUSAN JEMAAH HAJI BRUNEI

Pada tahun 1960 buat kali pertama penghantaran jemaah-jemaah haji Negara Brunei Darussalam dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dan diketuai oleh seorang Pegawai Urusan Haji, yang mana sebelumnya di bawah kelolaan Pejabat British Resident Brunei.

1960

PEJABAT JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Bangunan Lapau lama pernah menjadi pejabat Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dalam tahun 1960-1966. Sekarang dijadikan Balai Pameran, Jabatan Pusat Sejarah Brunei Darussalam.

Awang Ibrahim bin Mohd. Tinggal, Pegawai Urusan Haji.

Kapal Anshun yang membawa para jemaah haji dari Brunei, Sabah, Sarawak dan Singapura di tahun 60an.

1961

25 Ogos 1961M bersamaan 13 Rabiulawal 1381H:

MASJID CAHAYA DERMA BAKTI, KAMPUNG PENANJONG, TUTONG

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien menyempurnakan Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Cahaya Derma Bakti, Kampung Penanjong, Tutong. Masjid ini mula dibina pada tahun 1960 dan mula digunakan pada 17 Februari 1961.

Masjid Cahaya Derma Bakti, Kampung Penanjong (Masjid pertama) (Dibina dalam tahun 1960).



Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien bersama dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Cahaya Derma Bakti dan penduduk-penduduk Kampung Penanjong, Daerah Tutong sejurus Majlis Pembukaan Rasmi Masjid berkenaan.

1962

MENUNAIKAN IBADAH HAJI

Pada tahun 1962 Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien menunaikan ibadah Haji bagi kali kedua. Baginda telah menunaikan ibadah haji kali pertama pada tahun 1951.

Keberangkatan pulang Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien daripada menunaikan ibadah haji kali kedua pada tahun 1962.

1963

20 Januari 1963M bersamaan 24 Sya'ban 1382H:

KELAS DEWASA UGAMA

Kelas Dewasa Ugama ditubuhkan di seluruh negara dengan tujuan:

- Menanamkan benih semangat kesedaran berugama kepada setiap orang dewasa (yang tidak dapat peluang belajar ugama)
- Menimbulkan kesedaran masyarakat dewasa supaya mereka menjadi anggota masyarakat yang hidup berjasa pada ugama, bangsa dan negara
- Melahirkan rakyat yang cergas berakhlak sempurna dan taat menjunjung perintah Allah Yang Maha Esa (beribadat).

1964

13 Ogos 1964M bersamaan 4 Rabiulakhir 1384H:

BANGUNAN MADRASAH

Perletakkan batu asas bangunan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud Timbalan Menteri Besar Negeri Brunei.

20 Ogos 1964M bersamaan 11 Rabiulakhir 1384H:

BANGUNAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Perletakkan batu asas bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal Maun Menteri Besar Negeri Brunei.



24 September 1964M bersamaan 17 Jamadilawal 1384H:

SEKOLAH MENENGAH ARAB LAKI-LAKI HASSANAL BOLKIAH

Perletakkan batu asas bagi Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah disempurnakan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II ketika mengurniakan titah sempena perletakan Batu Asas Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) pada hari Khamis 24 September 1964.



Batu asas Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

25 September 1964M bersamaan 18 Jamadilawal 1384H:

MASJID MUHAMMAD JAMALUL ALAM KUALA BELAIT

Pembukaan rasmi Masjid Muhammad Jamalul Alam Kuala Belait oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II ketika berangkat tiba di Daerah Belait pada hari Jumaat 18 Jamadilawal 1384, bersamaan 25 September 1964 untuk merasmikan pembukaan Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.



Masjid Muhammad Jamalul Alam, di Daerah Belait telah dibuka dengan rasminya oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II pada hari Jumaat 18 Jamadilawal 1384, bersamaan 25 September 1964.

1965

13 Februari 1965M bersamaan 11 Syawal 1984H:

PEJABAT HAL EHWAL UGAMA BELAIT

Perletakan batu asas Pejabat Hal Ehwal Ugama Belait yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Awang John Lee Pegawai Kewangan Negeri Brunei merangkap Persuruh Jaya Kemajuan Negeri Brunei.

Batu Asas Pejabat Hal Ehwal Ugama Belait.

Yang Berhormat Awang John Lee Pegawai Kewangan Negeri Brunei merangkap Pesuruh Jaya Kemajuan Negeri Brunei.

10 April 1965M bersamaan 7 Zulhijjah 1384H:

MASJID UTAMA MOHAMMAD SALLEH PEKAN BANGAR TEMBURONG

Peletakan batu asas Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar Temburong disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Muda Haji Hashim ibni Pengiran Anak Abdul Rahman.

17 April 1965M bersamaan 15 Zulhijjah 1384H:

MASJID HASSANAL BOLKIAH PEKAN TUTONG

Peletakan batu asas Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae Wal Masyuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

6 Jun 1965M bersamaan 6 Safar 1385H:

PERSIDANGAN

Persidangan Ahli-Ahli Jawatankuasa masjid-masjid seluruh Daerah Brunei dan Muara.

Oktober 1965M bersamaan Jamadilakhir 1384H:

KELAS MEMBACA AL-QURAN

Pada tahun 1965 sebuah kelas membaca al-Quran telah dibuka. Pengawas kelas membaca al-Quran pertama yang dilantik ialah Awang Haji Khalidi bin Awang Abdul Karim.

Awang Haji Khalidi bin Haji Abdul Karim Pegawas Qur'an Negeri Brunei.

1 Mac 1966M bersamaan 10 Zulhijjah 1385H:

PENGAJIAN SEKOLAH MENENGAH ARAB

Sekolah Menengah Arab telah memulakan pengajiannya di Bangunan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama. Bilangan pelajar pada ketika itu adalah seramai 46 orang yang kesemuanya terdiri daripada kalangan lelaki.

Bangunan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama

22 Mei 1966M bersamaan 1 Safar 1386H:

KELAS PERGURUAN

Penubuhan satu kelas perguruan untuk memberi peluang kepada guru-guru tempatan yang belum terlatih (guru-guru pelatih diambil menjadi guru ugama setelah tamat darjah VI ugama) Mata pelajaran yang diajarkan ialah:

1. Kaedah mengajar (pelajaran asasi)
2. Ilmu jiwa kanak-kanak (pelajaran asasi)
3. Petua mengajar (pelajaran asasi)
4. Tafsir Al-Quran (pelajaran tambahan)
5. Hadith (pelajaran tambahan)
6. Fiqh (pelajaran tambahan)
7. Tauhid (pelajaran tambahan)
8. Tarikh (pelajaran tambahan)

13 Jun 1966M bersamaan 23 Safar 1386H:

SEKOLAH UGAMA ARAB MENENGAH RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT

Peletakkan batu asas Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Damit telah dilaksanakan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Sekolah ini mula digunakan pada tahun 1967 dengan menawarkan pendaftaran bagi penuntut perempuan.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II ketika mengurniakan titah sempena perletakan batu asas Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD) pada 13 Jun 1966.

Pemandangan bangunan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD).

26 Ogos 1966M bersamaan 9 Jamadilawal 1386H:

MASJID HASSANAL BOLKIAH TUTONG

Pembukaan rasmi Masjid Hassanal Bolkiah Tutong oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Masjid Hassanal Bolkiah Daerah Tutong siap pembinaan pada pertengahan tahun 1966. Tapak bangunan masjid ini adalah wakaf daripada Abdul Latif bin Khataf dan Mohd. Daud bin Bujang.

1 September 1966M bersamaan 15 Jamadilawal 1385H:

JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Pusat Pentadbiran Hal Ehwal Ugama telah memiliki bangunan sendiri yang dinamakan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan dirasmikan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ketika merasmikan pembukaan bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama pada tahun 1966 yang terletak bersebelahan Masjid Omar 'Ali Saifuddien di Bandar Brunei.

Bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, tersergam indah dengan menaranya yang menjulang, lambang keagungan Islam di negeri Brunei dan telah membuktikan Ugama Islam sebagai Ugama Rasmi Negara.

6 November 1967M bersamaan 3 Sya'ban 1387H:
PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN PEJABAT HAL EHWAL UGAMA BELAIT

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaluddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama sewaktu melawat bangunan Pejabat Hal Ehwal Ugama Kuala Belait setelah melakukan upacara pembukaan rasmi pejabat tersebut pada hari Isnin 3 Sya'ban 1387H bersamaan 6 November 1967M.

"...tidaklah teragak-agak lagi akan memberikan sebarang kemudahan.... yang difikirkan benar-benar akan membawa faedah kepada Ugama Islam", petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah semasa membuka rasmi Jabatan Hal Ehwal Ugama Kuala Belait.



19 Disember 1967M bersamaan 17 Ramadhan 1387H:

BAHTERA MAHLIGAI

Pembukaan rasmi "Bahtera Mahligai" disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena memperingati ulang tahun Nuzul al-Quran yang ke 1400. Tempat ini juga digunakan untuk acara-acara bercorak keugamaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sewaktu merasmikan pembukaan "Bahtera Mahligai".

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan bertitah sempena memperingati ulang tahun Nuzul Al-Quran yang ke 1400 yang berlangsung di Lagoon Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Brunei pada 18 Disember 1967.

Mufti Kerajaan Brunei, Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Awang Haji Ismail bin Abd Aziz sedang membaca doa penutup di majlis berkenaan.

"Bahtera Mahligai" di Astaka Lagoon Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Brunei.

9 Mei 1968M bersamaan 10 Safar 1388H:

PEJABAT HAL EHWAL UGAMA DAERAH TUTONG

Peletakan batu asas Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong oleh Yang Berhormat Dato' Setia Awang Idris Taloq Daveis (dikenali sebagai Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja Dato Seri Utama Awang Idris Taloq Daveis Peguam Negara Brunei).

Yang Berhormat Dato' Setia Awang Idris Taloq Daveis Peguam Negara Brunei, ketika menyampaikan ucapan sebelum Majlis perletakan batu asas Pejabat Ugama Daerah Tutong.



Yang Berhormat Dato' Setia Awang Idris Taloq Daveis Peguam Negara Brunei, ketika menyempurnakan perletakan batu asas Pejabat Ugama Daerah Tutong.

1 Jun 1968M hingga 30 Jun 1968M bersamaan 4 Rabiulawal 1388H hingga 3 Rabiulakhir 1388H:

KURSUS MUALLAF

Kursus Bimbingan Muallaf Senegara Kali Pertama diadakan di Bangunan Madrasah.

21 Jun 1968M bersamaan 24 Rabiulawal 1388H:

MASJID UTAMA MOHAMMAD SALLEH, PEKAN BANGAR

Pembukaan rasmi Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar Temburong telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ketika berkenan bertitah di Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar Temburong pada 24 Rabiulawal 1388H bersamaan 21 Jun 1968M.

8 Julai 1968M bersamaan 11 Rabiulakhir 1388H:

MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Peletakan batu asas Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. dialu-alukan oleh Pengetua Hal Ehwal Ugama Brunei pada masa itu Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Anak Kemaluddin, Kadi Besar Awang Haji Md.Zain bin Serudin (Sekarang dikenali sebagai Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin) dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

1969

29 Mei 1969M bersamaan 12 Rabiulawal1389H:
PERARAKAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM

Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang disertai oleh peserta perempuan terdiri dari para penuntut serta persatuan belia. Perarakan pada ketika itu tidak diadakan serentak di setiap daerah seperti yang dilaksanakan sekarang.

penyampaian hadiah dan sijil peyertaan kepada ketua pasukan yang menyertai perarakan di Daerah Brunei pada 29 Mei 1969M bersamaan 12 Rabiulawal 1389H.

penyampaian hadiah dan sijil peyertaan kepada ketua pasukan yang menyertai perarakan di Daerah Belait pada 7 Jun 1969M bersamaan 21 Rabiulawal 1389H.

Pasukan penuntut perempuan yang turut serta dalam perarakan pada tahun 1969 bagi Daerah Belait.

1970 hingga 1979

1970

PEMBINAAN MASJID CAHAYA DERMA BAKTI, KAMPUNG PENANJONG

Masjid Cahaya Derma Bakti, Kampong Penanjong. Dibina dalam tahun 1970. Masjid ini tidak lagi digunakan sejak 14 Disember 1983.

1971

27 Oktober 1971M bersamaan 7 Ramadhan 1391H:

PENUBUHAN LEMBAGA PEPERIKSAAN PELAJARAN UGAMA BRUNEI

Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam warkah baginda bilangan HHPO 33/1964 menerusi surat dari Pengetua Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei.

25 November 1971M bersamaan 6 Syawal 1391H:

PEJABAT HAL UGAMA DAERAH TUTONG

Pembukaan rasmi bangunan Pejabat Hal Ugama Daerah Tutong disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Gambar Bangunan Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong.

1972

5 September 1972M bersamaan 26 Rejab 1392H:

SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ

Majlis sambutan Isra' dan Mi'raj diadakan serentak di ketiga-tiga daerah pada hari Selasa malam Rabu dengan pembentangan forum.

Ahli forum di majlis sambutan Isra' dan Mi'raj Daerah Belait

Ahli forum di majlis sambutan Isra' dan Mi'raj pekan Tutong

Ahli forum di majlis sambutan Isra' dan Mi'raj pekan Bangar Temburong

1973

6 Julai 1973M bersamaan 5 Jamadilakhir 1393H:

PEMBUKAAN RASMI MASJID KAMPONG TANJONG MAYA

Pembukaan Rasmi Masjid Kampung Tanjong Maya disempurnakan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Kampong Tanjong Maya.

Rakyat jelata yang hadir ke Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Kampong Tanjong Maya Tutong.

1974

30 Ogos 1974M bersamaan 11 Sya'ban 1394H:

MASJID KAMPONG PUDAK

Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Kampong Pudak disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar (Sekarang dikenali dengan Pengiran Indera Setia Sahibul Karib Pengiran Anak Hj Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar).

Masjid Kampong Pudak

Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Awang Haji Muhammad Zain bin Haji Serudin (Sekarang dikenali sebagai Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin) sedang manyampaikan ucapan di majlis pembukaan rasmi Masjid Kampong Pudak.

1975

5 July 1975M bersamaan 25 Jamadilakhir 1395H:

PEMBUKAAN MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

1976

16 mei 1976M bersamaan 17 Jamadilawal 1396H:

SEKOLAH UGAMA PENGIRAN MUDA MOHAMMAD BOLKIAH

Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dibuka rasmi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama, sekarang dikenali Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin.

Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Pekan Bangar, Temburong

23 Mei 1976M bersamaan 24 Jamadilawal 1396H:

SEKOLAH UGAMA RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA

Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Kampong Saba, Daerah Brunei-Muara dibuka rasmi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud.

Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba

11 Julai, 1976M bersamaan 14 Rejab 1396H:

SEKOLAH UGAMA PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH LURONG DALAM

Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Lurong Dalam, Daerah Brunei-Muara dibuka rasmi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Menteri Besar Negara Brunei Darussalam.

Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Lurong Dalam

1977

1 Ogos 1977M bersamaan 15 Syaaban 1397H:

SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI MASNA

Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna Daerah Brunei-Muara dibuka rasmi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar, Setiausaha Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna

Masjid Kampong Lamunin

1977:

MASJID KAMPONG LAMUNIN

Masjid Kampong Lamunin, masjid ini dibina pada tahun 1977. Terletak kira-kira 23km dari Pekan Tutong. Dibina di atas tapak tanah seluas 0.25 ekar wakaf daripada Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Rahman dan siap pada 8 Ogos 1978.

QARI BRUNEI DARUSSALAM

Negara Brunei Darussalam julung-julung kalinya menempa nama di peringkat antarabangsa apabila peserta Qari Brunei Darussalam iaitu Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit berjaya menjadi Johan Qari Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun 1977. Beliau juga pernah memenangi tempat ketiga pada tahun 1973.

Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit, johan Qari Antarabangsa dalam Musabaqah Membaca Al-Quran 1977 di Kuala Lumpur, Malaysia, mengalahkan 18 peserta negara lain.

1978

QARIAH BRUNEI DARUSSALAM

Qariah Brunei Darussalam iaitu Dayang Hajah Siti Ara binti Haji Idris mendapat tempat ketiga dalam Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.

Qariah negara yang pertama mengukir nama di peringkat antarabangsa ialah Dayang Hajah Siti Ara binti Haji Idris memenangi tempat ketiga pada tahun 1978.

1979

23 November 1979M bersamaan 3 Muharram 1400H:

MASJID MOHAMMAD BOLKIAH KAMPONG SERUSOP

Pembukaan rasmi Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan bertitah dan merasmikan Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop.

Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop.

1980 hingga 1989

1980

21 Januari 1980M bersamaan 3 Rabiulawal 1400H:

Jawatankuasa Menyesuaikan Undang-Undang Dengan Kehendak Ugama Islam telah diperkenankan.

7 Mac 1980M bersamaan 19 Rabiulakhir 1400H:

YANG DI-PERTUAN AGONG MALAYSIA

Kunjungan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia ke Negara Brunei Darussalam pada 7 Mac 1980.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan rombongan baginda sedang berangkat masuk ke pekarangan Masjid Omar 'Ali Saifuddien untuk bersembahyang Fardhu Jumaat. Rombongan baginda disambut oleh Yang Mulia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama (Sekarang dikenali dengan Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim).

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia ketika berkenan melawat negeri Brunei, bersama-bersama dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menerima ziarah daripada orang ramai sejurus selepas baginda berdua menunaikan sembahyang fardhu Jumaat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Brunei.

1981

6 Jun 1981M hingga 19 Jun 1981M bersamaan 3 Sya'ban 1401H hingga 16 Sya'ban 1401H:

PERWAKILAN ISLAM DARI JEPUN

Dua orang perwakilan Islam dari Jepun iaitu Tuan Haji Mustafa Komura, Penasihat *Japan Islamic Friendship Federation* dan Awang Mohd. Ali S. Kubayasi, Pengarah JIFF dan Penolong Setiausaha Agong *Japan Islamic Mosque* telah datang melawat Negara Brunei Darussalam selama dua minggu. Tujuan lawatan mereka adalah semata-mata untuk memperteguhkan tali silaturrahim di antara umat Islam Jepun dengan umat Islam Brunei.

Awang Mohd. Ali S. Kubayasi telah memberikan lima formula penting yang menyentuh tentang keharmonian dan keamanan Negeri Brunei, iaitu:

(i) Kerana Islam sebagai ugama dan ideologi negara, dengan sendirinya Negara akan menolak segala unsur-unsur negatif yang bertentangan dengan kehidupan Islam;

Yang Mulia Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama sedang menunjukkan cetakan ayat suci Al-Quran kepada perwakilan Islam Jepun.

(ii) Brunei berbangga dengan Sultannya yang adil dan sentiasa mengambil berat terhadap kehidupan rakyat;

(iii) Kehidupan tradisi orang-orang Melayu yang sentiasa hormat-menghormati antara satu sama lain;

(iv) Pembangunan Brunei yang pesat baik dari segi mental mau pun fizikal;

(v) Brunei sebagai sebuah negara yang makmur dengan hasil minyaknya.

Rombongan Pemimpin-Pemimpin Islam Jepun sewaktu melawat Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Brunei.

1982

5 November 1982M bersamaan 18 Muharram 1403H:

MASJID KAMPUNG PUNI

Perasmian Masjid Kampong Puni, Daerah Temburong disempurnakan oleh Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri (Sekarang dikenali dengan Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri).

1983

30 Mac 1983M bersamaan 15 Jamadilakhir 1403H:

MASJID KAMPONG PENANJONG

Masjid Kampong Penanjong terletak kira-kira 8km dari Pekan Tutong. Masjid ini dibina di atas tapak tanah seluas 2.35 ekar dan siap pada 19 November 1983 dengan perbelanjaan sebanyak $686,423.00.

Masjid Kampong Penanjong

31 Disember 1983M bersamaan 26 Rabiulawal 1404H:

MAJLIS MEMBACA YASSIN DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA KEMERDEKAAN

Majlis Membaca Yaasin dan Doa Kesyukuran diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien sempena Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berangkat ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien untuk bersama-sama menyertai rakyat dan penduduk bersembahyang fardhu Maghrib dan Isya' pada 31 Disember 1983.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja menunaikan sembahyang fardhu Maghrib dan Isya' berjemaah di Masjid Omar 'Ali Saifuddien sebelum pengisytiharan kemerdekaan pada 1 Januari 1984.

1984

1 Januari 1984M bersamaan 27 Rabiulawal 1404H:

PERMASYHURAN KEMERDEKAAN

Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh dengan laungan Allahu Akbar.

Permasyhuran kemerdekaan penuh Negara Brunei Darussalam telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Antara titah permasyhuran menyatakan: "Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin dan limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran ugama Islam menurut ahli sunnah wal Jama'ah berasaskan keadilan."

Dari titah tersebut dapat kita fahami akan fungsi dan tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Ugama sebagai peneraju dalam menguatkan ajaran Islam melalui jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah kawalannya. Jabatan Hal Ehwal Ugama diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

18 Mac 1984M hingga 25 Mac 1984M bersamaan 15 Jamadilakhir 1404H hingga 22 Jamadilakhir 1404H:

PERSIDANGAN BELIA ISLAM BAGI ASIA TENGGARA DAN PASIFIK

Jabatan Hal Ehwal Ugama mengadakan Persidangan Belia Islam bagi Asia Tenggara dan Pasifik di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Sebahagian daripada para peserta dari luar negeri yang menghadiri pembukaan Rasmi Persidangan Belia Islam bagi Asia Tenggara dan Pasifik bertempat di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 18 Mac hingga 25 Mac 1984.

1985

16 September 1985M bersamaan 1 Muharram 1406H:

PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

Perasmian bangunan Pusat Da'wah Islamiah telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seminar Kefahaman Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Peraduan Menulis Khat Asean diadakan sempena pembukaan Pusat Da'wah Islamiah yang antara lain bertujuan bagi menggalakan penyebaran tulisan jawi serta dapat mendekatkan umat Islam untuk menikmati keindahan seni khat.

1986

21 Oktober 1986M bersamaan 16 Safar 1407H:

PENAIKTARAFAN DAN PENUBUHAN JABATAN SERTA BAHAGIAN

Beberapa jabatan dan bahagian di Jabatan Hal Ehwal Ugama telah dinaiktaraf dan juga ditubuhkan. Di antaranya ialah:

(i) Jabatan Hal Ehwal Ugama telah dinaiktaraf menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama.

(ii) Bahagian Pentadbiran telah dinaiktaraf menjadi Jabatan Pentadbiran.

(iii) Pentadbiran Pelajaran Ugama telah dinaiktaraf menjadi Jabatan Pengajian Islam yang memainkan peranan terbesar dalam hal ehwal pendidikan ugama di Negara Brunei Darussalam.

(iv) Jabatan Hal Ehwal Syar'iah juga telah ditubuhkan.

1987

8 Ogos 1987M bersamaan 12 Zulhijjah 1407H:

MENUNAIKAN IBADAH HAJI

Keberangkatan pulang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setelah melaksanakan ibadah haji buat kali pertama.

1988

15 Mac 1988M bersamaan 26 Rejab 1408H:

BALAI IBADAT MUKIM SABA

Majlis Pelancaran Pembinaan Balai Ibadat Mukim Saba disempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (Sekarang dikenali dengan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned).

Balai Ibadat Kampong Saba dibina pada tahun 1987.

1989

2 Julai 1989M bersamaan 28 Zulkaedah 1409H:

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM

Penubuhan Institut Pengajian Islam dengan hasrat Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi meningkatkan pengajian Islam dari tahap Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) ke peringkat Diploma. Graduan-graduan pertama pemegang Diploma Pengajian Islam dalam bidang Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab dan Pendidikan Islam dianugerahkan pada tahun 1992.

7 Ogos 1989M bersamaan 5 Muharram 1410H:

PERTEMUAN MABIMS

Negara Brunei Darussalam dipersetujui menjadi tuan rumah pertama bagi Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia (MABIMS) pada 7 Ogos 1989M bersamaan 5 Muharram 1410H (mulai tahun 1994 Singapura telah diterima dengan rasminya menjadi anggota penuh dalam MABIMS ini).

(Pada 17 Mei hingga 19 Mei 1989 Muktamar Ke-4 Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Ugama berlangsung di Jeddah, Arab Saudi yang dianjurkan oleh Kementerian Haji dan Wakaf, Arab Saudi. Muktamar ini dihadiri oleh perwakilan dari 41 buah negara Islam termasuklah dari rantau Asia Tenggara iaitu perwakilan dari Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia).

Ketiga-tiga Menteri Ugama (Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia) telah memikirkan akan perlunya kerjasama yang lebih rapat antara ketiga negara berkenaan sebagai langkah susulan bagi mencapai tujuan-tujuan dalam persidangan di Jeddah itu. Muktamar tersebut membincangkan tiga perkara seperti berikut:

- Cara-cara meningkatkan dakwah.
- Aliran-aliran yang mengancam dunia Islam.
- Penyelarasan antara media-media yang bekerja dalam bidang dakwah.

1990 hingga 1999

1990

17 Julai 1990M bersamaan 23 Zulhijjah 1410H:

MA'HAD ISLAM BRUNEI

Pembukaan rasmi Ma'had Islam Brunei disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

16 Oktober 1990M bersamaan 26 Rabiulawal 1411H:

PENGIKTIRAFAN HAFIZ PERTAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Awang Suhaili bin Haji Metali (sekarang dikenali Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin Haji Metali) telah diisytiharkan menjadi Hafiz pertama Negara Brunei Darussalam dan menerima sijil penghormatan, bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam Darjah Seri Ugama Islam Yang Amat Bersinar dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz pertama Negara Brunei Darussalam. (Sekarang dikenali Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin Haji Metali).

1991

13 Julai 1991M bersamaan 1 Muharram 1412H:

JASAWAN UGAMA PERTAMA

Jasawan Ugama pertama dianugerahkan kepada Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Awang Metali bin Mat Yassin sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1412H/1991M.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan anugerah Jasawan Ugama kepada Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Awang Metali bin Mat Yassin sempena sambutan Awal Tahun Hijrah 1412 bersamaan tahun 1991 Masehi.

1992

5 April 1992M bersamaan 1 Syawal 1412H:

KHUTBAH HARI RAYA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membaca Khutbah Hari Raya di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ketika membaca Khutbah Hari Raya.

18 Jun 1992M bersamaan 17 Zulhijjah 1412H:

MENUNAIKAN IBADAH HAJI KETIGA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selamat berangkat pulang dari menunaikan ibadah haji kali ketiga.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman setelah berangkat pulang dari menunaikan ibadah haji kali ketiga.

Julai 1992M bersamaan Awal Muharram 1413H:

TOKOH UGAMA PERTAMA

Mufti Pertama Negara Brunei Darussalam dikurniakan anugerah Tokoh Ugama Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mengurniakan anugerah 'Tokoh Agama Brunei Darussalam' kepada Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Awal Tahun Hijrah 1413 bersamaan tahun 1992 Masehi, di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

3 Oktober 1992M bersamaan 5 Rabiulakhir 1413H:

MUSHAF BRUNEI

Pelancaran rasmi penerbitan mushaf Al-Quran bertulis tangan yang dinamakan Mushaf Brunei Darussalam oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

1993

16 Julai 1993M bersamaan 26 Muharram 1414H:

JABATAN HAL EHWAL MASJID

Jabatan Hal Ehwal Masjid ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Hari Jumaat, 26 Muharram 1414H bersamaan dengan 16 Julai 1993. Urusan hal ehwal masjid sebelumnya dijalankan oleh Unit Masjid, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah.

1994

1 Mei 1994M bersamaan 20 Zulkaedah 1414H:

PENAIKTARAFAN JABATAN HAL EHWAL MASJID

Pada 1 Mei 1994, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah dengan rasminya menjadi sebuah jabatan dalam struktur Kementerian Hal Ehwal Ugama. Diketuai oleh seorang Pengarah dan seorang Penolong Pengarah.

14 Julai 1994M bersamaan 5 Safar 1415H:

JAME' 'ASR HASSANIL BOLKIAH

Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah mula digunakan sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-48 tahun. Masjid ini adalah waqaf Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah tersergam indah.

1995

15 September 1995M bersamaan 19 Rabiulakhir 1416H:

MASJID UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Masjid Universiti Brunei Darussalam adalah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hasil dari kutipan orang ramai. Pada 19 Rabiulakhir 1416 bersamaan dengan 15 September 1995 baginda sendiri telah membuka rasmi masjid ini. Terletak di Kampong Rimba, Jalan Tungku Link kira-kira 16km dari Bandar Seri Begawan. Masjid ini dibina pada tahun 1992 di atas tapak seluas 2.032 hektar dan siap pada tahun 1994 dengan perbelanjaan sebanyak $7,600,000.00.

Masjid Universiti Brunei Darussalam

1996

28 Februari 1996M bersamaan 8 Syawal 1416H:

MASJID PERPINDAHAN KAMPONG PANDAN

Masjid Perpindahan Kampong Pandan mula digunakan. Terletak kira-kira 5km dari Pekan Belait. Masjid ini dibina pada 18 Mac 1994 di atas tapak tanah seluas 6.5 ekar dan siap pada 17 Disember 1995 dengan perbelanjaan $14,000,000.00. Kapasitinya boleh menampung seramai 1,100 orang jemaah.

Masjid Perpindahan Kampong Pandan

1997

1 Januari 1997M bersamaan 21 Sya'ban 1417H:

UNIT PERUNDANGAN ISLAM

Unit Undang-Undang telah dinaiktaraf menjadi Unit Perundangan Islam.

1998

28 April 1998M bersamaan 1 Muharram 1419H:

BANGUNAN BARU KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Pusat Pentadbiran Hal Ehwal Ugama telah berpindah ke bangunan baru Kementerian Hal Ehwal Ugama yang terletak di Jalan Menteri Besar, Berakas.

8 Julai 1998M hingga 16 Julai 1998M bersamaan 13 Rabiulawal 1419H bersamaan 21 Rabiulawal 1419H:

PENEMPATAN KERJA

Penempatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

November 1998M bersamaan Rejab/Sya'ban 1419H:

JABATAN HAL EHWAL MASJID

Jabatan Hal Ehwal Masjid menempati bangunan baru yang terletak di Simpang 15, Jalan Sumbiling, Negara Brunei Darussalam.

1999

29 Januari 1999M bersamaan 11 Syawal 1419H:

MASJID AL-AMEERAH AL-HAJJAH MARYAM

Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Masjid ini adalah masjid wakaf.



25 Oktober 1999M bersamaan 15 Rejab 1420H:

JUARA KUIZ PERKHIDMATAN AWAM

Kementerian Hal Ehwal Ugama muncul juara dalam pertandingan akhir Kuiz Perkhidmatan Awam Kedua anjuran Jabatan Perkhidmatan awam sempena Hari Perkhidmatan Awam yang disambut pada setiap 29 September.

2 November 1999M bersamaan 23 Rejab 1420H:

KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA

Keberangkatan Lawatan Kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar.

2000 hingga 2009

2000

9 September 2000M bersamaan 9 Jamadilakhir 1421H:

INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Perasmian Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

PROGRAM ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM

Pada tahun 2000, Pusat Da'wah Islamiah telah berjaya meraih **Anugerah Emas** dalam program Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan, dengan tajuk 'Pencapaian Kualiti dan Produktiviti Penceramah Tempatan Dalam Penyebaran Da'wah' oleh kumpulan Mau'izah.

Kumpulan Mau'izah.

2001

28 Mac 2001M bersamaan 3 Muharram 1422H:

MAJLIS PETAH

Pelancaran Majlis Perjumpaan Tahunan sempena Awal Tahun Hijrah 1422 (atau dengan singkatan namanya sebagai Majlis PETAH Kementerian Hal Ehwal Ugama) disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama bertempat di Dewan Besar, Pusat Da'wah Islamiah.

Rancangan atau Program yang termasuk dalam PETAH yang pertama ini ialah:

(i) Pameran Perkembangan dan Kemajuan KHEU 1421-1422H

(ii) Ceramah Motivasi Keseronokan Dalam Bekerja

(iii) Kursus Penyediaan Laman Web (*Home Page) "Microsoft Frontpage"*

(iv) Majlis Perjumpaan Muhibah (MPM1) Dengan Pengurus-Pengurus Hotel, Apartment dan Rumah Persinggahan

(v) Majlis Perjumpaan Muhibah 2 (MPM2) Dengan Dewan Perniagaan Melayu, Persatuan Bumiputera dan Syarikat Persendirian

(vi) Kursus Ulangkaji Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Undang-Undang di Kementerian Hal Ehwal Ugama

(vii) Bengkel S.W.O.T. Analisis (Perancangan Strategik)

(viii) Kursus Kesedaran dan Penglibatan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan KHEU dalam Teknologi Informasi dan Komunikasi *(ICT Awareness and Participation of the MORA officers and staffs)*

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin Menteri Hal Ehwal Ugama memotong pita sebagai tanda Perasmian Pelancaran Majlis.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin Menteri Hal Ehwal Ugama ketika menyaksikan pameran.

19 November 2001M hingga 24 November 2001M bersamaan 3 Ramadhan 1422H hingga 8 Ramadhan 1422H:

PENEMPATAN KERJA

Penempatan kerja Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

26 Disember 2001 bersamaan 11 Syawal 1422H

MAJLIS PENGISLAMAN

Majlis pengislaman di hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddein Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Yang Mulia Datu Maharaja Setia Muhammad Simpok bin Datu Maharaja Setia Dian dan Isteri telah dilangsungkan.

31 Disember 2001M bersamaan 16 Syawal 1422H:

PENYERAHAN JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KE KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Jabatan Pengajian Islam diserahkan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan. Majlis penyerahan telah dilaksanakan pada 31 Disember 2001.

Penyerahan Jabatan Pengajian Islam ke Kementerian Pendidikan pada 16 Syawal 1422 bersamaan 31 Disember 2001.

2002

26 Mac 2002M bersamaan 12 Muharram 1423H:

PELANCARAN PUSAT KHIDMAT NASIHAT UGAMA

Pusat Khidmat Nasihat Ugama di masjid-masjid telah dilancarkan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama di Majlis Pelancaran Pusat Khidmat Nasihat Ugama yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

2003

KONVENSYEN KUMPULAN KERJA CEMERLANG

Kumpulan UKAZ dari Jabatan Majlis Ugama Islam mendapat **Anugerah Emas** dalam Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang peringkat Kebangsaan dengan tajuk projek 'Bantuan Bulanan Lambat'.

2004

PROGRAM ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM

Pasukan Al-Ahlam dari Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong mendapat **Anugerah Emas** dalam Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam dengan tajuk projek 'Mentertibkan Tanah Perkuburan Islam Sugan (TAPIS) Ke Arah Mewujudkan Tanah Perkuburan Islam Yang Bersistem' Di Daerah Tutong.

Kumpulan Al-Ahlam bergambar ramai semasa Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-11 1425H/2004M.

2005

1 Mac 2005M bersamaan 20 Muharram 1426H:

JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM

Urusetia Majlis Ugama Islam telah dinaiktaraf menjadi Jabatan Majlis Ugama Islam dan diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan diketuai oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam.

KONVENSYEN KUMPULAN KERJA CEMERLANG

Kumpulan An-Nuur dari Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mendapat **tempat ketiga** dalam Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan dengan tajuk projek 'Kaedah IQRA Belum Digunakan Sepenuhnya Dalam Pengajaran Pembelajaran Muqaddam di Masjid-Masjid.'

5 Febuari 2006 bersamaan 6 Muharram 1427H:

SEMINAR PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA

Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah-Sekolah Ugama diadakan bersempena awal tahun hijran 1427H.

Seminar ini diadakan buat kali pertama setelah penyerapan semula Jabatan Pengajian Islam ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seminar telah dibuka rasmi oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin ketika merasmikan seminar.

12 April 2006M bersamaan 13 Rabiulawal 1427H:

BICARA BUKU SASTERA

Majlis Bicara Buku Sastera berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Kerjasama Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

1 Mei 2006M bersamaan 2 Rabiulakhir 1427H:

HARAKAH DAKWAH

Majlis Harakah Dakwah diadakan bersempena 20 tahun Pusat Da'wah Islamiah, dengan tema Kefahaman Mengenai Ta'awwuz (perlindungan). Majlis telah dibuka rasmi oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

9 Mei 2006M bersamaan 10 Rabiulakhir 1427H:

PERKHIDMATAN E-ISLAM INFORMASI KIOSK

Program Promosi dan Jerayawara Perkhidmatan E-Islam Informasi Kiosk Kementerian Hal Ehwal Ugama telah diadakan bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

22 Mei 2006M bersamaan 23 Rabiulakhir 1427H:

PENCETAKAN SEMULA MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM

Majlis Perasmian Memulakan Pencetakan Semula Mushaf Brunei Darussalam dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang berlangsung di Jabatan Percetakan Kerajaan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama Ahli-Ahli Lujnah Penyemak dan Pentashih.

6 September 2006M bersamaan 12 Sya'ban 1427H:

HARI PELANGGAN YANG PERTAMA

Hari Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang pertama diadakan di bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

7 September 2006M bersamaan 13 Syaaban 1427H:

PUSAT DA'WAH ISLAMIAH TELAH DIIKTIRAF PERSIJILAN ISO MS 9001 / 2000

Bermula Februari 2006 dengan mengadakan taklimat dan perbincangan awal dengan konsultan dan seterusnya membuat pendaftaran dengan SIRIM. Untuk pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO MS 9001/2000 Pusat Da'wah Islamiah telah mengadakan Bengkel Penyediaan Sistem Dokumentasi, Bengkel Audit Dalaman untuk juruaudit yang dilantik iaitu seramai 26 orang dan juga Bengkel Pengendalian Rekod. Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) telah dikuatkuasa pada 1 Mei 2006. Bagi Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO MS 9001/2000, perkhidmatan utama yang dipersijilkan ialah:

- Pelaksanaan Aktiviti Da'wah Kepada Non Musllim dan Proses Pengislaman
  - Pelaksanaan Program Da'wah Kepada Non Muslim
  - Pelaksanaan Proses Pengislaman
- Pelaksanaan Program Pemantauan dan Pengukuhkan Aqidah, Akhlak dan Syariah
  - Pelaksanaan Bimbingan 10 Hari Saudara Baru
  - Pelaksanaan Kursus Bimbingan 14 hari Saudara-Saudara Baru
  - Bantuan Rumah Kepada Saudara-Saudara Baru
  - Pelaksanaan Program Kursus Pengukuhan Islam
  - Pelaksanaan Ceramah-Ceramah Ugama
  - Penapisan Bahan-Bahan Terbitan
  - Penerbitan Bahan Terbitan Ugama.

Bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti ISO MS 9001 / 2000 Pusat Da'wah Islamiah terlaksana sebelum menghadapi pengauditan oleh SIRIM, audit dalaman telah diadakan awal Ogos 2006, audit pra-pematuhan pada pertengahan Ogos. *Compliance Audit* oleh SIRIM telah diadakan pada penghujung Ogos 2006. Alhamdulillah Pusat Da'wah Islamiah telah diiktiraf persijilan ISO MS 9001 / 2000 pada 7 September 2006 dengan bilangan Reg. No. Ar 4120. Kemudian Pusat Da'wah Islamiah telah disambung pengiktirafan persijilan ISO MS 9001 / 2000 pada 23 Oktober 2007 dengan bilangan Reg. No. AR 4120.

2007

20 Januari 2007M bersamaan 1 Muharram 1428H:

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah dinaiktaraf menjadi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

11 September 2007M bersamaan 28 Sya'ban 1428H:

PENGANUGERAHAN BIASISWA SULTAN SCHOLAR

Majlis Penganugerahan Biasiswa 'Sultan Scholar' Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada Dayang Normasuzanah binti Awang Badaruddin, pelajar Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah bertempat di Istana Nurul Iman.

PENGANUGERAHAN BIASISWA PERTAHANAN

Penganugerahan Biasiswa Pertahanan pertama bagi penuntut lepasan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

2008

11 Februari 2008M bersamaan 3 Safar 1429H:

MoU DI ANTARA KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA DAN B-MOBILE COMMUNICATIONS SDN BHD

(i) Majlis Pelancaran Projek E-Muslim di Pusat Da'wah Islamiah oleh B-Mobile Communications Sdn Bhd. Projek E-Muslim adalah suatu perkhidmatan yang memberikan informasi dan pengetahuan kepada pengguna yang beragama Islam seperti waktu sembahyang dan khutbah.

(ii) Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dan B-Mobile Communications Sdn Bhd.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama menerima cenderamata daripada Dato Paduka Awang Haji Othman bin Haji Yaakub, Pengarah B-Mobile Communication Sdn Bhd.

Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) sedang dijalankan.

2008:

Majlis Penganugerahan Biasiswa Kementerian Pertahanan bagi beberapa penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah iaitu Fatinah binti Hj Abdul Wahab, Norazimah binti Haji Othman dan Siti Husnulkatimah binti Haji Md Yassin pada tahun 2008.

Fatinah Haji Abd Wahab

Norazimah Haji Othman

Siti Husnulkatimah Haji Md Yassin

26 September 2008M bersamaan 25 Ramadhan 1429H:

GENAP 50 TAHUN USIA MASJID OMAR 'ALI SAIFUDDIEN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Tanda Peringatan Jubli Emas Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

2009

10 Mac 2009M bersamaan 13 Rabiulawal 1430H:

RANCANGAN STRATEGIK KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA TAHUN 2010-2014

Perasmian Bengkel Penggubalan Buku Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama tahun 2010-2014 dalam usaha menanai tugas dan tanggungjawab untuk merealisasikan hasrat negara bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir.

9 April 2009M bersamaan 13 Rabiulakhir 1430H:

JUARA PERTANDINGAN KUIZ PERKHIDMATAN AWAM

Kementerian Hal Ehwal Ugama telah muncul juara bagi Pertandingan Kuiz Perkhidmatan awam kali ke-11.

Wakil dari Kementerian Hal Ehwal Ugama yang menjuarai pertandingan tersebut.

Tetamu kehormat menyampaikan cenderamata kepada Juara Pertandingan Kuiz Perkhidmatan Awam.

Sebahagian daripada jemputan yang hadir.

7 Ogos 2009M bersamaan 15 Sya'ban 1430H:

PENYERAHAN DOKUMEN AGIHAN ZAKAT

Majlis Penyerahan Dokumen Agihan Zakat kepada Asnaf Fakir Miskin dan penyerahan Dokumen Pelunasan Tunggakan Hutang Perumahan kepada Asnaf Al-Gharimin bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Seramai 4,000 orang Penerima Dokumen telah menerima anugerah tersebut yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

7 September 2009M bersamaan 17 Ramadhan 1430H:

MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM

Pelancaran bagi penerbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya Juz 1-3 sempena Sambutan Nuzul Al-Quran berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

17 September 2009M bersaman 27 Ramadhan 1430H:

PENGANUGERAHAN BIASISWA 'SULTAN SCHOLAR'

Penganugerahan Biasiswa 'Sultan Scholar' Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada Dayang Rabviyatul Adauyah @ Zahidah binti Haji Awang, penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah, bertempat di Istana Nurul Iman.

29 September 2009M bersamaan 10 Syawal 1430H:

50 tahun Jabatan Hal Ehwal Ugama

Majlis Doa Kesyukuran 50 tahun Jabatan Hal Ehwal Ugama bertempat di Masjid Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Majlis Ugama Islam

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

"..... Majlis hendaklah menjadi sebuah pertubuhan yang diperbadankan di bawah nama "Majlis Ugama Islam" yang turun-temurun dan mempunyai meterai pertubuhan....."

"..... Majlis hendaklah mempunyai kuasa-kuasa selanjutnya dan menjalankan tugas-tugas sebagaimana yang ditetapkan kepadanya oleh undang-undang ini atau mana-mana undang-undang bertulis."

Petikan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77

Sejarah

Majlis Ugama Islam adalah sebuah pertubuhan yang tertinggi di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai kuasa undang-undang di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Tugas dan peranan utama Majlis Ugama Islam ialah membantu dan menasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Ketua Ugama dalam semua hal yang berkaitan dengan agama Islam iaitu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab 38 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 seperti berikut :

"38. Majlis hendaklah, bagi pihak dan di bawah kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Ketua Ugama Rasmi Negara Brunei Darussalam, membantu dan menasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam semua hal yang berkaitan dengan agama rasmi Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah dalam semua hal-hal tersebut menjadi pihak berkuasa yang utama di Negara Brunei Darussalam, kecuali sejauh mana yang dipersyaratkan sebaliknya oleh Akta ini."

Majlis Ugama Islam adalah pembuat dasar untuk menentukan hala tuju pentadbiran Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam. Manakala Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah sebagai pelaksana dan pendokong terhadap dasar yang telah dibuat oleh Majlis Ugama Islam.

Sejarah Penubuhan Majlis

Majlis Ugama Islam ditubuhkan pada tahun 1956 pada zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-28 iaitu ayahanda

kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penubuhan Majlis Ugama Islam adalah menurut Undang-Undang No. 20/1955 Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 yang berkuatkuasa pada 1 Februari 1956. Undang-Undang ini adalah digubal berdasarkan Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Negeri Kelantan.

Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77

Undang-Undang No. 20/1955 Undang-Undang Majlis Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 telahpun dipinda dan kini dikenali dengan gelaran Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Undang-Undang Negara Brunei Darussalam pindaan 1984.

Pada masa ini sebahagian daripada Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 iaitu yang berkaitan dengan Jawatankuasa Kehakiman dan Mahkamah-Mahkamah Kadi dan yang berkaitan dengan Pernikahan, Perceraian dan Nafkah telahpun dimansuhkan mulai 1hb. Muharram 1422 bersamaan 26hb. Mac 2001 setelah berkuatkuasa Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 dan Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam Dengan berkuatkuasanya Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 itu maka seorang Ketua Hakim Syar'ie dan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah telah dilantik yang terdiri daripada Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah. Manakala Mahkamah-Mahkamah Syariah telah diwujudkan dan terdiri daripada 3 peringkat mahkamah seperti berikut :

Mahkamah Rayuan Syariah
Mahkamah Tinggi Syariah
Mahkamah Rendah Syariah

Majlis Ugama Islam Dalam Perlembagaan

Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Pindaan Tahun 2004, nama Majlis Ugama Islam telah dimasukkan dalam Bahagian II iaitu dalam tajuk Ugama Dan Adat Istiadat yang menyebutkan seperti berikut:

"Ugama Rasmi Negara Brunei Darussalam Dan Cara Beribadat".

Ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Ugama Islam. Tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.

Ketua ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Ugama Islam adalah badan yang bertanggungjawab untuk menyembahkan nasihat ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai semua perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.

Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaluddin Al-Haj (berdiri di tengah) selaku Yang DiPertua Majlis Ugama Islam Brunei, tatkala mempengerusikan salah satu mesyuarat majlis tersebut di bilik persidangan Majlis Ugama Islam Brunei di tingkat dua bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Bagi maksud perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh, setelah berunding dengan Majlis Ugama Islam, tetapi tidak semestinya mengikut nasihat Majlis itu, membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.

Majlis Ugama Islam mempunyai kuasa-kuasa dan tugas-tugas sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dan mana-mana undang-undang bertulis di Negara ini.

Kuasa-Kuasa di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 di antaranya adalah seperti berikut:

Majlis mengambil perhatian tentang dan bertindak menurut undang-undang bertulis yang dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam dan syarat-syarat Hukum Syara' (Bab 39).

Pemegang amanah bagi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir bagi harta pusaka dan sebarang amanah (Bab 9).

Pemegang amanah bagi semua harta baitulmal, waqaf dan nazar (Bab 100).

Memungut semua zakat dan fitrah dan pengagihannya kepada asnaf (Bab 114-121).

Menjadi nazir dan pemegang amanah bagi semua masjid di Negara Brunei Darussalam (Bab 123-126).

Mendaftar orang-orang yang baru memeluk ugama Islam (Muallaf) (Bab 164-166).

Pengislaman dan Memelihara Muallaf (Bab 167-168).

Mengawal sebarang pengajaran ugama Islam dan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan ajaran ugama Islam (Bab 185).

Mengawal kutipan-kutipan khairat (Bab 122).

Membuat sokongan dan urusan bagi perlantikan amil-amil (Bab 5, Peratoran Zakat dan Fitrah 1969).

Kuasa-Kuasa di bawah Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam 1999).

Membuat sokongan dan urusan bagi perlantikan Jurunikah-Jurunikah/Ketua Pendaftar/Timbalan Pendaftar/Pendaftar-Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang-Orang Islam di Negara Brunei Darussalam (Bab 26).

Kuasa-kuasa di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184:

Membuat sokongan dan urusan bagi perlantikan Ketua Hakim Syar'ie, Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan Pegawai-Pegawai Mahkamah Syariah yang lain (Bab 8. 9, 10, 11 dan 13).

Membuat sokongan dan urusan bagi perlantikan Ketua Penguatkuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama (Bab 26).

Kuasa-kuasa di bawah Akta Daging Halal Penggal 183:

Mengeluarkan Sijil Halal dan Label Halal bagi pusat-pusat penyembelihan yang diiktiraf halal.

Kuasa-kuasa di bawah Perintah Sijil Halal Dan Label Halal, 2005:

Mengeluarkan Sijil Halal bagi restoran-restoran dan tempat-tempat perniagaan.

Mengeluarkan Permit Halal dan Label Halal bagi produk-produk makanan halal.

AHLI-AHLI MAJLIS UGAMA ISLAM

Keahlian ahli-ahli Majlis Ugama Islam adalah seperti berikut:

- Yang Dipertua Majlis Ugama Islam adalah Menteri Hal Ehwal Ugama.
- Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam adalah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.
- Ahli-Ahli Majlis Ugama Islam adalah terdiri daripada berbagai-bagai peringkat seperti menteri-menteri, timbalan menteri, ahli-ahli ugama, ahli-ahli undang-undang dan lain-lain.
- Setiausaha Majlis Ugama Islam.

SENARAI NAMA YANG DIPERTUA MAJLIS UGAMA ISLAM SEJAK TAHUN 1954 HINGGA 2009

1. Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, (Tahun 1954 hingga 1960)

2. Allaharyam Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud, (1hb. Jun 1961 hingga 31hb. Mei 1963)

3. Allaharyam Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaluddin Al-Haj ibni Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohammad Yassin, (1hb. Jun 1963 hingga 31hb. Mei 1971)

4. Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin, (1hb. Jun 1971 hingga 31hb. Mei 2010).

PERSIDANGAN MAJLIS

Dalam menangani masalah keugamaan dan menentukan dasar pentadbiran Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam, Majlis Ugama Islam sentiasa mengadakan persidangan bagi membincangkan hal-hal yang berhubung dengan masalah Aqidah dan Syariah serta isu-isu semasa yang lain.

Apa jua keputusan dan dasar yang dibuat oleh Majlis Ugama Islam akan disembahkan kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai nasihat Majlis kepada Baginda.

Persidangan-Persidangan Majlis Ugama Islam

Persidangan Majlis Ugama Islam terbahagi kepada tiga seperti berikut :

Persidangan Umum

Persidangan ini diadakan pada setiap bulan yang biasanya diadakan pada hari sabtu minggu pertama setiap bulan. Persidangan ini khusus membincangkan hal-hal isu-isu ugama, undang-undang, isu-isu semasa dan lain-lain.

Persidangan Sesi Khas

Mengenai Dengan Penyesuaian Undang-Undang Dengan Kehendak Ugama Islam.

Persidangan ini adalah khusus bagi meneliti dan membincangkan cadangan draf undang-undang yang digubal oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam yang dikendalikan oleh Unit Perundangan Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Persidangan Khas/Sertamerta

Persidangan ini diadakan apabila ada satu-satu perkara yang perlu dibincangkan secara khusus atau perlu dibincangkan segera bagi mendapatkan ketetapan atau keputusan mengenainya dengan segera.

Kekerapan persidangan khas ini adalah tertakluk kepada adanya perkara-perkara atau isu-isu yang timbul yang memerlukan ketetapan atau keputusan yang segera mengenainya.

Sebahagian daripada Ahli-Ahli Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam di Mesyuarat Majlis Ugama Islam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan bertitah di Mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam, di Bilik Persidangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan pada 25 September 1990.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam di Bilik Persidangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan pada 25 September 1990.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam.

Mushaf BRUNEI DARUSSALAM



Penerbitan Mushaf Brunei Darussalam adalah antara mercu tanda kegemilangan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sultan yang ke-29 dan manifestasi kelslaman dan Negara Zikir.

MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM

Negara Brunei Darussalam telah menerbitkan Mushaf Brunei Darussalam tulisan tangan sebagai satu ristaan sejarah dan mercu tanda perkembangan syiar Islam di zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan Brunei yang Ke-29.

Usaha-usaha ke arah merealisasikan penulisan Mushaf Brunei Darussalam bermula dengan titah perkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi warkah baginda Bil: HMPO 70/1985 bertarikh 3 Rabiulawal 1407H bersamaan 6hb November 1986.

Penulisan Mushaf Brunei Darussalam bermula pada 8 Ramadhan 1408H bersamaan 25 April 1988M dengan kerjasama Kerajaan Republik Arab Mesir. Percetakan dan penjilidan sepenuhnya dilaksanakan pada Disember 1991 setelah selesai penulisan dan penyemakannya pada tanggal 29 Rabiulakhir 1410H bersamaan 28 November 1989M. Percetakan dan penjilidan Mushaf Brunei Darussalam ini dilaksanakan di bawah Syarikat Pencetak Al-Arham, Republik Arab Mesir dan kemudiannya dihantar ke Negara Brunei Darussalam pada bulan Ogos tahun 1992.

Majlis Pelancaran Mushaf Brunei Darussalam telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan September 1992 di Istana Nurul Iman sempena Jubli Perak Pemerintahan baginda menaiki takhta dan dicetak sebanyak 3 edisi iaitu:

- Edisi Khas – untuk kegunaan peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.
- Edisi Kulit Biru – untuk kegunaan Kementerian-Kementerian sebagai hadiah rasmi Kerajaan Brunei kepada tetamu dari negara-negara Islam.
- Edisi Kulit Hijau – khas untuk kegunaan kaum muslimin di Negara Brunei Darussalam dan untuk digunakan di Sekolah-Sekolah Ugama.

OBJEKTIF

- Sebagai satu ristaan sepanjang zaman atas pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang meneruskan dan meluaskan penghayatan Ugama Islam di Negara ini yang diasaskan oleh ayahanda Baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II.

- Untuk digunakan di Sekolah-Sekolah Ugama dan untuk kegunaan kaum muslimin khasnya di Negara Brunei Darussalam.
- Untuk menjadi hadiah rasmi Kerajaan Brunei kepada tetamu dari Negara-Negara Islam.

MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM BERWARNA HITAM

Mushaf ini khas dicetak untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM BERWARNA MERAH

Mushaf ini khas dicetak untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Untuk diberikan kepada kerabat-kerabat Diraja, Duli-Duli Wazir, Pengiran-Pengiran Cheteria, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Diraja dan Tetamu-Tetamu Negara.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyaksikan Manuskip Asli Tulisan Tangan Mushaf Brunei Darussalam di pameran mini sempena pencetakan semula mushaf Brunei Darussalam pada 24 Rabiulakhir 1427H bersamaan 22 Mei 2006M.

MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM BERWARNA BIRU

Mushaf ini khas diberikan kepada Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Tetap, Kementerian-Kementerian dan Tetamu-Tetamu Kementerian.

MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM BERWARNA HIJAU

Mushaf ini khas dicetak untuk orang awam.

MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM EDISI KECIL

Sejarah penulisan Mushaf Brunei Darussalam bermula pada 8 Ramadhan 1408H bersamaan 25 April 1988M dengan kerjasama Kerajaan Republik Mesir.

Pada tahun 2006, Mushaf Brunei Darussalam Edisi Kecil telah diterbitkan di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, dengan inisiatif Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam.

Penerbitan semula Mushaf Brunei Darussalam ke Edisi Kecil ini adalah sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang ke-60 tahun. Pelancaran majlis tersebut telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan, Jabatan Perdana Menteri pada hari Isnin, 24 Rabiulawal 1427H bersamaan dengan 22 Mei 2006M.

Penerbitan Mushaf Brunei Darussalam Edisi Kecil ini telah diungkayahkan sepenuhnya oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang telah diamanahkan dan dipertanggungjawabkan untuk mencetak sebanyak 150,000 naskah secara berperingkat-peringkat.

Harapan dalam usaha ke arah menerbitkan Mushaf Brunei Darussalam Edisi Kecil ini adalah untuk menjadi satu sumbangan dan kemudahan bagi seluruh rakyat dan penduduk yang berugama Islam di Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, Mushaf tersebut dapat menambahkan lagi koleksi Mushaf Negara Brunei Darussalam yang menjadi mercu tanda pencapaian dan perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM DAN TERJEMAHANNYA

PENDAHULUAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu berangkat meninjau ke beberapa buah institusi pendidikan ugama pada hari khamis 18 Safar, 1428 / 8 Mac 2007 telah mendapati penuntut-penuntut yang sedang belajar al-Quran menggunakan tafsir al-Quran dalam bahasa Indonesia susunan Department Agama Republik Indonesia edisi Arab Saudi.

Melihat perkara itu baginda menitahkan buku tafsir al-Quran perlu dipelbagaikan penerbitannya sebagaimana warkah kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, bil: HPPO 4/1981/ III bertarikh 17 Mac 2007 antara lain baginda menitahkan "Buku tafsir Al-Quran yang digunakan perlu dipelbagaikan dan tidak terhad kepada satu versi sahaja. Perlu difikirkan untuk menyediakan versi yang dihasilkan oleh Brunei Darussalam sendiri".

Hasrat baginda itu telah ditekankan lagi dalam titah semasa keberangkatan baginda ke Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1428H/2007M antara lain baginda menitahkan:

"… Beta amatlah gembira difahamkan, bahawa satu usaha sedang dibuat untuk menyusun tafsir Al-Quran yang diberi nama Tafsir Darussalam. Beta berharap, usaha ini akan berjaya dan kejayaan itu kelak, akan menjadi satu lagi mercu tanda kegemilangan Islam di Negara ini. Ia juga akan turut menambah banyak lagi bahan rujukan memahami kandungan Al-Quran, di samping kitab-kitab tafsir yang muktabar yang sedia ada."

Titah pada 24 Mei, 2007 sewaktu keberangkatan baginda ke Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1428H/2007M.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu berangkat meninjau ke beberapa buah institusi pendidikan ugama pada hari khamis 18 Safar 1428H / 8 Mac 2007M.

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam maka usaha menyusun dan menerbitkan tafsir Brunei Darussalam versi tempatan diteruskan dengan menubuhkan Jawatankuasa Penerbitan Tafsir Darussalam dan Pusat Da'wah Islamiah dilantik sebagai urussetia. Cara kerja projek menyusun dan menerbitkan Tafsir Darussalam juga ditetapkan sebagai panduan pelaksanaannya. Objektif penerbitan adalah seperti berikut;

- Menjadikan penyusunan Tafsir Darussalam ini sebagai Tafsir al-Quran versi tempatan.
- Memberikan kemudahan umat Islam di Negara ini untuk memahami dan mendalami isi al-Quran.
- Memudahkan umat Islam Brunei membuat sebarang rujukan mengenai al-Quran.

Cara kerja penyusunan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya dijalankan secara berperingkat-peringkat bermula dengan pengumpulan dan penyusunan oleh tenaga penulis dan penyusun sehingga ke sidang redaksi. Draf tersebut disemak dan dibincangkan oleh Panel Penyemak (Masyaikh) dalam Persidangan Masyaikh.

Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya Jilid Pertama iaitu Juz 1 – 3 telah dilancarkan pada hari Ahad (malam Isnin) 07 September 2009 sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara bagi tahun 1430 hijrah. Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji 'Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pelancaran bagi penerbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya Juz 1-3 sempena Sambutan Nuzul Al-Quran berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

KERJA-KERJA PENYEMAKAN DALAM PERSIDANGAN MASYAIKH DI PUSAT DA'WAH ISLAMIAH.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, TImbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (*Pengerusi*).

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd. Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Ketua Hakim Syar'ie.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar, Hakim Mahkamah Tinggi Syar'iah.

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki. Hakim Mahkamah Tinggi Syar'iah.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman bin Kahar.

MABIMS



MUSYAWARAH PEGAWAI TINGGI BAGI PERTEMUAN TAHUNAN
TIDAK RESMI MENTERI-MENTERI AGAMA

MABIMS

Semenjak dua dekad iaitu 1989-2009 Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengambil langkah mengukuhkan kerjasama di bidang keislaman dengan negara-negara anggota MABIMS.

MABIMS adalah suatu bentuk kesepakatan serantau yang bergerak atas dasar keagamaan bagi menjaga maslahat dan kepentingan umat Islam tanpa mencampuri hal-hal yang bersifat politik negara dan anggota dari Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura dan forum kerjasama rantau MABIMS.

Negara-negara anggota MABIMS ialah Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura. MABIMS ditubuhkan pada hari Isnin, 5 Muharram 1410H bersamaan 7 Ogos 1989. (Republik Singapura pertama kali menyertai pertemuan MABIMS Kali ke-5 pada 25-26 Safar 1415H bersamaan 3-4 Ogos 1994M).

Negara Brunei Darussalam menyaksikan pemeteraian penubuhan MABIMS pada tahun 1989 dengan berlangsungnya pertemuan MABIMS buat kali pertama di negara ini pada tahun tersebut. Perkara ni menjadi indikasi kepada kesungguhan Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussaam dalam mewujudkan kerjasama di bidang keislaman di rantau MABIMS bagi kemajuan agama, bangsa dan negara.

VISI

Mengukuhkan kesatuan dan menjadikan umat Islam di negara anggota MABIMS umat yang progresif, cintakan kedamaian, membawa rahmat kepada seluruh alam serta menjadi rujukan bagi pembangunan umat Islam di dunia.

MISI

- Meningkatkan tahap kerjasama dalam membangun umat Islam di negara anggota MABIMS (dalaman) dari aspek-aspek daya tahan keugamaan dan mutu kehidupan berugama serta kesejahteraan sosio-ekonomi
- Meningkatkan peranan MABIMS dalam program pembangunan dan kemanusiaan di luar rantau MABIMS (luaran) demi memperkukuhkan imej Islam yang positif di mata dunia

Tempoh dan Kekerapan Pertemuan/Mesyuarat

Pertemuan MABIMS diadakan dua tahun sekali di samping mengadakan Mesyuarat SOM (Ketua-Ketua Ugama Negara Anggota) yang diadakan setahun sekali. Mesyuarat Jawatankuasa diadakan secara bergilir-gilir di kalangan negara-negara anggota MABIMS.

Bidang Kerjasama

- Mengadakan beberapa seminar, kursus dan pertemuan MABIMS seperti:
  - Seminar Aqidah Negara-Negara Anggota MABIMS pada tahun 1993 di Negara Brunei Darussalam,
  - Pertemuan Belia MABIMS pada 15-19 Ogos 2001 di Negara Brunei Darussalam.
- Menubuhkan Pusat Sumber Maklumat MABIMS (PSMI) di Negara Brunei Darussalam di bawah laman sesawang http://www.muslimin.gov.bn
- Menubuhkan Pusat Pengajian dan Penyebaran al-Quran MABIMS di Negara Brunei Darussalam. Pusat ini bertujuan untuk membudayakan pembacaan al-Quran dengan kaedah-kaedah pengajaran dalam usaha mencapai hasil pembaca al-Quran yang mempunyai nilai yang tinggi dalam bidang Qiraat yang diakui.
- Membincangkan dan membahagikan bidang-bidang kerjasama negara-negara MABIMS kepada dua (2) Bidang Strategik dan Bidang Khas;
- Bidang Khas mempunyai tiga bidang iaitu:
  (i) Garis panduan tatacara urusetia MABIMS
  (ii) Penyelarasan Rukyah dan Taqwim Islam
  (iii) Pengurusan Haji
- Bidang Strategik

Brunei Darussalam

- Pembangunan kehidupan berugama yang progresif melalui penguatan syiar Islam dan da'wah menerusi peranan Takmir Masjid dalam kehidupan
- Pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam

Singapura

- Pembangunan potensi belia sebagai generasi penerus dalam mengatasi masalah sosial di kalangan remaja yang dihadapi oleh negara anggota
- Pembangunan Umat Islam di luar MABIMS melalui program sosial dan kemanusiaan

Malaysia

- Pembasmian kemiskinan melalui pengupayaan golongan fakir miskin menjadikan Muamalat MABIMS (pembangunan halal, Dewan Zakat MABIMS, wakaf, perekonomian dan kewangan Islam)
- Penonjolan kefahaman dan amalan Islam di rantau MABIMS dan peranan MABIMS di dunia luar
- Isu perbahasan;
  (i) Pertukaran bahan-bahan terbitan,
  (ii) Pengkajian Islam di Asia Tenggara, dan
  (iii) Tamadun Islam sebagai media da'wah

Indonesia

Peningkatan sumberdaya manusia melalui sistem pendidikan Islam bersepadu dan relevan

Keempat-empat Menteri Agama Negara-Negara Anggota MABIMS sedang memerhati buku-buku MABIMS.

Buku-buku MABIMS keluaran pertama yang telah dilancarkan perasmiannya oleh Yang Berhormat Dato' Abang Haji Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia, sempena pertemuan Tahunan Tidak Rasmi MABIMS V, di Pulau Langkawi, Kedah Malaysia. Pada 25-26 Safar 1415H bersamaan 3-4 Ogos 1994M.

Buku-buku MABIMS keluaran kedua telah dilancarkan perasmiannya oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, pada 10 Jamadilakhir, 1415H bersamaan 14 November, 1994M, di The Centerpoint, Gadong, Negara Brunei Darussalam, sempena Mesyuarat Pegawai-pegawai Tinggi (SOM XVII).

SEKITAR MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI TIDAK RASMI MABIMS

MESYUARAT KHAS PEGAWAI-PEGAWAI KANAN (SOM) MABIMS PADA 28 JANUARI 2009, DI EMPIRE HOTEL & COUNTRY CLUB, JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pemimpin

JABATAN
HAL EHWAL UGAMA BRUNEI

1954 - 1960

Yang Teramat Mulia Seri Paduka
Pengiran Pemancha Sahibul Rae Wal Masyuarah
Pengiran Muda Haji Mohammad Alam ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Abdul Rahman

(sekarang dikenali sebagai
Al-Marhum Pengiran Pemancha
Pengiran Anak Haji Mohamad Alam
ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Abdul Rahman)

1 Mei 1960 - Ogos 1962

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin
Pengiran Haji Mohd. Daud

(sekarang dikenali sebagai
Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran
Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar
Pengiran Haji Ali
bin Pengiran Haji Mohd. Daud)

01 September 1962 - 1970

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kemaluddin
Al-Haj ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin

(sekarang dikenali sebagai
Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran
Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaluddin
Al-Haji ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin)

1 November 1970
(hingga Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna
Diraja Dato Seri Utama
Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin

(sekarang dikenali sebagai
Yang Berhormat Pehin Jawatan
Luar Pekerma Raja Dato Seri
Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain
bin Haji Serudin)

Kementerian

HAL EHWAL UGAMA

Bangunan Baru Kementerian Hal Ehwal Ugama yang terletak di Jalan Menteri Besar, Berakas mula digunakan tahun 1998 hingga sekarang

Pemimpin

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

1986 - 2009

Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato
Seri Utama Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin

Sekarang dikenali sebagai
Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin
Haji Serudin

21 Oktober 1986

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Berhormat
Pehin Siraja Khatib Dato Paduka
Seri Setia Ustaz Haji Awang
Yahya bin Haji Ibrahim

21 Oktober 1986 hingga 24 Mei 2005

Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka
Seri Setia Ustaz Haji Awang
Badaruddin bin Pengarah Dato
Paduka Haji Awang Othman

24 Mei 2005

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Dato Paduka Haji Abdul Saman bin Kahar

22 Oktober 1986 –
30 September 1996

Yang Mulia
Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Yussof

01 Oktober 1996 –
06 Januari 1999

Yang Mulia
Dato Paduka Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar

Sekarang dikenali sebagai
Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar

18 September 1998 –
26 Julai 1999

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Pengiran
Dato Paduka
Haji Yussof bin
Pengiran Kula

24 Julai 1999 –
04 Ogos 2003

Yang Mulia
Dato Seri Setia
Haji Awang Yusoff bin
Haji Awang Ismail

03 September 2004 –
04 Januari 2005

Yang Mulia
Dato Paduka
Haji Abd Rahman bin
Haji Mohiddin

05 Januari 2005 –
01 Julai 2009

Yang Mulia
Dato Paduka Haji
Mohd Mahdi bin
Pehin Orang Kaya
Di Gadong Seri Diraja
Dato Laila Utama
Haji Awang Abdul Rahman

23 Ogos 2008

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Dato Seri Setia
Haji Awang Yusoff bin
Haji Awang Ismail

10 Julai 2003 –
02 September 2004

Yang Mulia
Dato Paduka
Haji Ishaaq bin Haji Abdullah

01 Februari 2006 –
12 Januari 2009

Yang Mulia
Pengiran Haji Bahrom bin
Pengiran Haji Bahar

05 Disember 2008

Struktur KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA 2006-2008



Jabatan-Jabatan

DI BAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Jabatan MAJLIS UGAMA ISLAM

1954-1958

Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Pengiran Kahar ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohammad Yassin

1959-1962

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kemaluddin Al-Haj ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin (sekarang dikenali sebagai Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaluddin Al-Haji ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin)

1963-1969

Yang Mulia Abdul Latif bin Hasihim

1969

Yang Mulia Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim (sekarang dikenali sebagai Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim)

1969-1981

Yang Mulia Haji Ibrahim bin Haji Tinggal

1982-1983

Yang Mulia Haji Suhaili bin Haji Mohiddin (sekarang dikenali sebagai Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin)

1984-1986

Yang Mulia Awang Haji Besar bin Abu Bakar (sekarang dikenali sebagai Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Awang Haji Besar bin Abu Bakar)

1987-1989

Yang Mulia Awang Haji Zaimi Bin Haji Talib (sekarang dikenali sebagai Dato Seri Setia Awang Haji Zaimi bin Haji Talib)

1990-1995

Yang Mulia Awang Haji Tasim Bin Haji Akim (sekarang dikenali sebagai Dato Seri Setia Awang Haji Tasim bin Haji Akim)

2004-2005

Yang Mulia Awang Haji Abd Wahab bin Haji Sapar

1995-2003 / 2005-2009

Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (sekarang dikenali sebagai Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar)

2009

Yang Mulia Awang Haji Harun bin Haji Junid

JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM

Jabatan Majlis Ugama Islam dalam lipatan sejarahnya adalah sebuah bahagian dari lapan(8) bahagian yang terdapat dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Brunei (JHEUB). Setelah sistem berkementerian diwujudkan dalam kerajaan Negara Brunei Darussalam pada Oktober 1986, Bahagian Majlis Ugama Islam diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syar'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pada 20 Muharram 1426H bersamaan 1 Mac 2005M, Bahagian Majlis Ugama Islam telah dinaiktaraf menjadi sebuah jabatan penuh dengan diketuai oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2005 Negara Brunei Darussalam rujukan (06)JPM/SK/2005 bertarikh 8 Rabiulakhir 1426H bersamaan 17 Mei 2005M.

Sejak 5 dekad (1959-2009), Majlis Ugama Islam Brunei diletakkan di bawah pengawasan dan pentadbiran Yang Dipertua Majlis Ugama Islam, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Urusetia kepada Majlis Ugama Islam berperanan membantu memperkasa pelaksanaan apa jua keputusan dan tindakan yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Ugama Islam.

Jabatan ini diketuai oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam yang dilantik di bawah bab 14 Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-mahkamah Kadi Penggal 77.

MATLAMAT

Membantu Majlis Ugama Islam menjalankan peranan dalam memastikan kehendak Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dan Akta-Akta atau Perintah-Perintah yang berkaitan dengan Majlis Ugama Islam berjalan dengan berkesan dan sempurna.

FUNGSI DAN PERANAN

- Mengurus hal ehwal pentadbiran dan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Ugama Islam
- Membantu menyediakan hal ehwal dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam dan Ugama Islam
- Mentadbir dan mengurus harta zakat, baitulmal dan wakaf
- Membuat penyelidikan mengenai dengan isu-isu ugama Islam
- Mentadbir dan melaksanakan kehendak Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 serta Akta-Akta atau Perintah-Perintah lain yang berkaitan dengan Majlis Ugama Islam.

STRUKTUR ORGANISASI

Terdapat 6 bahagian dan 1 badan diletakkan di bawah Jabatan Majlis Ugama Islam iaitu:

1. Bahagian Mesyuarat
2. Bahagian Pentadbiran
3. Bahagian Undang-Undang
4. Bahagian Wakaf dan Baitulmal
5. Bahagian Kewangan dan Perakaunan
6. Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat

Sebuah Badan yang ditubuhkan pada tahun 1994 bertujuan untuk memikir, merancang, dan melaksana pengembangan dan pelaburan serta memajukan sebahagian harta-harta baitulmal dikenali dengan Badan Tanmiah. Badan ini mempunyai Lembaga pengarah yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam dan dipengerusikan oleh Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam.

JAWATANKUASA MENGELUARKAN WANG ZAKAT

Bagi memandu perjalanan kutipan dan pembahagian zakat dan fitrah di seluruh Negara Brunei Darussalam, Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melantik sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat.

Jawatankuasa ini mempunyai kuasa membuat keputusan muktamad bagi pemberian semua jenis bantuan serta jumlah kadar, jenis atau bentuk bantuan yang akan diberikan kepada Fakir Miskin dan asnaf-asnaf yang lain di Negara Brunei Darussalam.

PERKHIDMATAN

1. Pentadbiran Muallaf

Jabatan ini bertindak dalam mengurus hal ehwal muallaf yang meliputi urusan pendaftaran, pengesahan Islam oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan pengeluaran Sijil Memeluk Ugama Islam. Bertindak selaku penyimpan daftar nama muallaf (orang-orang yang baru memeluk ugama Islam) di Negara Brunei Darussalam.

2. Tambang Haji

Memberi perkhidmatan pada proses permohonan tambang haji daripada orang awam dan saudara-saudara baru (muallaf) yang memohon untuk menjunjung kurnia tambang haji daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

3. Hal Ehwal Makanan Halal

Majlis Ugama Islam juga menangani hal ehwal makanan halal melalui pelaksanaan penguatkuasaaan Akta Daging Halal Penggal 183 dan Aturan-Aturan Daging Halal dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 yang antara lain seperti berikut :

- Pelantikan pegawai-pegawai Penguatkuasa di bawah Akta Daging Halal Penggal 183.
- Pengeluaran Sijil Halal dan Tanda/Logo halal serta menerima bayaran sijil halal, tanda halal, lesen halal dan sijil penyembelihan.
- Pengiktirafan Halal Pusat-Pusat Penyembelihan dan Tempat Pemprosesan di luar negeri

Majlis Penyerahan Anak Kunci Rumah Majlis Ugama Islam yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama kepada Dayangku Abnah binti Pengiran Bakar (Penerima Rumah Bantuan) pada 27 Februari 2007 di Kampong Salambigar.

4. Pelaksanaan Undang-undang /Aturan yang telah diluluskan oleh Majlis Ugama Islam

i. Piawaian Halal Brunei Darussalam *(Brunei Darussalam Standard for Halal Food)* PBD 24:2006.

ii. Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2008.

iii. Perintah Sijil Halal dan Label Halal, (pindaan) 2008 *(Halal Certificate and Halal Label (Amendment) Order, 2008.)*

5. Pelantikan Amil

Kutipan Zakat Fitrah dan Zakat Harta di Negara ini dilakukan oleh amil-amil yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tiap-tiap tahun mengikut kawasan masing-masing di Negara Brunei Darussalam. Amil-amil yang dilantik terdiri daripada pegawai-pegawai masjid, imam-imam dan bilal-bilal dan beberapa orang pegawai kerajaan seperti penghulu-penghulu, ketua-ketua kampong, guru-guru ugama, pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei. Majlis Ugama Islam juga melantik 2 buah institusi kewangan Islam sebagai Amil untuk mengutip zakat harta bagi penyimpan-penyimpan dan pendeposit-pendeposit yang bersetuju sahaja untuk dikeluarkan zakatnya iaitu:

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei Berhad (TAIB)

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

6. Menerbitkan pelbagai buku panduan

7. Harta Baitulmal

Perumahan di Kampong Keriam, Daerah Tutong

Rumah Dua Tingkat di Kampong Sungai Hanching, Jalan Muara

Perumahan di Kampong Selayun

8. Zakat dan Pengagihannya

Jenis-Jenis Agihan Zakat

1. Agihan kepada asnaf fakir
2. Agihan kepada asnaf miskin
3. Agihan kepada asnaf amil
4. Agihan kepada asnaf muallaf
5. Agihan kepada Al-Gharimin (Penanggung hutang)
6. Agihan kepada ibnu sabil (Musafir)

ANTARA BANTUAN-BANTUAN ZAKAT

- *Bantuan Makanan Asasi*

- *Bantuan Wang Tunai bulanan*

ANTARA BANTUAN-BANTUAN ZAKAT

- *Bantuan Modal Berusaha / Peralatan Perniagaan*

- *Bantuan Bencana Alam / Kecermasan (serta merta)*

- *Bantuan Hari Raya dan Akhir Tahun Masehi (perbelanjaan persekolahan)*

- *Bantuan Perbelanjaan Menunaikan Fardhu Haji bagi Muallaf*

- *Bantuan Rawatan Perubatan dan Tambang Penerbangan*

- *Bantuan Kursus-Kursus Bimbingan Muallaf*

ANTARA BANTUAN-BANTUAN ZAKAT

- *Bantuan Kursus Pembinaan Balai Ibadat dan Pusat-Pusat Kegiatan Ugama*

- *Bantuan Musafir yang mengalami masalah belanja atau kewangan*

- *Bantuan Al-Gharimin*

- *Bantuan Tambang Kenderaan, Pakaian Seragam dan Peralatan Sekolah*

- *Bantuan Membina / Membaiki / Menyiapkan Rumah*

9. Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ)

Program ini adalah salah satu usaha untuk menangani masalah kemiskinan di Negara ini, telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 bertujuan bagi memberi latihan dan kemahiran kepada asnaf Fakir dan Miskin supaya mereka boleh berusaha sendiri. Program ini berbentuk kursus dan latihan kemahiran teknikal dan vokasional secara teori dan amali.

Program dan kursus dikendalikan dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Mengambil masa selama 9 bulan iaitu 3 bulan bagi menjalani latihan dan 6 bulan bagi menjalani penempatan. Dari tahun 2007 hingga tahun 2008 seramai 43 orang dari kalangan Asnaf Fakir dan Miskin telah mengikuti program berkenaan seperti berikut :

Jenis-Jenis kursus yang ditawarkan kepada asnaf Fakir Miskin ialah:

Kursus Latihan Kemahiran Masakan & Katering dan Pembuatan Kek & Pastri.

Kursus Latihan Kemahiran *Plumbing/Pipe Fitting* dan *Air-Conditioning/Refrigeration.*

Kursus Latihan Kemahiran Komputer dan Pengendalian Pejabat.

Kursus Latihan Kemahiran Solekan/Dandanan Rambut.

Kursus Latihan Kemahiran Sulaman/Jahitan Asas.

Kursus Latihan Kemahiran *Welding/Vehicle Body Repair.*

Program Pengupayaan Asnaf Zakat ini dibiayai sepenuhnya dengan menggunakan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin. Peruntukan dari wang zakat tersebut adalah bagi membiayai peralatan kursus, bayaran tenaga pengajar dan program pembangunan diri, pakaian kursus, elaun peserta program, makan minum peserta dan kenderaan atau pengangkutan.

Program Pengupayaan Fakir Miskin ini telah dapat memberikan peluang dan pendedahan kepada asnaf fakir miskin untuk mendapatkan pekerjaan dan seterusnya dapat membina kehidupan yang lebih baik di masa hadapan serta mampu berdikari tanpa mengharapkan bantuan lagi.

Peserta yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan diberi kemudahan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk menyewa pondok jualan (Push Cart) di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan kadar rendah bagi 6 bulan pertama.

AKTIVITI PROPAZ

Pengusaha lepasan PROPAZ menyertai expo belia.

Majlis Penyerahan Kad PROPAZ Kad ini satu inisiatif PROPAZ bagi peserta mendapatkan kemudahan menaiki bas-bas francais dengan potongan harga sebanyak 50%.

Aktiviti PROPAZ.

Peserta Sesi 2 mendapat pekerjaan di Borneo United Sdn Bhd dalam bidang komputer dan pengendalian pejabat.

Peserta Sesi 1 mendapat pekerjaan di Hyatt Borneo Management dalam bidang masakan dan katering serta kek dan pastri.

Jabatan PENTADBIRAN



Pengarah-Pengarah JABATAN PENTADBIRAN

Yang Mulia Dato Paduka Awang
Haji Abdullah bin Haji Metassan
1986

Yang Mulia Dato Paduka Awang
Haji Omar bin Haji Abd Rahman
1 Ogos 2002 – 24 Oktober 2002

Yang Mulia Dato Paduka Awang
Ahmad Bukhari bin Pehin
Siraja Khatib Haji Abu Hanafiah
1 Julai 1987 –
30 November 1994

Yang Mulia Awang Haji
Mat Zahri bin Haji Yusof
25 Oktober 2002 -
4 April 2004

Yang Mulia Pengiran
Dato Paduka Haji Yusof bin
Pengiran Haji Kula
16 Januari 1995 –
11 Januari 1999

Yang Mulia Awang Haji
Abdullah bin
Haji Metassim
5 April 2004 - 31 Jun 2006

Yang Mulia Dato Paduka Awang
Haji Saifon bin Haji Besar
2 Februari 1999 – 10 Mac 2002

Yang Mulia Pengiran
Haji Md Tahir bin
Pengiran Haji Yusof
7 Ogos 2006 - 22 Julai 2009

Sejarah

Bahagian Pentadbiran adalah sebuah organisasi utama yang wujud di Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei (JHEUB) bagi mengurus pentadbiran hal ehwal ugama.

Pada awal penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama pada tahun 1954, Jabatan ini ditadbir dan diketuai oleh Pengetua Hal Ehwal Ugama dan dibantu oleh timbalannya. Jabatan ini mempunyai dua bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran yang diketuai oleh Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Bahagian Perjawatan yang diketuai oleh Pegawai Kakitangan.

Bahagian Pentadbiran adalah pusat dan nadi penggerak bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama pada masa itu yang menjalankan kerja-kerja seperti berikut:

- Hal Ehwal Dermasiswa dan Latihan
- Hal Ehwal Haji
- Hal Ehwal Disiplin dan Tatatertib
- Hal Ehwal Perjawatan (iaitu Jawatan Tetap, Sebulan ke Sebulan, Open Vote, Bergaji Hari dan Kontrak)
- Hal Ehwal Perkhidmatan Personel (tambang, cuti dan sokongan)
- Hal Ehwal Pengambilan, Perlantikan dan Kenaikan Pangkat Pegawai dan Kakitangan
- Hal Ehwal Kewangan, Elaun-Elaun Tambang, Pencen dan Baksis
- Hal Ehwal Bangunan termasuk Bangunan Sekolah dan Masjid
- Hal Ehwal Kebajikan, Perumahan dan Kenderaan
- Hal Ehwal Failing dan Perkeranian
- Hal Ehwal Perancangan, Kemajuan dan Laporan Tahunan.

Perkembangan Struktur Pentadbiran

Apabila Jabatan Hal Ehwal Ugama menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bahagian ini telah dinaiktaraf menjadi sebuah Jabatan Pentadbiran pada 21 Oktober 1986. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengarah dan seorang Penolong Pengarah serta tiga orang Pegawai Kanan bertaraf Penolong Pengarah bagi mengendalikan tugas-tugas dan tanggungjawabnya.

Selaras dengan peranan Jabatan Pentabiran menjadi tunggak kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dalam mencapai kecemerlangan visi dan misinya mewujudkan lima bahagian iaitu:

- Bahagian Pengurusan Personel diketuai oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas
- Bahagian Pentadbiran Am diketuai oleh Pegawai Ugama Kanan
- Bahagian Kewangan diketuai oleh Penolong Pengarah
- Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Latihan diketuai oleh Pegawai Ugama Kanan
- Bahagian Bangunan dan Pemeliharan diketuai oleh Penolong Pengarah

Sementara itu pentadbiran dan pengurusan Pejabat-Pejabat Ugama Daerah dipertanggungjawabkan kepada Kadi-Kadi Daerah.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haji ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin

Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama. (Sekarang dikenali sebagai Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin)

Awang Abdullah bin Metassan
Kerani Besar (A)



Pengiran Sallehuddin bin Pg. Dato Setia H. Abu Bakar
Kerani Besar (B)

Awang Abdul Rahman bin Pehin Khatib Abdullah Pemeriksa Sekolah-Sekolah Ugama, Daerah Brunei Muara (sekarang dikenali sebagai Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Khatib Abdullah)

Awang Md. Ali bin Md. Yusof
Penolong Pengarang
Jabatan Hal Ehwal Ugama

Fungsi dan Peranan

Bagi melaksanakan fungsi dan perananya, Jabatan Pentadbiran dibahagikan kepada:

1. Bahagian Pengurusan Personel

Bahagian ini yang mengurus dan mentadbir hal ehwal yang berkaitan dengan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Perjawatan, Perkhidmatan Kontrak/Gaji Hari/Open Vote, Perkhidmatan Personel berdasarkan peraturan-peraturan berikut:

- Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959
- Peraturan Kewangan 1983
- Peraturan-peraturan Pegawai Kerajaan 1961
- Surat-Surat Keliling yang dikeluarkan oleh Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perdana Menteri.

2. Bahagian Pentadbiran Am

Bahagian ini adalah urusetia kepada Muzakarah Mingguan Pentadbiran Kementerian (MMPK) dan Muzakarah Bulanan Kementerian (MBK) yang dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama. MMPK dan MBK ini membincangkan hal-hal dasar, aktiviti-aktiviti pembangunan dan kemajuan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta da'wah dan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Bahagian ini juga mengendalikan sokongan pengurniaan bintang dan pingat-pingat kebesaran negara bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama sedang menjalankan tugas

3. Bahagian Kewangan

Bahagian ini bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan belanjawan dan kewangan tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Bahagian ini dibahagikan kepada dua bahagian kecil iaitu:

(i) Bahagian Belanjawan dan Kewangan,
- bertanggungjawab menyediakan anggaran belanjawan tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

(ii) Bahagian Stor dan Perbekalan.
- Bertanggungjawab mengurus perbekalan, pembelian peralatan pejabat dan hal ehwal tender-tender.

4. Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Latihan

Bahagian ini mengandungi tiga unit kecil iaitu
(i) Unit Kajian dan Perkembangan
(ii) Unit Latihan
(iii) Unit Teknologi Maklumat

Bahagian ini mengendalikan hal ehwal kajian dan penyelidikan berhubung dengan *Training Need Analysis (TNA)*, Sumber Manusia, Kajian Pengurusan Pentadbiran Organisasi, Kajian Semula Perkhidmatan Awam dan Penggunaan Sistem Pengurusan Teknologi Maklumat. Di antara kajian yang dijalankan ialah Kajian Amalan Membaca al-Quran di pejabat sebelum memulakan tugas.

Bahagian ini juga bertindak sebagai Urusetia Jawatankuasa Perkembangan Sumber Manusia bagi menimbang pemberian Latihan Dalam Perkhidmatan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian ini.

5. Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan

Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan bertindak mengawal serta memantau projek-projek di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Rancangan Kemajuan Negara seperti masjid, surau, balai ibadat, sekolah-sekolah ugama dan tanah-tanah perkuburan Islam. Bahagian ini bertanggungjawab mengawal dan memelihara bangunan perumahan, elektrik dan kenderaan-kenderaan darat dan air di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Perkembangan

Dalam tempoh lima dekad Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyediakan pelan perancangan komprehensif iaitu:

- Pelaksanaan Program Melahirkan Tenaga Pakar dalam Bidang Keislaman dengan penghantaran pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengikuti Ijazah Lanjutan (Sarjana dan Doktor Falsafah) di luar negeri untuk lebih kurang 191 orang pegawai dan kakitangan Kementerian ini. Di antaranya 6 orang peringkat Ph.D, 42 orang peringkat MA, 20 orang peringkat BA, 72 orang peringkat Diploma dan 51 orang peringkat sijil. Manakala Ijazah Lanjutan dalam negeri adalah sebanyak 583 orang pegawai dan kakitangan.

- Pelaksanaan Program Peningkatan Kualiti Sumber Manusia, melalui Peperiksaan Perkhidmatan Ugama Perkhidmatan Awam (PPUPA), Peperiksaan Peraturan-Peraturan Am *(G.O)* dan Peraturan-Peraturan Kewangan *(F.R),* Program Motivasi dan Program Penempatan Kerja.

- Program Budaya *Learning Organization (LO)* dan Program Pembangunan Sumber Manusia melalui kursus *In-House Training*. Di antara kelompok tajuk-tajuk kursus *In-House Training* yang dikendalikan ialah celik komputer, celik pengurusan, peningkatan kualiti dan produktiviti, celik kajian dan penyelidikan serta program motivasi.

- Program Peningkatan Sistem Pengurusan Organisasi seperti penyediaan dokumen Huraian Tugas, mengadakan

bengkel-bengkel dan *roadshow* Penyediaan Dokumen-Dokumen Rujukan Jabatan (MPK, Fail Meja, TPOR), pengukuran produktiviti dan Laporan Tahunan KHEU.

- Pelaksanaan Hari Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- Penyediaan program peningkatan sistem pengiktirafan dan pembangunan kreativiti seperti pengendalian Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) peringkat Kementerian. Penyertaan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) dan mengadakan Majlis Hari Perkhidmatan Awam bagi meraikan pegawai-pegawai KHEU yang telah bersara.



Data Keramaian Calon yang menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Ugama Perkhidmatan Awam (PPUPA), bagi Pegawai-Pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam Jawatan Pegawai Ugama, Pegawai Perkembangan Ugama, Pegawai Hal Ehwal Masjid dan sebagainya. Peperiksaan PPUPA dikuatkuasakan bermula pada tahun 1999. Peperiksaan ini diwujudkan sebagai syarat penetapan Jawatan bagi Jawatan Pegawai Perkembangan, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pegawai Ugama bagi mengimbangi beberapa Jawatan yang terdapat dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama.

- Program Pembaharuan Perkhidmatan Awam seperti melaksanakan Hari Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- Pelaksanaan program meningkatkan keberkesanan pemeliharaan dan pembangunan iaitu dengan pelaksanaan projek binaan dan pemeliharaan bangunan sekolah-sekolah Jabatan Pengajian Islam, pejabat-pejabat, masjid, surau dan balai ibadat.
- Program mewujudkan Tanah-Tanah Perkuburan Islam yang bersistem di Negara Brunei Darussalam. Tanah Perkuburan Islam yang bersistem di Kampong Terunjing, Kampong Berambang Brunei dan Pusara an-Naim Kuala Belait serta Tanah Perkuburan Kampung Sugan Tutong.
- Program meningkatkan Perkhidmatan Fardhu Kifayah/ Penggapai.
- Program Penerbitan Buku Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama:
  (i) 1986 – 1995
  (ii) 1996 – 1998
  (iii) 1999 – 2000
  (iv) 2001 – 2002
  (v) 2003 – 2005
  (vi) 2006 – 2008
- Pelaksanaan projek ke arah Pengiktirafan Akreditasi Persijilan ISO bagi Perkhidmatan dan Pengurusan Berkualiti Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Pusat Da'wah Islamiah telah dianugerahkan Sijil Pengiktirafan Pertama MS ISO 9001-2000 pada 7 September 2006.
- Menjadi Urusetia Jawatankuasa Tertinggi Mengkaji Amalan Membaca al-Quran di pejabat sebelum memulakan tugas/ pekerjaan bagi Jabatan-Jabatan Kerajaan di Negara Brunei Darussalam dan juga sebagai ahli jawatankuasa tertinggi

penerbitan buku Negara Zikir yang memuatkan Garispanduan Pelaksanaan Membaca al-Quran (PMQ) di pejabat.

- Projek KHEU yang berjaya meraih pingat Emas dalam Program Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam iaitu:
  - Projek Peningkatan Prosedur Pendaftaran Haji pada tahun 1998;
  - Projek Pencapaian Kualiti dan Produktiviti Daie Tempatan Pusat Da'wah Islamiah pada tahun 2000; dan
  - Projek Mewujudkan Tanah-Tanah Perkuburan Islam yang bersistem pada tahun 2005.
- Pasukan-Pasukan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) yang telah mendapat anugerah di Peringkat Kebangsaan;
  - Anugerah Emas melalui projek Proses Bantuan Majlis Ugama Islam Brunei Lambat tahun 2003;
  - Anugerah Gangsa dalam Projek Kelambatan Mengeluarkan Keputusan Penyiasatan Mengenai Ajaran Sesat, Jabatan Hal Ehwal Syariah 2001; dan
  - Anugerah Perak bagi kumpulan-kumpulan KKC, KHEU dari tahun 2003-2009
- Menyandang Juara Kuiz Perkhidmatan Awam sempena Hari Perkhidmatan Awam tahun 2008 dan 2009;

Kumpulan Darul Ulum, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam.

Pertandingan Anugerah Perkhidmatan Kaunter dan Operator antara kementerian-kementerian anjuran Institut Perkhidmatan Awam (IPA) tahun 2002, perkhidmatan kaunter dan operator telefon Pusat Da'wah Islamiah telah mendapat tempat kedua.

Majlis Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) peringkat Kementerian Hal Ehwal Ugama 2008

Penyediaan Laporan Pencapaian Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya 20 tahun kebelakangan dan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dihadapkan kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan pada 10 Muharram 1425H bersamaan 2 Mac 2004M.

- Menyediakan Buku Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2010-2014

Bagi mengemaskini Rancangan Strategik 2004-2024 Jabatan Pentadbiran selaku urusetia Jawatankuasa Pembaharuan Perkhidmatan Awam peringkat Kementerian Hal Ehwal Ugama telah melaksanakan program penggubalan Rancangan Strategik 2010-2014 Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bengkel Balance Scorecard di Institut Perkhidmatan Awam 2009

Sekitar kursus / Bengkel penyediaan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama

Majlis Perasmian dan Bengkel Fasa Pertama
(10 - 13 Mac 2009)

Taklimat Bersama Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin Menteri Hal Ehwal Ugama (30 Mac 2009)

Bengkel Fasa Kedua (7 - 3 April 2009)

Jabatan HAL EHWAL SYAR'IAH

Pengarah-Pengarah JABATAN HAL EHWAL SYAR'IAH

Yang Dimuliakan
Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd Aziz bin Juned, sekarang dikenali dengan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Utama Dr. Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei.
1986-1989

Yang Mulia
Dato Seri Setia Awang Haji Lamit bin Haji Ibrahim
1999 - 2004

Yang Dimuliakan
Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin sekarang dikenali Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin
1989 - 1994

Yang Mulia
Awang Haji
Zaimi bin Haji Talib
sekarang dikenali Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Zaimi bin Haji Talib
2004 - 2007

Yang Mulia
Awang Haji Adam bin Haji Ahmad sekarang dikenali Dato Seri Setia Awang Haji Adam bin Haji Ahmad
1994 - 1998

Yang Mulia
Awang Haji Talip bin Apong
2007 - 2008

Sejarah

Jabatan Hal Ehwal Syar'iah ditubuhkan pada 21 Oktober 1986 apabila Jabatan Hal Ehwal Ugama menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sejak penubuhannya Jabatan ini telah ditadbir oleh Pengarah dan dibantu oleh Penolong Pengarah. Jabatan ini beribu pejabat di bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan. Pada pertengahan 1994, pejabat Jabatan ini telah dipindahkan ke Tingkat 4, Bangunan Plaza Athirah, Jalan Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Perkembangan Organisasi

Pada awal penubuhannya terdapat empat bahagian utama dalam organisasi Jabatan Hal Ehwal Syar'iah di samping mempunyai beberapa unit-unit yang mempunyai peranan penting iaitu:

(i) Bahagian Mufti

Ruang mahkamah dalam bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

(ii) Bahagian Mahkamah Kadi dan Urusan Masjid

(iii) Bahagian Majlis Ugama Islam

(iv) Bahagian Penyiasatan dan Pendakwaan

Bermula pada tahun 1986, Jabatan ini mengalami pelbagai perkembangan dan perubahan organisasi. Perubahan yang ketara ialah lahirnya jabatan-jabatan yang mengambil posisi utama dalam agensi-agensi kerajaan di negara ini. Bahagian-bahagian itu adalah:

(i) Bahagian Urusan Masjid

– Menjadi Jabatan Hal Ehwal Masjid diletakkan di bawah Struktur Kementerian Hal Ehwal Ugama bermula 1 Mei 1994.

(ii) Bahagian Mufti

– Menjadi Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan dipindah serta diletakkan di bawah Struktur Jabatan Perdana Menteri pada 7 November 1994.

(iii) Bahagian Mahkamah Kadi

– Menjadi mahkamah-mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam pada 1 Muharram 1422H bersamaan 26 Mac 2001M dan diletakkan di bawah Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri.

(iv) Bahagian Majlis Ugama Islam

– Menjadi Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 20 Muharram 1426H bersaman 1 Mac 2005M.

Pertumbuhan jabatan-jabatan tersebut membawa Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memperkukuhkan lagi fungsi dan peranan Jabatan Hal Ehwal Syar'iah sesuai dengan peranannya dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal (77) dan Akta Majlis Ugama Islam Penggal (183) dan (184).

Beberapa tugas dan tanggungjawab penting dalam akta tersebut telah diuraikan dengan pertumbuhan beberapa bahagian-bahagian baru di bawah struktur Jabatan Hal Ehwal Syariah iaitu:

(i) Bahagian Pentadbiran
(ii) Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga
(iii) Bahagian Penguatkuasaan Agama
(iv) Bahagian Halal Haram
(v) Bahagian Penyelidikan.

(i) Bahagian Pentadbiran

Bahagian ini secara menyeluruh mengendalikan dan menguruskan kerja-kerja hal ehwal pentadbiran harian pejabat, kewangan dan kebajikan pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Syar'iah.

(ii) Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga

Menjalankan perkhidmatan khidmat nasihat kekeluargaan bagi yang memerlukan dan mengadakan kursus pra-nikah kepada pasangan yang hendak bernikah.

(iii) Bahagian Penguatkuasaan Agama

Menjalankan Penguatkuasaan terhadap kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal (77), Akta Mahkamah Syariah Penggal (184), Perintah Undang-Undang Keluarga Islam 1999, Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak dalam Islam 2001. Membenteras maksiat dan kesalahan agama. Mengawal pengembangan ugama selain ugama Islam, dan mengawal kegiatan da'wah di Negara ini supaya tidak dipengaruhi oleh apa jua fahaman atau mazhab yang tidak bersesuaian dengan fahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

(iv) Bahagian Halal Haram dikenali Bahagian Kawalan Makanan Halal pada Julai 2006

Menguatkuasakan Akta Daging Halal Penggal (183) dan Undang-Undang berkenaan, mengawal kemasukan daging-daging yang akan dipasarkan di Negara ini adalah bersumber dari pusat-pusat penyembelihan yang diiktiraf oleh Majlis Ugama Islam, mempastikan kehalalan keluaran daging-daging tempatan, mengawal kehalalan permakanan orang-orang Islam, mengawasi dan memata-matai pusat-pusat penyembelihan yang telah diberi Sijil Penyembelihan Halal oleh Jabatan Hal Ehwal Syar'iah dan sebagainya.

(v) Bahagian Penyelidikan (Dibubarkan pada Ogos 2006) dan menjadi Bahagian Kawalan Akidah

Mengkaji dan menyelidik ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang bertentangan dengan akidah serta syariah ajaran Islam. Mengenalpasti gerakan-gerakan yang cuba menyeleweng ajaran suci Islam dan fahaman-fahaman yang dibawa oleh arus pemodenan. Menyelaras program bimbingan atau kaunseling kepada orang-orang yang terlibat dengan penyelewengan dan pencemaran akidah serta ajaran sesat.

Matlamat

Melahirkan warganegara yang mengamalkan "Amar Ma'aruf Nahi Mungkar".

Fungsi dan Peranan

- Menguatkuasakan:
  - Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal (77);
  - Akta Mahkamah Syariah Penggal (184);
  - Perintah Undang-Undang Keluarga Islam 1999;
  - Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak dalam Islam 2001;
  - Akta Daging Halal Penggal (183) dan aturan-aturannya.
- Memberikan bimbingan, khidmat nasihat dan kursus kekeluargaan kepada masyarakat Islam;
- Mencegah, mengawal dan memantau umat Islam di Negara ini supaya tidak terpengaruh dengan ajaran-ajaran yang meragukan dan bertentangan dengan akidah dan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah;
- Menyelidik dan mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-isu akidah dan syariah;

- Memperluaskan kefahaman masyarakat terhadap makanan Halal.

Tanggungjawab Jabatan

- Merisik, menyiasat, membuat rondaan dan menjalankan operasi ke tempat-tempat yang disyaki adanya kegiatan jenayah syariah;
- Mengawasi dan memeriksa daging-daging yang disembelih mengikut kehendak syara';
- Mengendalikan kursus Pra-Nikah dan memberikan khidmat nasihat kekeluargaan;
- Menyelidik dan mengkaji ajaran-ajaran atau kefahaman-kefahaman yang bertentangan dengan akidah dan syariat Islam;
- Memberikan ceramah-ceramah dan penerangan-penerangan mengenai bidangkuasa Jabatan Hal Ehwal Syar'iah.

Objektif

- Mempergiatkan penguatkuasaan dan meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap undang-undang jenayah syariah;
- Meningkatkan bimbingan kefahaman keluarga Islam sebelum dan selepas bernikah;
- Meningkatkan pengetahuan pelanggan/*stakeholders* mengenai peranan dan fungsi Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga;
- Memantapkan dan mempelbagaikan pengisian program akidah;
- Meningkatkan penghayatan masyarakat terhadap ajaran Islam ;
- Meningkatkan keyakinan orang ramai tentang kehalalan dan kesucian pemakanan dan barang gunaan yang ada di pasaran;
- Meningkatkan kemahiran sumber manusia.

Jabatan Hal Ehwal Syar'iah mengambil langkah bersiapsiaga dalam membendung ajaran sesat dan menyeleweng melalui program-program pendidikan ke arah meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai akidah yang betul menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Membantu orang yang ingin mendapatkan nasihat yang berkaitan hal ehwal kekeluargaan dan memberikan kursus pra-nikah kepada bakal-bakal pasangan yang hendak bernikah.

Pemeriksaan Pusat Penyembelihan dan kontena kemasukan daging ke negara ini yang dikuatkuasakan di bawah Akta Daging Halal Penggal (183) yang sebelumnya dikenali Perintah Darurat (daging halal 1998) dan aturan-aturan Daging Halal 1999 yang diwartakan pada 17 April 1999.

Pengembangan Sumber Manusia

Pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Syar'iah menjalani kursus untuk meningkatkan kemahiran Sumber Manusia.

Jabatan Hal Ehwal Syar'iah juga menyertai Hari Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sejarah Bahagian Mufti

Bahagian ini adalah Institusi Fatwa di negara ini yang ditubuhkan pada tahun 1962. Bahagian Mufti juga berperanan dalam mengendalikan mini perpustakaan, tapisan Khutbah, filem dan hiburan orang ramai, rujukan, penapisan dan penerbitan serta menjadi Urusetia Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Jawatankuasa Kehakiman Majlis Ugama Islam.

Bahagian ini diletakkan di bawah struktur Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dari semenjak penubuhan sehinggalah sistem berkementerian diwujudkan dalam kerajaan Negara Brunei Darussalam. Setelah Kementerian Hal Ehwal Ugama diisytiharkan menjadi sebuah Kementerian, Bahagian ini diletakkan dalam struktur organisasi Jabatan Hal Ehwal Syar'iah dan diketuai oleh Mufti Kerajaan Brunei (pada masa itu Yang Dimuliakan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (1992-1993)).

Yang Dimuliakan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Perkembangan Organisasi

Bahagian Mufti dalam struktur organisasi Kementerian Ehwal Ugama telah melaksanakan fungsinya mengeluarkan fatwa yang berhubungkait dengan hukum Islam dengan cemerlang sehingga bahagian ini menjadi Institusi Fatwa yang digalati di negara ini.

Bagi memperkukuh Institusi Fatwa, jawatan Timbalan Mufti Kerajaan diwujudkan pada tahun 1989 dan menyandang jawatan tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (sekarang menjadi Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Utama Dr. Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam).

Mulai 1 September 1994, jawatan Mufti Kerajaan telah disandang oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Lantikan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin adalah berdasarkan seksyen 40 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal (77).

Pada 7 November 1994 Bahagian Mufti telah dinaiktaraf menjadi sebuah Jabatan yang ditempatkan di dalam Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri

Fungsi dan Peranan

- Memberi dan mengeluarkan fatwa-fatwa yang dikemukakan dari mana-mana pihak;
- Menjadi ahli jawatan majlis;
- Menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kehakiman dan Jawatankuasa Undang-Undang serta mengawal perpustakaan Jabatan Hal Ehwal Ugama sekarang dikenali Kementerian Hal Ehwal Ugama;
- Menjadi Jawatankuasa Penapis Hiburan dan Filem untuk orang ramai;
- Menjadi Jawatankuasa Penapis Penerbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Pencapaian Perkhidmatan

Bahagian Mufti untuk tempoh 1962-1993 telah mengeluarkan sejumlah 612 buah fatwa bersiri yang mengandungi berbagai permasalahan yang menyentuh isu-isu kehidupan beragama yang sering menjadi masalah dan kemusykilan umat Islam di Negara Brunei Darussalam.

Bagi tujuan penyebaran, fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Yang Dimuliakan Mufti Kerajaan telah dibukukan dan diterbitkan oleh Pusat Da'wah Islamiah dengan tajuk Mimbar Fatwa II-V pada tahun 1987.

Pada tahun 1993 Mimbar Fatwa Enam telah diterbitkan oleh Bahagian Mufti melalui Jabatan Hal Ehwal Syar'iah.

Fatwa dan bahan-bahan terbitan Bahagian Mufti, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah

Mimbar Fatwa

Naskah Fatwa-fatwa berturut-turut

Tulisan-tulisan yang pernah disiarkan dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama tahun 60-an

Kumpulan ayat-ayat suci Al-Quran, (Ayat lima) dan Hadis, (Doa) Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam

Sejarah Bahagian Mahkamah Kadi

Pada awalnya Bahagian Mahkamah-Mahkamah Kadi terletak dalam struktur Jabatan Hal Ehwal Syar'iah yang digandingkan bersama dengan Urusan Masjid. Bahagian ini dikenali dengan Bahagian Mahkamah dan Urusan Masjid. Bahagian Mahkamah Kadi diketuai oleh seorang Kadi Besar.

Mahkamah-Mahkamah Kadi terbahagi kepada Mahkamah Kadi dan Mahkamah Kadi Besar (termasuk Mahkamah Timbalan Kadi Besar) adalah sebahagian dari undang-undang ugama yang terdapat dalam Undang-Undang Ugama, Adat Istiadat Negeri dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 1956. Dengan berkuatkuasanya undang-undang ini Mahkamah-Mahkamah Kadi juga diwujudkan di setiap daerah di negara ini dengan bidang kuasa masing-masing hanya di dalam daerah-daerah berkenaan.

Mahkamah-Mahkamah Kadi

Mahkamah Kadi yang terbahagi kepada dua buah Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa di seluruh negara. Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Timbalan Kadi Besar ditempatkan di Bandar Brunei (Sekarang dikenali Bandar Seri Begawan). Sementara itu di daerah Tutong, Belait dan Temburong juga diwujudkan mahkamah kadi.

Kedua-dua bidang Mahkamah Kadi ini mempunyai bidangkuasa yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah Kadi Penggal (77), membicarakan kesalahan-kesalahan yang tertentu dan mendengar pengumuman pembicaraan mengenai dengan Mal (sivil).

Dalam melaksanakan keadilan dalam perundangan Islam mahkamah ini juga mengendalikan kes rayuan ulang bicara

Bahagian Mahkamah Jabatan Hal Ehwal Syar'iah

Jabatan Mahkamah-Mahkamah Syariah Jabatan Perdana Menteri

bagi pemohon-pemohon yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi Daerah.

Undang-Undang Mahkamah-Mahkamah Ugama

Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah Kadi 1955 ini mengandungi 204 Bab dan mempunyai sepuluh bahagian:
Bahagian I daripada Bab 1 hingga 4 (Permulaan);
Bahagian II daripada Bab 5 hingga 44 (Majlis);
Bahagian III daripada Bab 45 hingga 96 (Mahkamah Ugama);
Bahagian IV daripada Bab 97 hingga 122 (Wang Amanah kerana Kebajikan);
Bahagian V daripada Bab 123 hingga 133 (Masjid-Masjid);
Bahagian VI daripada Bab 134 hingga 156 (Perkahwinan dan Perceraian);
Bahagian VII daripada Bab 157 hingga 163 (Nafkah Orang-Orang Tanggungan);
Bahagian VIII daripada Bab 164 hingga 168 (Mengislamkan Orang);
Bahagian IX daripada Bab 169 hingga 195 (Kesalahan-Kesalahan); dan
Bahagian X daripada Bab 196 hingga 204 (Perkara Am).

Perkembangan Sumber Manusia

Sepanjang penubuhan Bahagian Mahkamah Kadi, Negara ini telah mempunyai seramai 5 orang Kadi Besar, 12 orang Timbalan Kadi Besar, 20 orang Kadi Daerah Brunei Muara, 15 orang Kadi Daerah Tutong, 16 orang Kadi Daerah Belait dan 15 orang Kadi Dearah Temburong.

Corak penempatan bertugas kadi-kadi ini ialah tiga orang ditempatkan di Daerah Brunei-Muara Mahkamah Kadi Besar dan tiga lagi ditempatkan di Daerah Temburong, Daerah

Tutong dan Daerah Belait. Kadi-kadi daerah ditugaskan secara *routed* dalam masa yang tertentu bagi mendapatkan pengalaman yang berlainan di setiap daerah.

Ruang lama Mahkamah Syariah.

Pengendalian Kes Mahkamah

Mahkamah Kadi dalam tempoh sedekad 1986-1995 telah mengendalikan sebanyak 4,530 kes. Kes-kes tersebut termasuk Persetubuhan Tertegah Bernikah, Kes Khalwat dan sebagainya. Mahkamah ini juga telah mengeluarkan denda-denda yang berjumlah sebanyak $1,880,490.

Perkembangan Organisasi

Pada 1 Muharram 1422H bersamaan 26 Mac 2001M Bahagian Mahkamah Kadi, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah telah dinaiktaraf menjadi sebuah Jabatan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

Penubuhan ini telah dapat merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan Mahkamah Tertinggi Syariah di negara ini. Hasrat tersebut telah dapat dilaksanakan dengan penguatkuasaan Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal (184).

Dengan penubuhan ini Mahkamah Syariah telah diletakkan di bawah Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri dan membawa kepada penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah seperti berikut:

- Mahkamah Rayuan Syariah
- Mahkamah Tinggi Syariah
- Mahkamah Rendah Syariah

Pencapaian Perkhidmatan

Strategi Kementerian Hal Ehwal Ugama ke arah penubuhan Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan sumber manusia yang mencukupi dan berkualiti telah menghantar dua belas orang tenaga pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama yang terdiri daripada Kadi Besar/Kadi-kadi Daerah/Pegawai-Pegawai yang menjadi kumpulan sasaran pertama untuk dipersiapkan menjawat jawatan-jawatan pendaftar/penolong pendaftar/pendakwa dengan diarahkan mengikuti Kursus Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1995 - 1997.

Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah mempersiapkan kumpulan sasaran kedua seramai 31 orang pegawai yang terdiri daripada kadi-kadi/penggubal-penggubal undang-undang bagi mengikuti Kursus Pentadbiran dan Undang-Undang dan kehakiman Islam yang dikendalikan oleh Institut Pengajian Islam Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Syar'iah pada tahun 1995.

Mencadangkan perubahan gelaran jawatan Mahkamah Syariah;

Penukaran gelaran-gelaran jawatan:

(i) Pengerusi Jawatankuasa Kehakiman menjadi Ketua Hakim Syarie;

(ii) Kadi Besar menjadi hakim Mahkamah Tinggi Syariah; dan

(iii) Kadi-Kadi Daerah menjadi Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Mencadangkan perwujudan Jawatan-Jawatan baru;

(i) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah;

(ii) Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah;

(iii) Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah;

(iv) Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah;

(v) Mahkamah Rayuan Syariah;

(vi) Mahkamah Tinggi Syariah;

(vii) Mahkamah Rendah Syariah.

Kadi-Kadi Besar

Allahyarham Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Haji Mohd Salleh bin Pengiran Anak Haji Muhammad (1940-1967)

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Muhd Zain bin Haji Serudin (Sekarang dikenali Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin (1967-1970)

Yang Berhormat Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Metali bin Matyassin (1970-1977)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal (1977-1994)

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar (1995-2001)

GAMBAR KENANGAN DI JABATAN HAL EHWAL SYAR'IAH

Jabatan HAL EHWAL MASJID

"Bersabit dengan inilah, untuk mengemaskinikan lagi peranan masjid itu, Beta telah memperkenankan penubuhan sebuah jabatan baru di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diberi nama "Jabatan Hal Ehwal Masjid".

Petikan Titah sempena pembukaan rasmi bangunan baru Masjid Kampong Bunut, Daerah Brunei-Muara pada hari Jumaat 26 Muharram 1414H bersamaan dengan 16 Julai 1993M

Pengarah-Pengarah HAL EHWAL MASJID

Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar
1993 - 1994

Yang Mulia
Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Abd. Kadir
1994 - 2003

Yang Mulia
Awang Haji Ismail bin Haji Abd. Manap
2003 - 2008

Yang Mulia
Awang Haji Abd. Kahar bin Haji Hussin (Pemangku Pengarah)
2008

Masjid Omar Ali Saifuddien telah dibuka rasmi oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei ke-28 pada hari Jumaat 13 Rabiulawal 1378H bersamaan dengan 26 Sepetember 1958M.

Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah mula digunakan pada hari Khamis malam Jumaat bersempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ke-48 tahun iaitu pada 14 Julai 1994M.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menyampaikan khutbah Jumaat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah pada 6 Safar 1415H bersamaan 15 Julai 1994M.

Sejarah

Jabatan Hal Ehwal Masjid ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Hari Jumaat, 26 Muharram 1414H bersamaan dengan 16 Julai 1993M.

"...Sejarah membuktikan bahawa masjid bukan sahaja digunakan untuk sembahyang, malahan juga untuk membina kehidupan. Daripadanyalah terpancar segala macam ilmu, perkhidmatan dan dakwah. Ia tidak berfungsi, yakni tidak pernah cuti.

Bersabit dengan inilah, untuk mengemaskinikan lagi peranan masjid itu, Beta telah memperkenankan penubuhan sebuah jabatan baru di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diberi nama Jabatan Hal Ehwal Masjid."

Pada awal sejarahnya Urusan Masjid adalah bergabung dengan mahkamah yang dikenali dengan Bahagian Mahkamah dan Urusan Masjid dalam struktur Jabatan Hal Ehwal Ugama. Sebaik sahaja Jabatan Hal Ehwal Ugama dinaiktaraf menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 21 Oktober 1986 Bahagian ini diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syar'iah.

Pada 1 Mei 1994, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah dengan rasminya menjadi sebuah jabatan dalam struktur Kementerian Hal Ehwal Ugama. Diketuai oleh seorang Pengarah dan seorang Penolong Pengarah.

Jabatan ini beroperasi di bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Elizabeth II sebelum berpindah ke Tingkat 6, Bangunan Plaza Athirah, Jalan Kubah Makam Diraja. Pada bulan November 1998, pejabat Jabatan ini berpindah ke bangunan baru yang terletak di Simpang 15, Jalan Sumbiling, Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Hal Ehwal Masjid terus berfungsi untuk mengembangmaju serta meningkatkan da'wah dan syiar Islam, menyemarakkan masjid-masjid, surau dan balai ibadat dengan aktiviti-aktiviti keugamaan secara harian, mingguan dan bermusim.

Matlamat

Menjadikan institusi masjid sebagai pemangkin ke arah pembangunan dan perpaduan serta merealisasikan masjid sebagai syiar kekuatan umat Islam.

Fungsi dan Peranan

- Bertanggungjawab mengurus dan mentadbir hal ehwal masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara;

- Berperanan meningkatkan ilmu dan pengetahuan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Masjid;
- Berperanan dalam penyediaan khutbah-khutbah Jumaat, Solat Hari Raya, Solat Gerhana dan Solat Istisqa.
- Berperanan dalam memastikan hal ehwal kegiatan muslimah masjid.
- Bertanggungjawab dalam pentadbiran, pentakmiran, pemeliharaan dan hal ehwal yang berkaitan dengan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Struktur Organisasi

Jabatan Hal Ehwal Masjid diketuai oleh seorang Pengarah dan seorang Penolong Pengarah. Jabatan ini mengandungi 7 bahagian iaitu:

- Bahagian Idarah (Pentadbiran)
- Bahagian Imarah (Pentakmiran)
- Bahagian Riayah (Pemeliharaan)
- Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan
- Bahagian Bimbingan dan Latihan
- Bahagian Perpustakaan dan Teknologi Maklumat
- Bahagian Hal Ehwal Muslimah.

(i) Bahagian Idarah

Bertanggungjawab dalam mengurus dan memberikan perkhidmatan berikut:

- Pengurusan dan penempatan imam dan pegawai-pegawai masjid
  - bermula pada tahun 1987, sebilangan guru-guru ugama telah diserap menjadi pegawai-pegawai masjid;
- Peperiksaan bagi pegawai-pegawai masjid dan menilai perkhidmatan pegawai-pegawai masjid seluruh negara;
- Penempatan pegawai-pegawai berijazah dari lulusan al-Azhar dan Universiti Brunei Darussalam di masjid-masjid;
- Pengawalan terhadap kewangan masjid;
- Program pembangunan bagi pegawai-pegawai masjid di seluruh negara.

(ii) Bahagian Imarah

Bertanggungjawab dalam merancang, melaksanakan, memantau hal ehwal pentakmiran masjid seperti:

- Mewujudkan Program Celik al-Quran dan Muqaddam di kalangan kanak-kanak dari umur enam tahun;
- Mengawal perjalanan, pelaksanaan kelas al-Quran dan Muqaddam di masjid-masjid;
- Mengendalikan acara keagamaan sempena Hari-Hari Kebesaran Islam dan Hari Kebesaran Negara;
- Mengadakan bengkel-bengkel peningkatan kemahiran diri bagi pegawai-pegawai dan imam-imam masjid;

- Mewujudkan Program Kumpulan Belia Masjid (KBM) yang mana pada tahun 2003 mencatatkan sebanyak 75 buah masjid telah menubuhkan KBM dengan keramaian ahli sebanyak 2,338 orang;

- Mewujudkan Pusat Khidmat Nasihat Ugama di masjid-masjid
  - pada tahun 2002 sebanyak sepuluh buah masjid telah mempunyai Pusat Khidmat Nasihat Ugama yang berfungsi memberikan perkhidmatan nasihat, bimbingan, kaunseling dan sesi motivasi dan kuliah ugama.

Bahagian Riayah

Bahagian ini bertanggungjawab dalam memelihara dan membaikpulih bangunan masjid, memantau kebersihan dan menjaga keselamatan peralatan-peralatan elektronik di masjid, surau dan balai ibadat.

Dengan kepesatan dan pertumbuhan penduduk Islam di Negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama merancang projek-projek pembinaan masjid untuk kemudahan dan keselesaan beribadat. Sebanyak 103 buah masjid, surau dan balai ibadat telah dibina dengan pembahagian kategori masjid mengikut kapasiti jemaah.

Di antara kemudahan-kemudahan yang terdapat di dalam setiap masjid adalah dewan sembahyang lelaki dan perempuan berasingan yang dilengkapi dengan alat hawa dingin, bilik pejabat pegawai masjid, mini perpustakaan, bilik menyempurnakan jenazah, dapur, stor, peralatan PA system, menara dan lain-lain keperluan.

Kategori	Kapasiti	Jumlah
Masjid Negara	-	2 Buah
Masjid Utama	Lebih 3000 jemaah	11 buah
Masjid Mukim	2000 jemaah	25 buah
Masjid Kampong	1000 jemaah	53 buah
Surau	700 jemaah	8 buah
Balai Ibadat	500 jemaah	11 buah
Jumlah		110 buah

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan

- Bertanggungjawab dalam penyediaan teks Khutbah Jumaat, Dua Hari Raya dan Istisqa serta bahan-bahan maklumat mengenai dengan perkembangan masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.
- Bahagian ini pernah mengendalikan Seminar Institut Masjid dengan kerjasama bersama Jabatan Mufti Kerajaan dalam Majlis Ilmu sempena Ulangtahun Keputeraaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke-59 pada tahun 1995.
- Menerbitkan pelbagai artikel berhubung dengan masjid-masjid di seluruh negara.
- Menerbitkan buku panduan dan peraturan serta kurikulum pengajaran dan pembelajaran di masjid, surau dan balai ibadat untuk kemudahan imam dan pegawai-pegawai masjid seluruh negara.
- Mewujudkan Lujnah Khutbah dan Tasmik Khutbah bagi keberkesanan kandungan dan penyampaian khutbah di masjid, surau dan balai ibadat.

Bahagian Bimbingan dan Latihan (ditubuhkan pada tahun 2003)

- Bertanggungjawab dalam perkara yang bersangkutan dengan bimbingan dan latihan.
- Bertanggungjawab terhadap proses permohonan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Masjid untuk mengikuti latihan dalam perkhidmatan dalam dan luar negeri.
- Merancang, menyelaras dan melaksanakan latihan bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi mengikuti kursus, bengkel, seminar dan latihan jangka pendek dan lain-lain secara *in-house* (tempatan) atau yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Institut Perkhidmatan Awam, Asean EC, Semeo-Voctech dan institusi-institusi lain serta penempatan latihan kerja *(attachment).*
- Merancang dan melaksanakan bimbingan, kursus, bengkel dan lain-lain secara *in-house* (tempatan) bagi pegawai-pegawai masjid, pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Masjid.
- Menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan bagi kursus, bengkel, bimbingan, seminar dan lain-lain secara *in-house* (tempatan).
- Menyediakan rancangan kerja tahunan Bahagian Bimbingan dan Latihan.
- Menyediakan analisis keperluan latihan bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Masjid.
- Menjadi Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia Jabatan Hal Ehwal Masjid.
- Menyediakan rekod perkembangan setiap pegawai / kakitangan termasuk pegawai-pegawai masjid yang mengikuti bimbingan, kursus dan bengkel.

Bahagian Perpustakaan dan Teknologi Maklumat (ditubuhkan pada tahun 2003)

Bahagian Perpustakaan dan Teknologi Maklumat mempunyai 3 Unit:

- Unit Perpustakaan.
- Unit Teknologi Maklumat.
- Unit Pameran.

Fungsi dan Tanggungjawab:

- Bertanggungjawab dalam perkara yang bersangkutan dengan perpustakaan dan teknologi maklumat.
- Menyelaras dan mengawasi perjalanan perpustakaan masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.
- Bertanggungjawab terhadap pemilihan, pembelian dan pemerosesan buku atau bahan perpustakaan bagi masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.
- Mengadakan lawatan secara berjadual ke masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara berhubung hal ehwal perpustakaan dan menghadapkan laporan lawatan kepada Pengarah pada setiap bulan.
- Merancang dan melaksanakan keperluan teknologi maklumat Jabatan Hal Ehwal Masjid.
- Memantau dan melaporkan kepada Pengarah mengenai e-mail yang dikirimkan ke Jabatan Hal Ehwal Masjid.
- Memantau dan mengemaskinikan laman web Jabatan Hal Ehwal Masjid dan laman web masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.
- Menjadi urusetia permohonan-permohonan komputer daripada bahagian/unit/masjid kepada Ketua Bahagian Teknologi Maklumat.
- Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Projek Jabatan (JKPJ) dari masa ke semasa.
- Menyediakan anggaran belanjawan tahunan bagi hal ehwal perpustakaan dan teknologi maklumat.

- Menyediakan rancangan kerja tahunan dan aktiviti perpustakaan masjid Bahagian Perpustakaan dan Teknologi Maklumat.
- Menyediakan jadual bertugas pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Bahagian Perpustakaan dan Teknologi Maklumat ke masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.
- Menyediakan jadual lawatan mini pameran masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.
- Memantau dan meneliti bahan mini pameran masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Bahagian Hal Ehwal Muslimah (ditubuhkan pada tahun 2007)

Bahagian Hal Ehwal Muslimah mempunyai 3 unit:

- Unit Bimbingan Muslimah Zon Brunei-Muara dan Temburong.
- Unit Bimbingan Muslimah Zon Tutong dan Belait.
- Unit Kegiatan Masjid.

Fungsi dan Tanggungjawab:

- Bertanggungjawab kepada Pengarah Hal Ehwal Masjid dalam hal ehwal pentakmiran masjid seluruh negara yang berhubung dengan hal ehwal muslimah.
- Bertanggungjawab dalam merancang, menyusun dan melaksanakan aktiviti-aktiviti takmir masjid seluruh negara khusus mengenai dengan hal ehwal muslimah.
- Menyelaras dan menyediakan rancangan kerja tahunan takmir masjid-masjid seluruh negara dengan rancangan takmir masjid bagi hal ehwal muslimah.
- Mengawal perjalanan, perlaksanaan dan perkembangan perancangan kelas-kelas dewasa bagi kaum muslimah di masjid-masjid.

- Mengendalikan kursus, bengkel Fardhu ‘Ain dan Fardhu Kifayah di masjid-masjid.
- Mempastikan masjid-masjid seluruh negara membentuk / menubuhkan Jawatankuasa Takmir Masjid bagi hal ehwal muslimah.
- Mengadakan muzakarah / taklimat dengan Jawatankuasa Hal Ehwal Muslimah seluruh negara.
- Mengadakan pemantauan / lawatan ke masjid-masjid seluruh negara.
- Menerima arahan dari masa ke semasa.

PERKEMBANGAN MASJID DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pembinaan masjid sepanjang 50 tahun hinggalah ke hari ini adalah sangat memberangsangkan kerana banyak masjid-masjid kecil telah dibina pada awal kurun ke-20 sehingga pertengahan abad iaitu pada tahun 1950an dan 1960an. Masjid-masjid terawal selalunya berupa wakaf persendirian orang ramai yang dilakukan atau dibina dengan secara bergotong-royong oleh penduduk kampung itu sendiri dan kemudiannya dibiayai oleh pihak kerajaan.

Setelah banyak pembangunan masjid-masjid kecil pada zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Baginda telah mencadangkan

untuk membina sebuah Masjid Negara sebagai simbol Brunei terhadap kepercayaan teguh rakyat Brunei kepada Islam dan melambangkan identiti Pemerintahan Melayu Islam Beraja (MIB) di Brunei.

Masjid Negara tersebut telah dibina di tapak yang ada pada masa ini, kerana kawasan tersebut bukan sahaja terletak di Pekan Brunei (sekarang Bandar Seri Begawan) tetapi berhampiran dengan Sungai Brunei. Dengan kedudukan yang sedemikian ini dapat membantu memberi kemudahan kepada orang-orang Islam yang tinggal di Kampong Ayer dan masjid ini dikenali sebagai Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Langkah yang dibuat oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dengan membina masjid negara itu, telah diikuti pula oleh Anaknda Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Brunei yang ke-29 untuk membina sebuah lagi Masjid Negara yang besar lagi cantik di kawasan Kampong Kiarong. Masjid ini telah dibina sejak tahun 1989 dan mula digunakan pada hari Khamis malam Jumaat bersempena Hari Keputeraan Baginda ke-48 tahun iaitu pada 14 Julai 1994, di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri telah berangkat menunaikan sembahyang fardhu Maghrib dan fardhu Isyak berjemaah.

PEMBAHAGIAN MASJID

Pada awal tahun 1960-an hingga ke tahun 1980-an, rancangan pembinaan masjid di seluruh negara dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

(i) Masjid Utama atau Mukim
- di antaranya Masjid Setia Ali, Pekan Muara (1960). Masjid Mohammad Jamalul Alam, Belait (1961). Masjid Utama Mohammad Salleh, Temburong (1965) dan Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong (1966).

(ii) Masjid Kampung
- di antaranya Masjid Kampong Jerudong (1959). Masjid Kampong Sungai Hanching (1959) dan Masjid Kampong Telisai (1959).

AKTIVITI TAKMIR

1. Aktiviti Harian / Mingguan:

Mengadakan kuliah-kuliah, ceramah agama, kelas al-Quran dan Muqaddam, membaca surah Yaasin, berzikir dan lain-lain. Di antara aktivitinya ialah:

- Mambaca Surah Yaasin dan Tahlil pada setiap malam Jumaat;
- Kelas Al-Qur'an Dewasa;
- Kelas Ugama Dewasa;
- Kuliah Maghrib/Subuh;
- Membaca Zikir Ratib Al-Attas;
- Kelas Hadrah;
- Kelas Muslimah dan lain-lain lagi.

2. Aktiviti Berkala:

Mengadakan bengkel, kursus, peraduan, forum, ceramah motivasi, pertemuan belia-belia dan beliawanis dan sebagainya. Di antara aktivitinya ialah:

- Majlis Tahlil dan Doa Arwah;
- Doa Selamat dan Kesyukuran;
- Peraduan Dikir Syarafil Anam (secara berperingkat);
- Pertandingan Takbir Raya;
- Program Riadhah Hijrah;
- Multaqa (Pertemuan) Belia-Belia Masjid Negara;
- Ceramah Motivasi dan lain-lain.

3. Aktiviti bermusim:

Mengadakan majlis-majlis keagamaan bersempena Hari-Hari Kebesaran Islam dan Hari-Hari Kebesaran Negara.

Di antara aktivitinya ialah:

- Membaca tahlil dan doa kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
- Membaca tahlil dan doa kesyukuran sempena Sambutan Ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam;
- Majlis Dikir Maulud Syarafil Anam sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam;
- Bertadarus/Khatam al-Quran sempena bulan Ramadhan dan lain-lain lagi.

CONTOH PELAN PERKEMBANGAN BANGUNAN MASJID DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM









Masjid Kampong Kiudang digunakan tahun 1953-1972.

Pelan Masjid-Masjid Kampung

PERKEMBANGAN BANGUNAN MASJID DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Contoh Masjid Kampong Jerudong



Masjid Pertama Kampong Jerudong Tahun 1956



Masjid Kedua Kampong Jerudong Tahun 1978



Masjid Ketiga Kampong Jerudong Tahun 1987



Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam mula digunakan pada 28 Januari 1999M iaitu malam Jumaat dan telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pusat DA'WAH ISLAMIAH

Dengan adanya Pusat Da'wah Islamiah ini kita yakin usaha-usaha kita untuk menjadikan Islam sebagai **"Ugama Yang Utama"** di Negara Brunei Darussalam akan berjalan dengan lebih licin dan sempurna. Maka untuk mencapai tujuan-tujuan ini sangatlah kena pada tempatnya bagi Pusat Da'wah Islamiah ini menjadi sebuah institusi perkembangan dakwah Islam di Negara ini dan mempertinggi pengetahuan rakyat berhubung dengan ajaran-ajaran Islam.

Petikan titah sempena perasmian Pusat Da'wah Islamiah pada 1 Muharram 1406H bersamaan 16 September 1985M.

Pengarah-Pengarah PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

Yang Berhormat Pehin
Udana Khatib
Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin
bin Pengarah Dato Paduka
Haji Awang Othman
1985 - 1986

Yang Mulia Allahyarham
Dato Seri Setia Awang
Haji Ibrahim bin Pehin
Orang Kaya Indera Laila
(Begawan Mudim)
Dato Seri Utama Awang
Haji Ismail
1986 - 1989

Yang Mulia Allahyarham Dato Seri
Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin
bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato
Paduka Awang Haji Abdul Rahim
1989 - 1998

Yang Mulia Dato Seri
Setia Awang Haji Adam
bin Haji Ahmad
1998 - 2004

Yang Berhormat Datin Paduka
Dayang Hajah Zasia binti Sirin
2004 - 2007

Yang Mulia Dayang Hajah
Hasnah binti Haji Omar
2009 hingga Sekarang

SEJARAH

Pada awalnya, Jabatan ini merupakan satu badan da'wah yang ditubuhkan pada bulan Jun 1958 yang dikenali dengan "Badan Penerangan Ugama Islam". Badan ini dipengerusikan oleh Yang Amat Mulia Seri Paduka Pengiran Haji Muhd Salleh (sebelumnya Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar, Kadi Besar). Pada tahun 1964, badan ini diubah menjadi Badan Penerangan dan Tabligh. Bahagian ini menjadi salah satu dari lapan bahagian yang terdapat dalam struktur Jabatan Hal Ehwal Ugama pada masa itu.

Pada 18 Rabiulakhir 1405M bersamaan 1 Januari 1985M, bahagian ini dinaiktaraf menjadi sebuah Jabatan dengan nama Pusat Da'wah Islamiah.

Demi memantapkan fungsi dan peranannya, Pusat Da'wah Islamiah ditempatkan di sebuah bangunan baru yang disempurnakan perasmiannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Muharram 1406 bersamaan dengan 16 September 1985.

MISI

Menjadikan Jabatan ini sebagai sebuah Institusi Penyebaran Ugama Islam dan ajaran-ajarannya bagi memenuhi kewajipan pelaksanaan konsep الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر di negara ini.

FUNGSI DAN PERANAN

- Menyebar, memberi maklumat dan membekal ilmu agama Islam melalui penyelidikan, penulisan, penerbitan, ceramah, kursus dan bimbingan kepada muslim dan *non-muslim* di Negara Brunei Darussalam berkonsepkan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Syafie;
- Memeduli kebajikan berbentuk fizikal, moral dan spiritual saudara-saudara baru bagi menjamin kehidupan mereka yang lebih baik dan sempurna dalam agama Islam;
- Memelihara dan mempamerkan bahan-bahan sejarah dan sosio-budaya yang berorientasikan Islam, khususnya di Negara Brunei Darussalam dan umumnya negara-negara Islam yang lain;
- Menghasilkan pengurusan yang cemerlang dan sumber tenaga manusia yang berkualiti;
- Mempertingkatkan pengetahuan, kesedaran dan penghayatan umat Islam terhadap agama Islam sesuai dengan kehendak agama dan tuntutan-tuntutan perkembangan dunia;
- Menyebarkan kefahaman agama Islam kepada *non-muslim* di negara ini bagi membolehkan mereka mengetahui sekadarnya akan ajaran-ajaran agama Islam yang menjadi anutan dan cara hidup golongan majoriti di Negara ini serta sesuai dengan kehendak Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang mendaulatkan agama Islam sebagai agama rasmi.

TUGASAN UTAMA

1. Meningkatkan kapasiti dan kualiti sumber tenaga manusia yang kompeten dan mencukupi.
2. Meningkatkan kuantiti dan kualiti kajian dan penyelidikan ilmiah Islam yang bertaraf antarabangsa.
3. Memantap dan meningkatkan kualiti masyarakat Islam dalam penghayatan beragama sesuai dengan perkembangan semasa.
4. Meningkatkan penyebaran dakwah melalui pelbagai saluran media sesuai dengan perkembangan masa kini.
5. Meningkatkan kualiti perkhidmatan penapisan bahan-bahan terbitan dan kuantiti koleksi bahan pameran perkembangan dakwah.

PERKEMBANGAN STRUKTUR ORGANISASI PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

Pusat Da'wah islamiah diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh seorang Penolong Pengarah, beberapa orang Pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan yang lain. Pada tahun 1985 hingga 1998 struktur organisasi Pusat Da'wah Islamiah telah dibentuk dan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Struktur berkenaan dibahagikan kepada 11 bahagian, iaitu:

1. Bahagian Pameran dan Arkib
2. Bahagian Perpustakaan
3. Bahagian Penerbitan dan Percetakan
4. Bahagian Pengislaman dan Bimbingan
5. Bahagian Dakwah Umum
6. Bahagian Penapisan dan Kawalan Terbitan-Terbitan
7. Bahagian Pentadbiran
8. Bahagian Dakwah dan Tabligh Daerah-Daerah
9. Bahagian Kajian dan Penyelidikan
10. Bahagian Media Elektronik
11. Bahagian Dakwah Khas.

Pada tahun 1999, struktur jabatan disusun dan dikemaskini semula menjadikan struktur organisasi jabatan kepada 5 bahagian;

1. Bahagian Pentadbiran

Bahagian ini mempunyai 2 Unit iaitu Unit Pentadbiran dan Unit Teknologi Maklumat. Bahagian ini bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran dan pengurusan jabatan yang berkaitan dengan sumber manusia, kewangan, pemeliharaan bangunan dan peralatan pejabat.

Bahagian ini juga berperanan menyelaras rancangan dan laporan tahunan jabatan, bertanggungjawab dengan perkara yang berkaitan ICT dan program peningkatan kualiti dan produktiviti jabatan.

Jabatan ini telah meraih berbagai pencapaian seperti berikut:
2006 – 2009 : Pusat Da'wah Islamiah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang berasaskan model MS ISO 9001:2000 dan telah diiktiraf persijilan ISO MS MS ISO 9001:2000 pada 7 September 2006.

Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC)

- 1999 – Kumpulan : ILHAM
  Tajuk : Penyusunan Negatif-Negatif Gambar Yang Tidak Tersusun.
  Pencapaian : Mendapat saguhati peringkat kebangsaan.
- 2000 – Kumpulan : YAGAN
  Tajuk : Kelewatan Mengeluarkan Keputusan Ke Atas Buku-buku Agama (Bahasa Melayu) Yang Belum Pernah Ditapis.
  Pencapaian : Mendapat tempat kedua peringkat kementerian dan pingat perak peringkat kebangsaan.

Kumpulan : YAGAN

- 2002 – Kumpulan : AL-BASYIR
  Tajuk : Isi Kandungan Kursus Tidak Disampaikan Secara Maksimum – Unit Kursus Bahagian Kursus Dan Bimbingan Wanita.
  Pencapaian : Mendapat tempat kedua peringkat kementerian.

Kumpulan : AL-BASYIR

- 2004 – Kumpulan : AL-MUHAZZIB
  Tajuk : Ramai Saudara-Saudara Baru Terlambat Mengikuti Bimbingan Pengenalan Islam 10 Hari (PI-10).
  Pencapaian : Mendapat tempat kedua peringkat kementerian dan pingat perak peringkat kebangsaan.

Kumpulan : AL-MUHAZZIB

- 2005 – Kumpulan : AL-HUDA
  Tajuk : Stor Bahan-Bahan Terbitan Pusat Da'wah Islamiah Tidak Teratur – Unit Pembahagian dan Pemasaran Terbitan.
  Pencapaian : Mendapat tempat pertama peringkat kementerian dan saguhati peringkat kebangsaan.

Kumpulan : AL-HUDA

Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA).

- 1996 – Kumpulan : DA'WAH KHAS
  Tajuk : Meningkatkan Kualiti Kehidupan Saudara-Saudara Baru.
  Pencapaian : Saguhati peringkat kebangsaan.
- 2000 – Kumpulan : MAU'IZAH
  Tajuk : Pencapaian Kualiti dan Produktiviti Penceramah Tempatan Dalam Penyebaran Da'wah.
  Pencapaian : Pingat Emas peringkat kebangsaan.

Kumpulan : MAU'IZAH

- 2002 - Kumpulan : AL-HIKMAH
  Tajuk : Peningkatan Kualiti dan Kuantiti Rumah Bantuan Pusat Da'wah Islamiah Kepada Saudara-Saudara baru Untuk Keberkesanan Gerakan Da'wah.
  Pencapaian : Pingat Gangsa peringkat kebangsaan.

Kumpulan : AL-HIKMAH

- 2004 – Kumpulan : INTISYAR
  Tajuk : Meningkatkan Keberkesanan Rancangan-Rancangan Agama Kelolaan Pusat Da'wah Islamiah Di Radio Televisyen Brunei Sebagai Sarana Dakwah Islamiah Di Negara Brunei Darussalam
  Pencapaian : Mendapat saguhati peringkat Kementerian.

2. Bahagian Kajian dan Penerbitan

Bahagian ini mengandungi 3 unit: Unit Kajian dan Penyelidikan, Unit Penerbitan, Pembahagian dan Pemasaran dan Unit Perpustakaan.

Salah satu saluran da'wah ialah bahan-bahan terbitan. Bahagian ini melalui Unit Penerbitan, Pembahagian dan Pemasaran berperanan untuk menerbitkan bahan-bahan cetak yang bersesuaian dengan sasaran da'wah yang pelbagai. Menerbitkan sekurang-kurangnya empat puluh buah buku terbitan setahun dengan pelbagai jenis terbitan seperti majalah, buku (sempena dan semasa), *pamplet, booklet, newsletter muslimin, poster* dan taqwim. Bahan-bahan terbitan tersebut merupakan hasil tulisan pegawai-pegawai dari Unit Kajian dan Penyelidikan dan penulis undangan dari pegawai dalaman dan luar Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebahagian terbitan diedarkan kepada sasaran dengan percuma dan sebahagiannya lagi dijual.

Penjualan bahan-bahan terbitan Pusat Da'wah Islamiah telah dapat memberikan kutipan hasil kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1986-2003, Pusat Da'wah Islamiah telah berhasil mengutip sejumlah $108,027.65.

Perpustakaan Pusat Da'wah Islamiah mempunyai koleksi simpanan buku-buku sebanyak 3,425 buah buku bahasa Melayu, 1,086 buah buku bahasa Arab dan lapan ratus lapan (808) buah buku bahasa Inggeris untuk dijadikan bahan rujukan tugasan warga Pusat Da'wah Islamiah dan luar dari jabatan ini terutamanya mahasiswa/mahasiswi Negara ini.

3. Bahagian Penapisan dan Pameran

Bahagian ini mengandungi 2 unit: Unit Penapisan dan Kawalan Terbitan-Terbitan dan Unit Pameran, Arkib, Foto dan Video.

Bahagian ini dipertanggungjawabkan menapis dan mengawal bahan-bahan terbitan agama yang dibawa masuk ke Negara ini di bawah Akta Terbitan-Terbitan Yang Tidak diingini Penggal (25).

Melaksanakan pengawalan kemasukan bahan terbitan ini adalah bagi memastikan bahan-bahan terbitan yang dibawa masuk, dijual dan diedarkan di Negara ini adalah betul dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar agama Islam serta tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai dan tidak melanggar Akta Terbitan-Terbitan Yang Tidak diingini Penggal (25) dengan membuka beberapa cawangan penapisan di pintu-pintu masuk utama dan penerimaan bahan-bahan terbitan di pos-pos kawalan.

Bahagian ini juga berperanan dan bertanggungjawab mengurus dan mentadbir Pameran dan Arkib Pusat Da'wah Islamiah. Bangunan Pameran dan Arkib Pusat Da'wah Islamiah merupakan dewan atau balai pameran yang dihasratkan menjadi sebagai Rumah Sejarah Islam bagi Negara ini pada masa tersebut. Kesan-kesan sejarah Islam dan perkembangannya di Negara Brunei Darussalam dan kitab-kitab turats Islam ditempatkan di dalamnya.

Bahagian ini mengendalikan tiga kegiatan pameran iaitu:

a) Pameran Tetap *(Permanent Exhibition)* – Pameran yang ditempatkan di Balai Pameran bagi kunjungan orang ramai pada waktu bekerja.
b) Pameran Bergerak *(Mobile Exhibition)* – Pameran yang diadakan di luar Pusat Da'wah Islamiah seperti di luar negara, daerah-daerah, kampung-kampung, pedalaman dan seumpamanya.
   Pameran bergerak ke luar negara, Pusat Da'wah Islamiah pernah menyertai pameran di Jakarta, Republik Indonesia pada tahun 1991 dan 1995, Senegal pada tahun 1992 iaitu pameran sempena Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan OIC, pada tahun 1994 diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia dan Thailand pada tahun 1995.
c) Pameran Sementara *(Temporary Exhibition)* – Pameran ini diadakan untuk jangkamasa sementara atau pameran bagi mengingati sesuatu peristiwa sejarah dalam Islam.

4. Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Muallaf

Bahagian ini mengandungi 5 unit: Unit Dakwah Khas, Unit Pengislaman dan bimbingan Muallaf, Unit Dakwah Daerah-Daerah (Daerah Belait, Tutong dan Daerah Temburong).

Bahagian ini bertanggungjawab melaksanakan gerakan da'wah kepada *non muslim* dan saudara-saudara baru dalam pelbagai bentuk aktiviti seperti ziarah da'wah bandar dan pedalaman, sukan muhibbah, gotong-royong dan sebagainya. Bagi tempoh 1984-2005 gerakan da'wah telah berjaya mengislamkan lebih kurang lima belas ribu, lapan ratus dua puluh tujuh (15,827) orang dari berbagai bangsa dan kaum di negara ini.

Pengislaman Awang Johari dan keluarga di hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 28 April 1999.

Majlis Pengislaman Di Rumah

Majlis Pengislaman Di Pejabat Pusat Da'wah Islamiah

Gambar-Gambar Aktiviti Dakwah Pusat Da'wah Islamiah

Berbagai bantuan fizikal telah diberikan kepada saudara-saudara baru yang memerlukannya seperti bantuan perumahan, menyediakan kemudahan barek Lorong 3 Seria, bantuan sara hidup bulanan, memperbaiki rumah kediaman yang rosak, projek sara diri, bantuan generator, tangki air, pam air dan sebagainya bagi menaiktaraf kualiti kehidupan mereka.

Bagi memelihara keislaman saudara-saudara baru, Pusat Da'wah Islamiah telah memberikan khidmat bimbingan yang tersusun dan teratur. Saudara-saudara baru dikehendaki untuk mengikuti bimbingan secara individu, Bimbingan Asas, Bimbingan Lanjutan I dan II di Pusat Da'wah Islamiah dan Unit-Unit Da'wah Daerah-daerah bagi mempelajari ajaran Islam dari peringkat asas untuk diamalkan.

Saudara-saudara Baru (lelaki) diberi bimbingan dan tunjuk ajar oleh pegawai (lelaki) melalui Skim Bimbingan Saudara-saudara Baru yang dikendalikan oleh Pusat Da'wah Islamiah.

5. **Bahagian Penyebaran Dakwah (Pada tahun 2002)** Bahagian ini telah dijadikan 2 bahagian iaitu: Bahagian kursus dan Bimbingan Wanita, dan Bahagian Ceramah dan Media Elektronik. Walau bagaimanapun tahun 2009 kedua Bahagian ini disatukan semula menjadi Bahagian Penyebaran Dakwah).

   Bahagian ini mengandungi 4 Unit: Unit Ceramah, Unit Media Elektronik, Unit Kursus dan Unit Wanita.

   Melalui Bahagian ini, Pusat Da'wah Islamiah telah memperluaskan aktiviti-aktiviti da'wah Islamiahnya kepada pegawai-pegawai kerajaan, belia-belia, pelajar-pelajar dan kaum wanita melalui kursus-kursus, ceramah-ceramah, seminar-seminar yang diadakan di Pusat Da'wah Islamiah dan di luar jabatan bukan sahaja di daerah Brunei-Muara tetapi juga dilaratkan ke semua daerah di Negara ini.

Pusat Da'wah Islamiah berusaha memenuhi permintaan ceramah dari pelbagai institusi awam dan swasta dengan menempatkan sepuluh orang pegawai tempatan lulusan universiti Al-Azhar dan Universiti Brunei Darussalam untuk menjadi penceramah/daie sepenuh masa bagi memberikan perkhidmatan ceramah di seluruh negara termasuk menjadi penceramah dalam rancangan-rancangan keagamaan di radio dan televisyen Brunei sama ada kelolaan Pusat Da'wah Islamiah sendiri ataupun RTB.

Di samping itu, Bahagian ini juga bertanggungjawab menyebar da'wah Islamiah dengan menyediakan berbagai program keagamaan melalui media elektronik dan siaran rancangan-rancangan keagamaan di radio dan televisyen melalui program harian, mingguan dan bermusim dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Tiong Hwa.

Pada tahun 2004, bahagian ini telah berjaya meningkatkan pelbagai rancangan agama yang disiarkan di televisyen iaitu dari sebelas rancangan setahun ke dua puluh dua rancangan setahun.

Rakaman Rancangan Ramadhan Karim oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin

Rakaman Rancangan TV Hikmah Isra' Mi'raj di Studio 2, RTB oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim pada 27 Ogos 2003

Rakaman Rancangan Sambil Bersungkai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama Di Mini Studio, Pusat Da'wah Islamiah pada 2 Februari 2005

Unit PERUNDANGAN ISLAM

" Adalah menjadi hasrat Beta
dan kerajaan Beta untuk terus memelihara
ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah
Wal-Jamaah sebagai suatu cara
hidup dan landasan kepada
pentadbiran Kerajaan Negara Brunei
Darusalam - sesuai dengan kedudukan
agama Islam sebagai agama rasmi negara.
Salah satu usaha yang sedang dilaksanakan
oleh kerajaan Beta pada masa ini
ialah untuk mempersaingkan
undang-undang negara
dengan kehendak-kehendak hukum
Islam dan hukum syarak. Untuk ini
tidaklah dapat dilaksanakan
dengan secepatnya kerana
Negara Brunei Darussalam masih
kekurangan dari segi tenaga manusia
berkemahiran dibidang ini. Insya Allah,
kerajaan Beta akan berusaha pada
mendapatkan kemungkinan bantuan
kepakaran termasuk latihan-latihan
di bidang ini dari negara-negara
Islam yang telah berpengalaman."

Petikan Titah

Pengarah-Pengarah PERUNDANGAN ISLAM

Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman,
Pakar Perundangan Islam
1998 - 2000
2001 - 2002

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Tasim bin Haji Akim
2002 hingga sekarang

"Adalah menjadi hasrat Beta dan kerajaan Beta untuk terus memelihara ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai suatu cara hidup dan landasan kepada pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam – sesuai dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Salah satu usaha yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan Beta pada masa ini ialah untuk mempersaingkan undang-undang negara dengan kehendak-kehendak hukum Islam dan hukum syarak. Untuk ini tidaklah dapat dilaksanakan dengan secepatnya kerana Negara Brunei Darussalam masih kekurangan dari segi tenaga manusia berkemahiran dibidang ini. Insya Allah, kerajaan Beta akan berusaha pada mendapatkan kemungkinan bantuan kepakaran termasuk latihan-latihan di bidang ini dari negara-negara Islam yang telah berpengalaman."

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sempena Pembukaan Rasmi Persidangan Belia Islam Asia Tenggara dan Pasifik. Pada 18 Mac 1984M.

SEJARAH PENUBUHAN UNIT PERUNDANGAN ISLAM

Dengan tujuan untuk melaksanakan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menubuhkan sebuah Mahkamah tertinggi Syariah dan untuk mengemaskinikan Undang-Undang Brunei dan struktur Kehakiman Syariah dan juga untuk mewujudkan satu sistem perundangan dan kehakiman di Negara Brunei Darussalam menurut Ugama Islam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 Januari 1980 telah memperkenankan penubuhan "Jawatankuasa Penyesuaian Undang-Undang Brunei menurut Ugama Islam" yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Peranan jawatankuasa ini adalah bagi menyemak semua peruntukan-peruntukan dalam undang-undang Brunei yang berjalan pada masa ini supaya selaras dengan Hukum Syara', menyediakan draf-draf cadangan pindaan untuk menggantikan, sekiranya didapati ada peruntukan-peruntukan yang bercanggah dengan Hukum Syara' di dalam undang-undang berkenaan, menghadapkan draf-draf cadangan pindaan berkenaan kepada Majlis Ugama Islam untuk persetujuan dan kelulusan.

Pada tahun 1988, kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan supaya mengambil khidmat seorang pakar undang-undang dari Pakistan Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Prof Dr. Anwarullah bin Shafiullah secara berkontrak untuk membantu Jawatankuasa berkenaan. Ini membawa kepada penubuhan satu urusetia yang dikenali sebagai "Unit Undang-Undang" yang diketuai oleh Kadi Besar Brunei (gelarannya sebelum ini) yang terdiri daripada ahli-ahli lain termasuk ahli dari Pejabat Peguam Negara.

Pada tahun 1995, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah memperkenankan penubuhan satu lagi jawatankuasa yang digelar sebagai "Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam", yang dipengerusikan oleh Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman, Pakar Perundangan Islam. Tugas asas jawatankuasa ini ialah menyediakan draf Undang-Undang Keluarga Islam dan ia telah diperluaskan dalam menggubal undang-undang Islam yang lain termasuk undang-undang prosedur dan undang-undang yang berkaitan dengan penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah bagi menggantikan Mahkamah-Mahkamah Kadi sebelum ini.

Oleh sebab bertambahnya tugas dan tanggungjawab Unit Undang-Undang ini, maka pada 1 Januari 1997, Unit ini telah dinaikkan taraf sama seperti sebuah jabatan yang penuh dan dikenali sebagai **UNIT PERUNDANGAN ISLAM.**

Penempatan awal Unit Perundangan Islam terletak di KM.2, Jalan Tutong dan telah berpindah di bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang baru bertempat di Jalan Menteri Besar pada awal tahun 1998.

Pada tahun 2003, Bahagian Pendakwaan Syar'ie mula diserapkan ke Unit Perundangan Islam.

Pada masa ini Unit Perundangan Islam diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh seorang Penolong Pengarah, Pakar Perundangan Islam, Ketua Pendakwa Syar'ie dan beberapa orang pegawai dan kakitangan.

MISI

- Memastikan Unit ini memegang kuasa eksklusif dalam perundangan dan pendakwaan;
- Menyelaraskan, menyesuaikan dan memastikan undang-undang Negara tidak bertentangan dengan Hukum Syara',
- Mengeluarkan dan mewujudkan undang-undang yang berlandaskan Hukum Syara'.

FUNGSI-FUNGSI UTAMA DAN TUGAS-TUGAS UNIT PERUNDANGAN ISLAM

Unit Perundangan Islam mempunyai 6 bahagian:

Bahagian Penyesuaian

- Menyemak undang-undang Negara Brunei Darussalam untuk tujuan penyesuaian
- Menyediakan dapatan samada perlu penyesuaian atau tidak dan seterusnya, untuk dihadapkan kepada Jawatankuasa Mensesuaikan Undang-Undang Brunei Menurut Ugama Islam
- Menghadapkan dapatan-dapatan beserta draf pindaan undang-undang kepada Jawatankuasa Mensesuaikan Undang-Undang Brunei Menurut Ugama Islam untuk persetujuan dan seterusnya kepada Jabatan Majlis Ugama Islam.

Bahagian Penggubalan

- Menggubal undang-undang Syariah
- Menghadapkan draf undang-undang yang telah digubal kepada Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam untuk persetujuan

- Menghadapkan draf undang-undang yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam kepada Jabatan Majlis Ugama Islam
- Menggubal undang-undang yang diperlukan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya

Bahagian Antarabangsa

Meneliti dan memberikan pandangan terhadap peruntukan-peruntukan dan isu-isu dalam instrumen antarabangsa, selaras dengan dasar Kementerian Hal Ehwal Ugama dan undang-undang Syariah dan bertindak ke atas isu-isu berkenaan mengikut kesesuaian.

Bahagian Sivil

Meneliti dan memberikan pandangan terhadap draf instrumen berkaitan perkara sivil untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti perjanjian dan Memorandum Persefahaman.

Bahagian Pendakwaan Syar'ie

- Menjalankan prosiding pendakwaan di seluruh Negara terhadap orang yang dituduh melakukan kesalahan di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah.
- Mengendalikan proses rayuan dan semakan *(review).*
- Menjalankan prosiding Mal di Mahkamah Syariah bagi pihak kerajaan.

Bahagian Pentadbiran

- Melaksanakan dasar-dasar dan peraturan perkhidmatan dan urusan-urusan pegawai dan kakitangan termasuk perlaksanaan GEMS.
- Mengendalikan projek-projek penyebaran dan penerangan undang-undang Islam.
- Mengendalikan teknologi maklumat dan perpustakaan.
- Urusetia bagi setiap projek.

Unit Perundangan Islam juga menjadi urusetia kepada dua jawatankuasa yang berikut:

1. Jawatankuasa Mensesuaikan Undang-Undang Brunei Dengan Kehendak Ugama Islam; dan
2. Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam.

Lantikan ahli-ahli Jawatankuasa ini dibuat oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Disamping menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai urusetia kepada jawatankuasa tersebut. Unit Perundangan Islam juga terlibat dengan beberapa institusi bukan sahaja dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama tetapi juga di luar Kementerian Hal Ehwal Ugama di antaranya:

1. Majlis Ugama Islam
2. Jabatan Hal Ehwal Syar'iah:
   Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga
   Bahagian Kawalan Makanan Halal
   Bahagian Kawalan Aqidah
3. Jabatan Peguam Negara
4. Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Jabatan Pertanian, Kementerian Kesihatan

PENCAPAIAN

Penyesuaian Undang-Undang Brunei Dengan Kehendak Ugama Islam

Unit Perundangan Islam telah menyemak dan meneliti sebanyak 178 buah akta dari Undang-Undang Brunei. Dari jumlah tersebut, sebanyak 142 undang-undang didapati tidak bertentangan dengan Hukum Syara' dan selebihnya sebanyak 36 undang-undang didapati ada beberapa peruntukannya bertentangan dengan Hukum Syara'. Setakat ini 35 undang-undang telah disesuaikan dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Mensesuaikan Undang-Undang Dengan Kehendak Ugama Islam.

Penggubalan Undang-Undang Syariah

Unit Perundangan Islam menyediakan dan menggubal sebanyak 17 buah cadangan draf Undang-Undang Syariah yang telah pun dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam, dari jumlah tersebut 9 daripadanya telah diluluskan dan dikuatkuasakan. Berikut antara undang-undang yang telah dikuatkuasakan.

Senarai Undang-Undang Yang Telah Dikuatkuasakan

1. Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam, 1999 Aturan-Aturan Undang-Undang Keluarga Islam, 2002
2. Akta Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, Penggal 206
3. Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001
4. Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184) Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syar'ie), 2002
5. Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002
6. Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Bayaran dan Kos Mahkamah), 2005
7. Akta Daging Halal (Penggal 183) Aturan-Aturan Daging Halal, 1998
8. Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005
9. *Syariah Financial Supervisory Board Order, 2006*

Jabatan URUSAN HAJI

Pengarah-Pengarah URUSAN HAJI

Yang Mulia
Awang Haji Abu Bakar
bin Haji Tengah
1986 - 1989

Yang Mulia, Dato Seri Setia
Dr. Haji Besar
bin Haji Abu Bakar
1999 - 2004

Yang Mulia, Dato Seri Setia
Awang Haji Abd Rahman
bin Pehin Khatib Abdullah
1989 - 1995

Yang Mulia
Awang Haji Talip
bin Haji Apong
2004 - 2008

Yang Arif, Dato Seri Setia
Awang Haji Metussin
bin Haji Baki
1995 - 1999

Tuan Yang Terutama
Pengiran Haji Mustapa
bin Pengiran Haji Aliuddin
2008 - 2009

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien mengerjakan wuquf di Padang Arafah dalam tahun 1951M.

SEJARAH

Sebelum tahun 1954, pemergian jemaah haji ke Tanah Suci dikendalikan oleh Pejabat British Resident. Pada tahun 60-an, pengendalian Urusan Haji bagi penduduk Islam di Negara Brunei Darussalam diletakkan di bawah kawalan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Dengan tertubuhnya Kementerian Hal Ehwal Ugama pada tahun 1986, Bahagian Haji telah dinaik taraf menjadi sebuah Jabatan Urusan Haji dan Perhubungan Muslimin. Jabatan ini diketuai oleh seorang Pengarah dan seorang Penolong Pengarah. Jabatan ini mempunyai empat bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Dasar dan Hubungan Luar, Bahagian Pendaftaran dan Penerbangan, dan Bahagian Kursus dan Penerbitan.

Pada awal penubuhannya, ibu pejabat Jabatan Urusan Haji terletak di Bangunan Lama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan. Kemudiannya berpindah ke Bangunan Athirah, Kilometer Dua, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan. Pada bulan Oktober 2001, Jabatan Urusan Haji telah dipindahkan ke Blok A, Bangunan Badan Tanmiah Baitul Mal, Jalan Kota Batu sehingga sekarang.

MATLAMAT

Ke arah meningkatkan perkhidmatan dan mengemaskinikan pengendalian proses persediaan dan persiapan yang berkaitan dengan hal ehwal urusan haji/umrah serta memelihara kesejahteraan, kebajikan dan kesempurnaan ibadat jemaah semasa berada di Tanah Suci.

Fungsi dan Peranan

- Melaksanakan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Jemaah Penasihat Haji setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
- Memproses permohonan-permohanan haji, rakyat dan penduduk Muslim di Negara ini yang berhajat untuk mengerjakan ibadat haji;
- Memberikan kebenaran bagi pengendalian pakej haji dan umrah kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan;
- Melaksanakan proses permohonan/keputusan kurnia tambang haji bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah berkhidmat selama lima belas tahun;
- Melaksanakan keputusan dan peraturan yang telah dikurniakan oleh Kerajaan Arab Saudi.
- Melaksanakan proses-proses dan persediaan keberangkatan jemaah haji ke Tanah Suci Mekah seperti proses pendaftaran dan pembayaran, proses pemeriksaan kesihatan, proses visa dan pelayaran;
- Menjalankan aktiviti persediaan ibadat haji kepada jemaah-jemaah haji seperti kursus-kursus ibadat haji.

Pencapaian

Untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan dan teratur, Jabatan ini telah melaksanakan inisiatif berikut:

1. Pakej Haji

Perkhidmatan Pakej Haji mula diperkenalkan di Negara ini pada tahun 1987. Pakej tersebut menggantikan sistem Muassasah yang berjalan sejak lama dahulu. Bagi tempoh 1987-2003, sebanyak tujuh belas buah Syarikat Pengembaraan *(Travel Agency)* telah diberikan kebenaran mengendalikan pakej haji. Antara Syarikat Penerbangan pakej haji yang berdaftar ialah Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Antara Travel and Tours dan HTH Travel Agency.

Pendaftaran haji suatu waktu dahulu.

2. Pusat Pendaftaran

Tujuh buah Pusat Pendaftaran Haji telah dibukakan bagi memudahkan pendaftaran haji dilakukan oleh bakal-bakal jemaah haji. Tiga di antaranya tambahan bagi pendaftaran Daerah Brunei dan Muara iaitu Masjid Sultan Syarif Ali, Sengkurong, Masjid Perpindahan Lambak Kanan/Masjid Kampong Serusop dan Masjid Setia Ali, Pekan Muara. Sementara itu empat lagi pendapaftaran dijalankan di Pejabat Pusat Urusan Haji Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.

3. Pendaftaran

- Pada tahun 1996, Jabatan Urusan Haji mula melaksanakan sistem baru proses pendaftaran haji dengan menggunakan Borang Pendaftaran Haji. Dalam proses pembayaran setiap Borang Pendaftaran Haji bernilai $2.00 telah dikenakan kepada pemohon-pemohon. Penambahbaikkan ini telah menjimatkan kos bagi pengeluaran borang-borang pendaftaran haji, pengendalian pemeriksaan kesihatan, suntikan-suntikan, penyediaan dan penulisan paspot haji, penyediaan dan penulisan buku-buku kesihatan, gelang-gelang tangan dan pengurusan visa-visa haji.

- Keberhasilan perkara ini dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan penjimatan kos-kos perkhidmatan telah membolehkan Jabatan Urusan Haji memenangi Anugerah Emas (pertama) dalam Program Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan pada tahun 1998.

- Telah memperkenalkan Akaun Tekad Haji dengan kerjasama Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) bagi penyimpanan wang sebanyak $3,500.00 sahaja untuk pembayaran bank draf dan tambang haji.

4. Keramaian Jemaah Haji

Keramaian Jemaah dari Negara Brunei Darussalam adalah tergantung kepada kouta yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi. Bilangan jemaah haji yang paling banyak ialah pada tahun 1988 iaitu seramai 4,235 orang.

Statistik Keramaian Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam Sepanjang 4 Dekad 5 Tahun (45 Tahun) (1965-2009)



5. Bahan-Bahan Terbitan

Dalam tempoh kurang satu dekad iaitu dari tahun 1996 ke tahun 2003, Jabatan Urusan Haji telah berjaya menerbitkan empat buah buku panduan ibadat haji dan umrah, iaitu:

(i) Buku Panduan Mengerjakan Ibadat Haji dan Umrah berharga $1.00 senaskah;

(ii) Doa dan Panduan Ringkas Ibadat Haji dan Umrah berharga $1.65 senaskah;

(iii) Ke Arah Kesempurnaan Ibadat Haji dan Umrah, Bahagian I berharga $2.00 senaskah;

(iv) Ke Arah Kesempurnaan Ibadat Haji dan Umrah, Bahagian II berharga $2.00 senaskah.

6. Kenderaan Jemaah Haji

Pada tahun 2005, Jabatan Urusan Haji telah membeli sebuah kenderaan GMC yang baru bagi kegunaan Bithah Perubatan yang mula digunakan pada musim haji tahun 1426H.

7. Penerbangan Haji

Setiap tahun jemaah haji Negara Brunei Darussalam menaiki pesawat Diraja Brunei. Pada tahun 2004, penerbangan jemaah haji Negara Brunei Darussalam telah mula diterbangkan terus dari Brunei Darusalam ke Lapangan Terbang King Mohammad di Madinah al-Munawwarah.

8. Kursus dan Bimbingan Haji

Kursus Bimbingan Haji telah dijalankan dengan pelbagai sesi yang bermula pada tahun 1999. Jemaah haji telah menjalani Kursus Bimbingan Haji secara teori dan praktikal, secara teori diadakan di sekolah-sekolah ugama yang dipilih dari seluruh Negara manakala kursus praktikal diadakan di Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah, Kampong Pulaie Berakas.

Bermula pada tahun 1999, Bengkel dan Muzakarah ini, dihadiri oleh pegawai-pegawai Jabatan Urusan Haji, Pegawai Perhubungan dan Tenaga Pengkursus Haji, telah diungkayahkan untuk mendapatkan maklum balas dan memperbaiki masalah yang dihadapi oleh para jemaah haji.

Pada tahun 2004, Jabatan Urusan Haji telah menyusun buku panduan dan sukatan pelajaran Kursus Ibadat Haji bagi bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam.

9. Tambang Haji

Terdapat empat jenis tambang menunaikan haji bagi bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam, iaitu:

(i) Tambang biasa bagi orang-orang persendirian;

(ii) Tambang kurnia Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berkhidmat selama 15 tahun ke atas;

(iii) Tambang kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Ugama Islam;

(iv) Tambang bagi muallaf melalui Majlis Ugama Islam.

10. Perkhidmatan Gelang Haji

Pada tahun 1996, 'Gelang Tangan Haji' digunakan sebagai tanda pengenalan diri jemaah-jemaah haji di Tanah Suci.

PEMERGIAN JEMAAH HAJI

1970 seramai 391 orang jemaah haji telah berangkat ke Mekah untuk menunaikan Fardhu Haji dengan menaiki kapal laut dan kapal terbang. Kelihatan dalam gambar sebilangan dari jemaah haji telah meninggalkan perayeran Brunei dengan menaiki kapal 'Bolkiah' dalam pelayaran ke Labuan. Dari Labuan mereka menaiki kapal 'Anshun' ke Jeddah.

Para jemaah haji Brunei di atas Kapal 'Anshun'

Untuk mengisi masa lapang para jemaah haji Brunei mengadakan peraduan membaca ayat suci Al-Qur'an.

PEMERGIAN JEMAAH HAJI

Bakal-bakal jemaah haji terawal yang menggunakan pengangkutan udara Malaysian Singapore Airlines (MSA) di tahun 70an.

KEPULANGAN JEMAAH HAJI

Sanak-saudara yang terdiri dari orang tua dan kanak-kanak sedang menanti ketibaan para jemaah haji di dermaga kastam dalam tahun 60an

KEPULANGAN JEMAAH HAJI

Para jemaah haji yang pulang dari Tanah Suci di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas di tahun 90an.

PROSES PENDAFTARAN JEMAAH HAJI

Jabatan PENGAJIAN ISLAM

Pengarah-Pengarah JABATAN PENGAJIAN ISLAM

Yang Mulia
Allahyarham Dato Seri Setia
Dr. Awang Haji Mohd Amin bin
Pehin Datu Pekerma Dewa
Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim
1986 - 1989

Yang Mulia
Dato Seri Setia
Awang Haji Kassim bin Haji Lamat
1989 - 2000

Yang Mulia
Allahyarham Awang Haji Ahmad
bin Abu Bakar
2000 - 2001

Yang Mulia
Dayang Hajah Kasmah
binti Haji Siput
2001 - 2008

Yang Mulia
Awang Haji Ismail
bin Haji Abd Manap
2008

PENDAHULUAN

Pendidikan Ugama di Negara Brunei Darussalam mula dilaksanakan secara bersistem pada 16 September 1956 atas titah perkenan Al-Marhum Sultan Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang ke-28 (1951 – 1967).

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam telah diamanahkan dan diberi tanggungjawab dalam pengurusan dan pengendalian pendidikan ugama secara formal di negara ini.

SEJARAH PENUBUHAN JABATAN PENGAJIAN ISLAM

Berikutan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama pada tahun 1954, satu jawatankuasa penyusun dan pengelola Sekolah-Sekolah Ugama telah diwujudkan pada tahun 1955 bertujuan untuk mengendalikan hal-hal yang berhubung kait dengan pelajaran ugama di Negara Brunei Darussalam.

Tahun 1967, beberapa perubahan telah dilaksanakan antaranya meletakkan urusan pelajaran ugama di bawah Penguasa Pelajaran Ugama.

Tahun 1971 berikutan perkembangan ugama, pentadbiran Bahagian Pelajaran telah diperkemaskan lagi dengan Penguasa Pelajaran Ugama ditukar menjadi Ketua Pengawal Pelajaran Ugama.

Apabila Jabatan Hal Ehwal Ugama dinaikkan tarafnya menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 21 Oktober 1986, struktur pentadbiran Pelajaran Ugama juga turut dinaiktaraf menjadi Jabatan Pengajian Islam yang diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh seorang Penolong Pengarah.

Jabatan Pengajian Islam terus mengalami perubahan dari masa ke masa. Pada Januari 2002, Jabatan ini ditempatkan sepenuhnya di Kementerian pendidikan sehingga Disember 2005, walau bagaimanapun atas titah perkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tahun 2006 Jabatan Pengajian Islam diserapkan semula di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bergambar ramai selepas acara Majlis Timbang Terima penyerahan Jabatan Pengijian Islam ke Kementerian Pendidikan pada 16 Syawal 1422 bersamaan 31 Disember 2001.

SEKITAR KEBERANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sikap pemedulian yang berterusan dari baginda ini dibuktikan dengan beberapa siri keberangkatan baginda.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Ma'had Islam Brunei pada 13 Februari 2002.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Pada tahun 2007.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Pada tahun 2003.

MATLAMAT

Jabatan Pengajian Islam merupakan sebuah Jabatan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang bertanggung jawab dalam menangani Pendidikan Ugama di Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan kualiti Pendidikan Islam. Di samping itu, Jabatan Pengajian Islam bertanggungjawab bagi memperkasakan Dasar Pendidikan Islam melalui persekolahan ugama wajib dan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam teras dalam SPN21.

Jabatan Pengajian Islam juga bertanggungjawab bagi memantapkan dan meningkatkan kualiti pengajaran ugama dengan pengurusan yang efisien dan meningkatkan kefahaman berugama di kalangan masyarakat.

FUNGSI DAN PERANAN

Jabatan Pengajian Islam berperanan dalam menyebarkan Ugama Islam melalui sistem Pendidikan yang tersusun. Jabatan ini juga adalah sebagai sebuah agensi yang unggul yang dipertanggungjawabkan dalam mengendalikan dan melaksanakan pendidikan Islam.

Dalam menanai tanggungjawab ini, Jabatan Pengajian Islam melaksanakan empat strategi pendidikan Ugama iaitu :-

- Persekolahan Ugama
- Persekolahan Arab
- Mata Pelajaran Pengetahuan Ugama Islam (IRK di sekolah-sekolah rendah, menengah, teknikal dan vokasional)
- Kelas Bimbingan Ugama dan Pelajaran Lanjutan di Institusi-institusi Khas.

TUJUAN PENDIDIKAN UGAMA

Tujuan am pendidikan ugama di Negara Brunei Darussalam ini adalah untuk:

- Menanam dan memupuk kefahaman tentang ugama Islam serta menanamkan roh keagamaan dan kebiasaan mengamalkan ajaran-ajaran Islam dalam diri setiap orang kanak-kanak dan juga masyarakat umum.
- Menyediakan tenaga-tenaga yang dapat mengIslamkan dan mengekalkan kelslaman semua perkara yang terdapat dalam kehidupan masyarakat dan negara.

SEKOLAH UGAMA

Tujuan penubuhan Sekolah Ugama:

- Mendidik pelajar agar memahami, mempercayai dan mengamalkan ajaran-ajaran Islam dengan keimanan kepada Allah Yang Maha Esa.
- Menanam semangat dan kesedaran berugama dalam jiwa pelajar.
- Memimpin pelajar supaya cenderung dan berminat kepada ajaran-ajaran Islam dan menjadi individu yang bertanggungjawab di masa akan datang.
- Membentuk budi pekerti pelajar ke arah kesempurnaan akhlak berasaskan ajaran-ajaran Islam.
- Mengasuh dan melatih pelajar mengerjakan suruhan-suruhan dan menjauhi larangan-larangan Allah Subhanahu wa Ta'ala.
- Melatih pelajar menjadi anggota masyarakat bertanggungjawab kepada ugama, bangsa dan negara berlandaskan ajaran-ajaran Islam.

Sistem Sekolah Ugama

- Pendidikan Ugama yang diajarkan di sekolah-sekolah Ugama di Negara ini bermula dari umur 7 tahun bagi memasuki kelas Pra hingga ke peringkat Darjah VI.
- Murid-murid yang berada di Darjah II di sekolah ugama dan Tahun 4 di sekolah Umum akan berpeluang untuk mengikuti peperiksaan calon memasuki ke Sekolah Arab.
- Murid-murid Darjah VI sekolah-sekolah Ugama akan menduduki peperiksaan bersijil yang dikenali sebagai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).
- Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) adalah menjadi salah satu keutamaan bagi penganugerahan dermasiswa kerajaan dan syarat bagi mendapatkan pekerjaan di sektor kerajaan.
- Lepasan Darjah VI ugama ini akan meneruskan pendidikan ugama mereka di sekolah-sekolah Kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan melalui mata pelajaran pengetahuan Ugama Islam.

SEKOLAH ARAB

Latar belakang

- Penubuhan sebuah sekolah Arab telah wujud pada tahun 1941, di Kampong Pusar Ulak, Bandar Brunei atas inisiatif Sultan Ahmad Tajuddin, walau bagaimanapun kewujudan sekolah ini tidak dapat bertahan lama kerana kedatangan tentera Jepun ke Brunei semasa Perang Dunia Kedua.
- Untuk meneruskan cita-cita bagi memberikan ilmu pengetahuan ugama, persekolahan Arab ditubuhkan semula tahun 1966, dengan pengambilan kemasukan pelajar seramai 46 orang pelajar, bangunan Madrasah adalah penempatan pertama sebelum bangunan sekolah Arab pertama dibina iaitu Sekolah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah Km 2 Jalan Tutong digunakan.
- Sistem Persekolahan Arab adalah antara sistem pengajian yang dikendalikan oleh Jabatan Pelajaran Ugama yang sekarang dikenali dengan Jabatan Pengajian Islam

Kelas 1B Persedian SUAMPRIPAD tahun 1971 bersama guru kelas Cikgu Awangku Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman (Sekarang dikenali sebagai Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama).

NOSTALGIA PENUNTUT-PENUNTUT SEKOLAH ARAB

Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) bergambar ramai dengan Pemangku Pengetua Sekolah tersebut Awang Yahya bin Haji Ibrahim M.A.(Al-Azhar), (Sekarang dikenali sebagai Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim) dan guru-guru yang mengajar mereka. Gambar diambil di hadapan bangunan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Batu 1 1/2 Jalan Tutong, Bandar Brunei.



Penuntut-penuntut perempuan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD) bergambar ramai dengan Pemangku Pengetua Sekolah Awang Yahya bin Haji Ibrahim M.A.(Al-Azhar), (Sekarang dikenali sebagai Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim) dan tiga orang guru perempuan dan guru-guru lain yang dipinjamkan untuk mengajar mereka. Gambar diambil di hadapan bangunan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Batu 1 1/2 Jalan Tutong, Bandar Brunei.

Tujuan Penubuhan Sekolah Arab

- Untuk melahirkan penuntut-penuntut yang mempunyai pendidikan dan pengetahuan Islam yang sempurna, di samping pengetahuan umum yang lengkap sesuai dengan kemajuan zaman.
- Untuk melayakkan lepasan-lepasan sekolah menengah ini melanjutkan pelajaran dimana-mana pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri.
- Untuk melayakkan mereka menjadi rakyat yang sempurna bagi mencari kehidupan yang lebih baik.
- Untuk menjadi mukmin yang berilmu lagi taat kepada perintah Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Sistem Persekolahan Arab

- Sistem kemasukan: pelajar yang meneruskan pembelajaran di Sekolah Arab adalah melalui peperiksaan dinamakan Peperiksaan Calon Sekolah Arab. Pelajar yang menduduki peperiksaan ini adalah pelajar dalam darjah 4 / tahun 4 Persekolahan Rendah (kementerian Pendidikan) dan dalam darjah 2 Sekolah Ugama.
- Peringkat pembelajaran dan peperiksaan: Pelajar yang terpilih meneruskan pembelajaran disekolah Arab, akan menghadapi empat peringkat pembelajaran iaitu;

  a) Peringkat Rendah, 2 tahun pembelajaran:
  Persediaan 1 dan persediaan 2.
  Dalam SPN21 di namakan Tahun 5 dan tahun 6.

  b) Peringkat Menengah Bawah, 3 tahun pembelajaran:
  Tingkatan 1, tingkatan 2, dan tingkatan 3. Dalam SPN21 2 tahun pembelajaran dinamakan Tahun 7 dan Tahun 8.

  c) Peringkat Menengah Atas, 2 tahun pembelajaran:
  Tingkatan 4 dan tingkatan 5. Dalam SPN21 2 atau 3 tahun pembelajaran, Tahun 9 dan Tahun 10 atau Tahun 9, Tahun 10 dan Tahun 11.

  d) Peringkatan Pra Universiti: 2 tahun pengajian
  Tingkatan 6 bawah dan Tingkatan 6 atas dan dalam SPN21 Tahun 11 dan Tahun 12.

- Kurikulum Persekolahan Arab:

  Penuntut-penuntut Sekolah Arab mengikuti dua kurikulum iaitu kurikulum ugama dan Arab yang disediakan oleh Jabatan Pengajian Islam dengan bahasa penghantar Bahasa Arab dan kurikulum kebangsaan diselaraskan dan disediakan oleh Kementerian Pendidikan dengan bahasa pengantar bahasa Inggeris, akan tetapi diawal penubuhan Sekolah Arab, kurikulum telah mengalami berbagai perubahan di mana pada awalnya kurikulum ugama, pelajaran umum mengunakan bahasa penghantar Bahasa Melayu, sementara mata pelajaran Arab berbahasa penghantar Bahasa Arab dan mata pelajaran bahasa Inggeris berbahasa penghantar Bahasa Inggeris.

- Peperiksaan diduduki penuntut Sekolah Arab:
  Penuntut Sekolah Arab seperti lazimnya akan menghadapi ujian penilaian bagi memastikan tahap kebolehan dan kefahaman mereka tentang apa yang telah diajarkan dan juga dipelajari. Penilaian tersebut iaitu peperiksaan dalaman yang dikendalikan oleh pihak sekolah sendiri dan peperiksaan umum yang dikelolakan oleh lembaga peperiksaan di Kementerian Pendidikan atau Kementerian Hal Ehwal Ugama atau badan-badan lainnya. Antara peperiksaan umum yang dikendalikan adalah:

1. Peringkat Persediaan 2 atau Tahun 6 dalam SPN 21:

   Primary Certificate of Education (PCE) bermula tahun 1984 dan sekarang telah diganti dengan Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

2. Peringkat Menengah Bawah Tingkatan 3:

   Sijil Rendah Pelajaran Malaysia (SRP) tahun 1968, kemudian diganti dengan Sijil Rendah Pelajaran Brunei (SRPB) atau B*runei Junior Certificate of Education* (BJCE) dilaksanakan sehingga tahun 1996. Kemudian peperiksaan tersebut diganti dengan Peperiksaan Penilaian Menengah Bawah (PMB) sehingga tahun 2009. Setelah perubahan sistem pendidikan abad ke 21 (SPN21) peperiksaan dinamakan Penilaian Kemajuan Penuntut (PKP) yang diduduki oleh penuntut tahun 8.

3. Peringkat Menengah Atas Tingkatan 5 atau tahun 10 / 11 bagi SPN 21:

   Peperiksaan yang diduduki oleh penuntut tingkatan 5 adalah berdasarkan jurusan mereka. Peperiksaan Sijil Pelajaran Singapore (SPS) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi penuntut aliran umum mulai tahun 1970, manakala penuntut aliran ugama atau Arab akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama (SPU) yang dikelolakan oleh Negeri Kelantan sekarang diganti dengan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) yang dikelolakan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei bermula tahun 1974.

   Dalam sistem pendidikan abad ke-21 mulai tahun 2009, semua penuntut tahun 10 atau 11 sekolah Arab diberi ruang menduduki kedua-dua peperiksan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan GCE O level dengan biaya Kerajaan.

4. Peringkat Pra Universiti, menengah 6 atas atau tahun 12 SPN21:

   Penuntut Menengah 6 Atas akan menduduki peperiksaan bergantung pada jurusan yang diambil sama ada aliran Umum / Sains dan menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan (Singapore Cambridge GCE A Level) manakala penuntut aliran Ugama / Arab (Usuluddin atau Syariah) menduduki Sijil Tinggi Pelajaran kelolaan Negeri Kelantan mulai 1982 dan sekarang telah diganti dengan Sijil Tinggi Pelajaran Brunei Kelolaan Lembaga Peperiksaan Brunei.

Walau bagaimanapun pada masa ini peringkat Tingkatan 6 bawah atau tahun 11 SPN 21, mereka sudah pun menduduki peperiksaan Pra Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (Pra STPUB) dikelolakan oleh Lembaga Peperiksaan Negara Brunei Darussalam.

- Penghantaran Penuntut Lepasan Sekolah Arab:
  Penuntut-penuntut Sekolah Arab adalah merupakan keluaran aset Kementerian Hal Ehwal Ugama yang sangat bernilai, di mana pada awal penghantaran penuntut lepasan Sekolah Arab bagi melanjutkan pelajaran hanyalah ke Kolej Islam Malaysia, ke Madrasah Al-Juned Singapore dan ke Univeriti Al-Azhar Mesir bagi mendalami Ilmu Pengetahuan dalam bidang Ugama sahaja, akan tetapi sejak akhir-akhir ini, lepasan penuntut Sekolah Arab telah menjadi rebutan bagi beberapa agensi kerajaan dan swasta yang berminat dalam memberi peluang kepada penuntut dengan penawaran biasiswa mengikut keperluan jabatan dan bahagian masing-masing. Penghantaran tersebut bukan sahaja ke negara Timur Tengah seperti lazimnya akan tetapi telah meneroka ke Negara Eropah bagi mengikuti

pelbagai bidang Ilmu pengetahuan Umum. Ini juga salah satu bukti kejayaan perkhidmatan Kementerian Hal Ehwal Ugama sepanjang 50 tahun perkhidmatanya.

NOSTALGIA PENGHANTARAN PENUNTUT SEKOLAH-SEKOLAH ARAB KE LUAR NEGERI

PENGHANTARAN PENUNTUT KE MADRASAH AL-JUNEID, SINGAPURA PADA TAHUN 1981

Dari Kiri: Dayang Sarimah binti Haji Ahmad, Dayang Fatimah binti Haji Ahmad, Dayang Kulam @ Mariam binti Haji Emran, Dayang Hajijah binti Haji Moktal, Dayang Zakiah binti Haji Taib, Awang Rosli bin Haji Jumat, Awang Nordin bin Haji Ahmad, Awang Johar bin Haji Mohammad, Awang Isa bin Haji Abd. Ghani, Ustaz Haji Abdul Hamid bin Mohd Daud.

PENGHANTARAN PENUNTUT KE UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR TAHUN 1985

Dari Kiri Belakang: Dr. Haji Sharbini bin Haji Tahir, Awang Saruddin bin Haji Timbang, Awang Jamil bin Haji Hitam, Awang Daud bin Haji Johari, Awang Abdul Kahar bin Haji Hussin, Awang Saidi bin Hitam.
Kiri Hadapan: Dayang Salbiah binti Haji Jumat, Dayang Rogayah binti Begawan Pehin Khatib Haji Wahid, Dayang Anita binti Abu Bakar, Dayang Barizah binti Haji Ibrahim, Dayang Azizah binti Sudin, Dayang Normah binti Md Daud.

MATA PELAJARAN PENGETAHUAN UGAMA ISLAM (IRK) DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH, RENDAH, TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

Tujuan Mata Pelajaran Pengetahuan Ugama Islam

- Memperkenalkan pengertian dan pengetahuan Islam yang sebenarnya bagi memberikan keinsafan bahawa ugama Islam adalah satu cara hidup yang lengkap lagi sempurna dan menjadi sumber kekuatan dalam perkembangan kemasyarakatan dan sesuai untuk memenuhi syarat-syarat kehidupan seluruhnya.
- Memupuk dan menggalakkan pendidikan pelajaran asas ugama Islam yang wajib kepada pelajar-pelajar supaya dapat dijadikan amalan sehari-hari sebagai seorang Islam.
- Memupuk perasaan persaudaraan yang sihat kepada umat manusia yang berbilang bangsa dan ugama.

Mata Pelajaran Pengetahuan Ugama Islam (IRK)

Mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam adalah mata pelajaran teras di peringkat rendah dan menengah di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

KELAS BIMBINGAN UGAMA DAN PELAJARAN LANJUTAN DI INSTITUSI-INSTITUSI KHAS

Latar belakang

- Sistem ini, pada mulanya berasal dari sistem kelas Dewasa Ugama, yang mula ditubuhkan dalam tahun 1958, Walau bagaimanapun aktiviti tersebut terhenti kerana peristiwa 8 Disember 1962.
- Pada tahun 1963, ia dibuka semula dengan tujuan dan matlamat yang tertentu berdasarkan peristiwa yang telah berlaku di Negeri Brunei Darussalam.

Tujuan penubuhan Kelas Dewasa

Ditubuhkan kelas dewasa ini adalah antara lain bertujuan supaya;

- Pelajar Kelas Dewasa tahu membaca Al-Quran dengan baik secara bertajwid dan tartil serta berlagu.
- Pelajarnya mengetahui dengan sempurna secara teori dan praktikal amal ibadat Fardhu Ain, Fardhu Kifayah dan perkara-perkara sunat.
- Taat setia kepada perintah-perintah Allah, Rasul dan Sultan.
- Menanamkan perasaan dan semangat serta penyertaan yang aktif dan menyemarakkan masjid dan syiar Islam.
- Dapat membentuk peribadi dan masyarakat menurut ajaran Islam.
- Dapat dijadikan saluran pada memahami ajaran-ajaran Islam sebagai cara hidup yang lengkap.

Sistem pembelajaran Kelas Dewasa:
Pelajaran Dewasa Ugama boleh dikatakan sebagai salah satu saluran yang sangat bermakna dan mempunyai sejarah tersendiri dalam perkembangan pelajaran ugama di Negara ini.

- Sasaran: Di awal penubuhanya, kelas ini adalah dikhususkan kepada orang orang dewasa, namum pada akhirnya kelas ini dibukakan kepada sesiapa jua yang berkeinginan untuk mendalami ilmu ugama Islam.
- Kurikulum: Awal penubuhan, pelajaran ditumpukan kepada pelajaran Fiqh dan Tauhid sahaja, berpandukan buku kuning seperti Matlaa Al-Badrin dan Sabilal Muhtadin. Pada tahun 1968 pelajaran tafsir, hadith serta fiqh muamalat, munakahat, jinayat telah diajarkan di samping pelajaran Al-Quran secara khusus mengenai bacaan, hukum tajwid dan berzanji.
- Tempat perlaksanaan: Kelas Dewasa pada mulanya telah dilaksanakan di rumah-rumah persendirian, akan tetapi mulai tahun 1982 Kelas Dewasa telah dipusatkan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat dan balai-balai raya. Meskipun demikian kelas dewasa ini masih dikekalkan di rumah-rumah persendirian serta beberapa tempat yang difikirkan bersesuain seperti pejabat-pejabat kerajaan, hospital-hospital dan lain-lain.
- Peringkat Kelas Dewasa: Dalam peraturan bahawa Kelas Dewasa mempunyai tiga peringkat iaitu:
  a) Peringkat Rendah: selama 3 tahun
  b) Peringkat Menengah: selama 4 tahun
  c) Peringkat lanjutan: selama 3 tahun.
- Pengurusan Kelas Dewasa:
  a) Tenaga pengajar: Kelas Dewasa adalah sistem pembelajaran secara berguru. Guru-guru yang mengajar dibayar elaun mengajar sebanyak $3.00 satu jam.
  b) Pentadbir: Di awal pengurusan, Kelas Dewasa ditadbir secara langsung oleh Nazir Kelas Dewasa ugama daerah-daerah, mereka ini di gelar dengan Penyelia Kelas Dewasa dan diberi elaun sebanyak $100 sebulan. Pada awal tahun 80an pentadbiran Kelas Dewasa di peringkat pusat di bawah Penguasa Pelajaran Ugama. Setelah Bahagian Pelajaran Ugama di naik taraf maka pengurusan Kelas Dewasa diletakan di bawah pengurusan Bahagian Kegiatan Tambahan dan pelajaran lanjutan dalam Unit Kelas Dewasa Ugama.

AKTIVITI MEMBUDAYAKAN PEMBACAAN AL-QURAN

Menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah agar rakyat Brunei Darussalam celik Al-Quran berbagai aktiviti dijalankan terutama bagi mengalakkan pelajar-pelajar berjinak-jinak dengan pembacaan Al-Quran.

Pembelajaran Al-Quran

Majlis Khatam Al-Quran

Peraduan Al-Quran

Penyampaian hadiah galakan Khatam Al-Quran di bawah umur sepuluh tahun

AKTIVITI MEMBUDAYAKAN AMALAN-AMALAN FARDHU ‘AIN DAN FARDHU KIFAYAH

Pembelajaran pelaksanaan sembahyang

Praktikal sembahyang

Bacaan wirid selepas sembahyang

Tunjuk cara penyempurnaan jenazah

AKTIVITI-AKTIVITI KOKURIKULUM

Peraduan Dikir Syarafil Anam

Peraduan Rawi

Peraduan Tausyeh

Peraduan Tahlil

Penyertaan Hari Kebangsaan

Persembahan Hadrah

PENYAMPAIAN HADIAH GALAKAN PELAJAR CEMERLANG

PROGRAM 3K (KEINDAHAN KEBERSIHAN DAN KESIHATAN)

Majlis Penghargaan Program 3K Jabatan Pengajian Islam bertempat di Sekolah Ugama Tumpuan Telisai Tutong pada 27 Julai 2007M.

Kempen Kebersihan 10 Januari 2009M di Sekolah Ugama Penanjong Tutong.

BANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA

Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar Kg.Setia

Sekolah Ugama Jerudong

Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Kuala Belait

Sekolah Ugama Dato Pemancha Saging Ukong Tutong

BANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH ARAB

Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah

Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit

Ma'had Islam Brunei

Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan

Sekolah Arab Belait

Sekolah Persediaan Arab Temburong

LAWATAN-LAWATAN KERJA

Lawatan kerja Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pehin Lela Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohammad Taib, Menteri Pendidikan ke Ma'had Islam Brunei ketika di bawah kawalan Kementerian Pendidikan pada 13 Julai 2005M bersamaan 06 Jamadilakhir 1426H

Lawatan kerja Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama ke Ma'had Islam Brunei pada 14 Mac 2007M bersamaan 24 Safar 1428H

Lawatan Kerja Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 9 Disember 2009

Kolej Universiti

PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

"Oleh itu, bersukut dengan Tahun Baru Hijrah 1428 ini, Beta dengan amat sukacita mengumumkan bahawa Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan akan ditingkatkan tarafnya menjadi Kolej Universiti Perguruan. Ia akan dikenali dengan nama 'Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.' Kolej Universiti ini nanti, dihasratkan, bagi mengeluarkan Diploma dan Ijazah."

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baru Hijrah 1428.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah mengurniakan titah perasmian Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 5 Julai 1975M.

Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Jalan Tutong, dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 5 Julai 1975M bersamaan 25 Jamadilakhir 1395H.

PETIKAN TITAH

"Kemakmoran Negeri Brunei di-segi ekonomi adalah penting dan kemakmoran itu akan lebih bererti dan lebih bermunafaat sekira-nya disertai dengan kemakmoran rohani, yang mana raayat dan pendudok negeri ini terasoh dan terdidek dengan kemakmoran boleh di-chapai menerusi pendidekan, pelajaran dan pengajian berasaskan ajaran-ajaran Allah termasoklah mengamalkan nilai-nilai hidup yang saleh berkebajikan, dokongan dan di-hormati oleh masharakat, kerana itu peranan yang boleh di-mainkan oleh guru-guru ugama sepatut-nya itu termasok menyibarkan kemakmoran rohani menerusi pendidekan, pelajaran dan pengajian kerana Allah dan bermunafaat dengan sedalam-dalamnya keIslaman yang suchi murni sa-hingga kemakmoran ini nanti akan dapat menjadi pendorong bagi semangat pembangunan dan semangat untok memelihara serta mempertahankan Negeri Brunei Darussalam kerana Allah jua".

Titah di Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Sabtu, 5 Julai 1975M bersamaan 25 Jamadilakhir 1395H.

Pengetua

MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN (MPUSB)

Yang Mulia Allahyarham
Dato Paduka Awang
Haji Othman bin Bidin
1972-1976

Yang Mulia Allahyarham
Dato Paduka Malai Haji
Ahmad Murad bin Syed
Haji Mashor
1976-1978

Yang Mulia Allahyarham
Dato Seri Setia Dr. Awang
Haji Mohd Amin bin Pehin
Datu Pekerma Dewa Dato
Paduka Awang Haji
Abdul Rahim
1978-1980

Tuan Yang Terutama
Dato Paduka Awang Haji
Abdul Mokti bin Awang
Haji Md Daud
1980-1982

Yang Mulia
Awang Haji Yahya
bin Ahmad
1982-1983

Yang Mulia
Dato Seri Setia
Haji Mohd. Jali bin
Haji Abdul Latif
1983-1984

Yang Mulia
Awang Haji Tengah
bin Abdul Latif
1984-1986

Yang Mulia
Datin Hajah Norzainah
binti Mohd Tahir
1986-1987

Tuan Yang Terutama
Dato Paduka Awang Haji
Ishaaq bin Haji Abdullah
1987-1988

Yang Mulia
Dayang Hajah Noor
bintiHaji Mohadi
1988-1989

Yang Mulia
Datin Hajah Maznah
binti Haji Muhammad
1989-1995

Yang Mulia
Dayang Hajah Kasmah
binti Haji Siput
1995-1998

Yang Mulia
Awang Haji Abdul Rahim
bin Haji Gantang
1998-2007

Sejarah

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) adalah kelangsungan kepada Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB).

MPUSB adalah indung kepada institusi perguruan ugama di negara ini. Memulakan sesi pengajian yang pertama pada 21 Zulkaedah 1391H bersamaan 8 Januari 1972M dengan pengambilan pertama sebanyak 30 orang pelajar.

Peranan MPUSB ialah melatih dan mengadakan guru-guru Ugama yang layak lagi sesuai bagi mengajar matapelajaran-matapelajaran ugama, khasnya di sekolah-sekolah dan amnya di lain-lain yayasan di negara ini yang memerlukan ajaran Ugama Islam, dengan tujuan membentuk satu rupa bangsa yang mempunyai Ugama Islam sebagai asas masyarakat mengikut aliran masa dan mendokong Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Pengajian Awal MPUSB menawarkan 2 kategori kursus iaitu kursus A dan B dengan tempoh pengajian 3 tahun akademik.

Pelajar yang diterima memasuki pengajian adalah terdiri daripada pemegang Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) atau Pemegang Sijil peringkat GCE O Level atau yang sebanding dengannya dan lulus darjah VI dalam Sekolah Ugama.

MPSUB terus mempertingkatkan dan mengembangmajukan kurikulum kursus kepada pelbagai bidang kursus seperti Pendidikan Seni Pembacaan Al-Quran, Kursus Latihan Keguruan Khas kepada saudara-saudara baru.

Gambar kenangan pelajar-pelajar Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan tahun 1399H / 1978M.

Bermula tahun 1985 MPUSB mempertingkatkan tahap kelayakan dan syarat-syarat kemasukan bagi mengikuti pengajian dengan lulus Sijil Peperiksaan Ugama Brunei (SPUB) 4 Jayyid termasuk 3 daripadanya 2 mata pelajaran agama dan Bahasa Arab atau lulus 4 'O' Level dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapura atau sebanding dengannya. Selaras dengan perubahan ini MPUSB menawarkan kursus kategori 'A' sahaja dan meniadakan kursus kategori 'B'.

Memulakan sesi pengajian dengan menggunakan sistem semester pada tahun 2002 melalui pembahagian 2 semester, semester I (Ogos - Disember) semester II (Januari - Julai).

MPUSB juga menawarkan Kursus Pra Maktab untuk pelajar-pelajar Muallaf dengan pengambilan pertamanya seramai 20 orang, pada tahun 1992. Tujuannya bagi menyediakan guru-guru Ugama bagi sekolah-sekolah pedalaman dan bagi membantu kerja-kerja penda'wahan dan penyebaran Ugama Islam di pedalaman.

Sepanjang lebih 4 dekad 1972 - 2007 (45 tahun) penubuhan MPUSB telah berjaya melahirkan 3,540 orang graduan yang pada masa sekarang menjawat Jawatan Guru Ugama Terlatih. Guru-guru Ugama terlatih ini telah melaksanakan aktiviti Pendidikan dan Pengajaran Ugama di seluruh sekolah-sekolah Kerajaan dan Swasta di Negara Brunei Darussalam dengan keramaian tenaga akademik sebanyak 52 orang.

Sehingga tahun 2009 graduan MPUSB telah memberi perkhidmatan cemerlang dalam Perkhidmatan Awam seperti bidang Kemasjidan, Penda'wahan, Penguatkuasaan agama serta bidang sosial kemasyarakatan.

Gambar-gambar menaikan taraf MPUSB ke KUPU SB.

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN PUSAT PENGAJIAN TINGGI PERGURUAN UGAMA

Setelah 45 tahun MPUSB, pada 20 Januari 2007, sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1428 hijrah MPUSB telah ditingkatkan tarafnya menjadi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

"Oleh itu, bersukut dengan Tahun Baru Hijrah 1428 ini Beta dengan amat sukacita mengumumkan bahawa Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan akan ditingkatkan tarafnya menjadi Kolej Universiti Perguruan. Ia akan dikenali dengan nama 'Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan'. Kolej ini nanti dihasratkan bagi mengeluarkan Diploma dan Ijazah"

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baru Hijrah 1428.

Kolej ini diharapkan menjadi Kolej Universiti kebanggaan negara yang dapat memenuhi keperluan Negara Brunei sendiri dan bersedia membuka pintunya kepada penuntut luar.

Bangunan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan sekarang

Ra'es KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Yang Mulia
Ustazah Dr Hajah Masnon binti Haji Ibrahim

Matlamat

Melahirkan sumber tenaga manusia sebagai hamba dan khalifah Allah yang berwibawa dalam pendidikan perguruan Islam untuk membentuk masyarakat dan bangsa yang berilmu, beramal dan bertaqwa menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah bermazhab Syafie serta mendukung kedudukan Ugama Islam sebagai Ugama rasmi negara serta mendukung konsep negara Melayu Islam Beraja.

Objektif

Mengadakan program latihan dalam perguruan Islam diperingkat Sijil, Diploma, Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan. Di samping dapat melaksanakan kajian dan penyelidikan ilmiah serta menjalin kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara melalui penyelidikan, perkhidmatan pengurusan dan tenaga akademik serta pelajar.

Fungsi dan Peranan

- Melahirkan Graduan Perguruan Ugama yang beriman dan bewibawa
- Menyediakan program latihan dalam bidang perguruan Islam di peringkat pengajian Ijazah, Diploma, Sijil dan Ijazah lanjutan
- Menyediakan Kursus pemantapan dan peningkatan kompentensi dan kemahiran pengajaran
- Melaksanakan kajian dan penyelidikan ilmiah dan menyebarkan hasil pengalaman, penemuan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran
- Menjalin kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan luar negara berkaitan hal ehwal perguruan, penyelidikan, perkhidmatan dan pengurusan tenaga akademik dan pelajar.

Pengambilan pertama KUPU SB sesi 2008/2009

Program-Program yang ditawarkan:

- Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Usuluddin dan Syariah
- Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Usuluddin dan Syariah
- Diploma Perguruan Ugama Usuluddin dan Syariah
- Diploma Perguruan Lepasan Ijazah

Kursus-kursus singkat dan Profesional

Antaranya:

- Kursus Lanjutan Seni Membaca al-Quran
- Kursus Bahasa iaitu;

  Bahasa Inggeris bagi tujuan khas dan da'wah kepada daie-daie Pusat Da'wah Islamiah dan Juru Nikah, Jabatan Hal Ehwal Masjid

  Bahasa Melayu bagi orang bukan melayu
- Kursus Pengurusan dan pentadbiran sekolah bagi Pengetua dan Guru Besar
- Kursus perisian ICT bagi Staf Akademik KUPU SB.

Pencapaian Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Mengembangkan fungsi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan kepada 3 Jabatan Utama: Fakulti Usuluddin. Fakulti Syariah, dan Fakulti Pendidikan yang mempunyai 2 Pusat pengajian iaitu Pusat Ilmu Teras dan Pusat Bahasa

Menjalin kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak (UPSI).

SEKITAR AKTIVITI KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Institut PENGAJIAN ISLAM

Yang Mulia
Dato Seri Setia
Haji Mohd. Jali bin
Haji Abdul Latif
1989-1994

Yang Berhormat
Pengiran Dato Seri Setia
Dr. Haji Mohammad bin
Pengiran Haji Abdul Rahman
1995-1999

Sejarah

Penubuhan Institut Pengajian Islam (IPI) merupakan kejayaan terbesar Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam pendidikan ugama selepas Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Penubuhannya pada 2 Julai 1989 dengan pengambilan pertama seramai tiga puluh satu orang pelajar telah membolehkan Kementerian Hal Ehwal Ugama meningkatkan tahap pengajian Islam dari peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Ugama (STPU) ke peringkat Diploma Pengajian Islam. IPI telah melahirkan graduan pertamanya pemegang-pemegang Diploma Pengajian Islam dalam bidang Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab dan Pendidikan Islam pada tahun 1992.

Penempatan awal pengajian IPI menggunakan sebahagian dari bangunan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan kemudiannya berpindah ke Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) di Kilometer 2, Jalan Tutong sehingga tahun 1999.

Objektif Penubuhan

Mengeluarkan pelajar-pelajar yang berkemampuan dalam bidang pendidikan dan pengajian Islam.

- Meninggikan taraf pelajaran ugama di Negara ini dan seterusnya membantu pencapaian cita-cita ke arah pembentukan masyarakat dan bangsa yang mengamalkan dan menghayati ajaran ugama Islam di atas landasan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan Mazhab Shafi'e dan sebagai cara hidup yang lengkap serta mendukung konsep negara Melayu Islam Beraja.

- Mengeluarkan pelajar-pelajar yang berkemampuan serta berjiwa Islam bagi memenuhi keperluan negara dalam bidang ilmiah, pendidikan dan da'wah dan lain-lain yang bersesuaian dengan kehendak pembangunan masyarakat dan negara yang beriman, berilmu, beramal, bertaqwa dan berakhlak tinggi.

- Menggalakkan serta menyediakan kemudahan dalam penyelidikan mengenai dengan usaha-usaha pada mendukung dan menghormati kerasmian ugama Islam menurut Perlembagaan dan lain-lain kajian hal ehwal Islam yang bertujuan untuk meluaskan bidang-bidang penyelidikan bagi menambah fakta-fakta ilmu pengetahuan.

Perkembangan Organisasi

Pada 1 Muharram 1420H bersamaan 17 April 1999, IPI telah diserap masuk ke Fakulti Pengajian Islam Universiti Brunei Darussalam (UBD). Pencantuman dua buah institusi ini dilihat sebagai asas kukuh yang membawa kepada Penubuhan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam, iaitu Institusi Pengajian Islam Tertinggi di Negara ini yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa penghantar.

Alhamdulillah, setelah hampir sedekad Institut ini berkembang maju dengan melahirkan ratusan graduan, akhirnya Institut ini telah dijadikan asas untuk menjadi Universiti kedua bagi Negara Brunei Darussalam dan dikenali dengan nama Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada awal tahun 2007.

Matlamat

Mengeluarkan pelajar-pelajar yang berkemampuan dalam bidang pendidikan dan pengajian Islam.

Fungsi dan Peranan

- Menjadi saluran utama kepada pelajar aliran Arab/Ugama untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
- Meninggikan dan mendalamkan ilmu pengetahuan umat Islam di bidang keagamaan.

GAMBAR MAJLIS HAFLUT TAKHARRUJ BAGI PENUNTUT-PENUNTUT PENGAMBILAN KALI PERTAMA TAHUN 1989

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin selaku Tetamu Kehormat pada majlis tersebut.

GAMBAR MAJLIS HAFLUT TAKHARRUJ KALI KE LIMA BAGI TAHUN 1995

Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam.

Pencapaian

- Penilaian terhadap kemajuan Institut Pengajian Islam dapat menandingi Universiti al-Azhar dinyatakan pada hasil penilaian pemeriksa luar yang dijalankan oleh Prof. Dr. Ahmad Omar Hashim Rektor al-Azhar dan Prof Dr. Mohd Abdul Aziz Azzam, Pensyarah Kanan Universiti al-Azhar pada Jun 1997. Perkara ini telah dapat direalisasikan dengan penerimaan pelajar-pelajar Institut Pengajian Islam ke Universiti al-Azhar untuk terus memasuki Tahun Empat bagi peringkat Ijazah Pertama selama lebih kurang dua semester (iaitu satu tahun pengajian sahaja).
- Institut Pengajian Islam telah melahirkan seramai 177 orang graduan sepanjang satu dekad penubuhannya dari 1989 sehingga 1999.
- Universiti Islam Antarabangsa Islamabad Pakistan telah mengiktiraf Diploma Pengajian Islam yang dikeluarkan oleh Institut Pengajian Islam dan layak memasuki Tahun Akhir Jurusan Syariah dan Usuluddin di Universiti Islam Antarabangsa Islamabad Pakistan.
- Universiti Kebangsaan Malaysia telah menerima kemasukan lulusan Diploma Pengajian Islam dari Institut Pengajian Islam pada tahun 1994 dengan kemasukan ke tahun kedua pengajian.
- Penghantaran sebanyak 68 orang pelajar untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama di institut Pengajian Tinggi di luar negara. Di antaranya, seramai enam orang ke Universiti Islam Antarabangsa Islamabad Pakistan, dua belas orang ke Universiti Kebangsaan Malaysia dan lima puluh orang ke Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir.
- Menawarkan tiga bidang jurusan pengajian Islam bagi pelajar-pelajar iaitu bidang Syariah, bidang Usuluddin dan bidang Bahasa Arab.
- Melaksanakan kursus khas bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam seperti Kursus Takhasus At-Tafaqquh Fiddin, Kursus Menghafaz Al-Quran, Kursus Lanjutan Seni Membaca Al-Quran, Kursus Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam, Kursus Majlis Qurra dan Kursus Ulangkaji Pegawai Masjid.

Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman, Pakar Perundangan Islam merupakan salah seorang pensyarah Institut Pengajian Islam.

Antara tenaga pensyarah Institut Pengajian Islam Tahun 1994

Pengarah Institut Pengajian Islam dalam salah satu majlis yang diadakan di Institut Pengajian Islam.

Ahli-ahli Majlis Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam mulai 15 Mei 1991

Lawatan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia

AKTIVITI WARGA INSTITUT PENGAJIAN ISLAM

Institut Tahfiz Al-Quran
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

" Beta sukacita mengumumkan bahawa beta pada dasarnya telah memperkenankan penubuhan sebuah Institut Tahfiz Al-Quran di negara ini, sebagai sumbangan peribadi beta sendiri. Ianya akan terletak di bawah Kementerian Pendidikan sebagai suatu komplementari bagi melahirkan tenaga pengajar yang hafaz Al-Quran "

Petikan Titah



INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) merupakan sebuah institusi pengajian di peringkat Menengah dan Diploma yang mengabungjalinkan Hafazan Al-Quran dan Ilmu-ilmu Al-Quran sebagai dasar di samping mata pelajaran yang lain.

Kurikulum yang diajarkan di ITQSHHB merangkumi matapelajaran Hafazan Al-Quran, Ilmu-ilmu Al-Quran, Ilmu Qiraat, Pengajian Akademik, Pengajian Islam dan Pengajian Bahasa Arab.

Pengetua

INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Yang Mulia Haji Abd Rajid bin Haji Md Salleh

SEJARAH RINGKAS ITQSHHB

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah di majlis sambutan ulang tahun hari keputeraan baginda yang ke-46 pada 15 Julai 1992M di mana antara titah baginda itu ialah:

"Beta sukacita mengumumkan bahawa beta pada dasarnya telah memperkenankan penubuhan sebuah Institut Tahfiz Al-Quran di negara ini, sebagai sumbangan peribadi beta sendiri. Ianya akan terletak di bawah Kementerian Pendidikan sebagai suatu komplementari bagi melahirkan tenaga pengajar yang hafaz Al-Quran"

- ITQSHHB ditubuhkan pada 8 Rejab 1413H bersamaan dengan 1 Januari 1993M dan diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan.
- Pada 28 Syawal 1423H bersamaan dengan 2 Januari 2003M, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan supaya ITQSHHB ditadbir oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- Pada 30 Zulkaedah 1426H bersamaan dengan 1 Januari 2006M sehingga sekarang, ITQSHHB dikendalikan dan diuruskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan mencantumkan ke dalamnya semua program dan skim Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran KHEU, supaya berperanan lebih tepat dengan keperluan professional dari segi pengajian Al-Quran di samping melahirkan rakyat yang hafaz Al-Quran.

MISI ITQSHHB

- Menjadi sebuah Institusi Tahfiz dan Perkembangan Al-Quran yang terunggul di peringkat serantau dan antarabangsa.

OBJEKTIF ITQSHHB

- Untuk menunaikan dan melaksanakan salah satu tuntutan Fardhu Kifayah.
- Untuk menambah/melahirkan para hafiz Al-Quran.
- Untuk memelihara/menjaga kesucian dan keaslian Al-Quran daripada sebarang perubahan, pindaan dan pengurangan.
- Untuk menjadikan hafiz Al-Quran sebagai satu kelebihan bagi pelajar-pelajar ke peringkat tinggi sama ada dalam bidang Pengajian Islam mahupun di bidang Sains dan Teknologi.
- Untuk mendapatkan kemanfaatan dan syafaat daripada kitab suci Al-Quran.

SISTEM PENGAJIAN ITQSHHB

Sistem pengajian di ITQSHHB terbahagi kepada 4 kategori :

1. Kategori A (Pengajian Al-Quran dan Aliran Sains)
2. Kategori B (Pengajian Al-Quran dan Aliran Arab)
3. Kategori C (Pengajian Al-Quran bagi orang awam)
4. Kategori D (Pengajian Al-Quran Braille)

Sessi kemasukan pelajar-pelajar baru Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

KATEGORI A

- Pengajian di peringkat menengah iaitu hafazan Al-Quran sebanyak 15 juzuk Al-Quran beserta mata pelajaran aliran Sains seperti Matematik, *Biology, Physics, Chemistry, Accounting,* Bahasa Inggeris dan sebagainya.
- Di penghujung pengajian, pelajar akan menduduki peperiksaan GCE O LEVEL.

KATEGORI B

- Pengajian di peringkat menengah iaitu hafazan Al-Quran sebanyak 30 juzuk Al-Quran beserta mata pelajaran aliran Arab seperti Bahasa Arab, Feqh, Tauhid, Tafsir dan sebagainya.
- Di penghujung pengajian, pelajar akan menduduki peperiksaan Sijil Peperiksaan Ugama Brunei (SPUB) dan GCE O LEVEL.

Syarat kemasukan bagi Pengajian Kategori A dan B:

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Bagi yang bukan rakyat, boleh juga memohon dengan menghadapkan surat permohonan khas kepada Lembaga ITQSHHB melalui Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
3. Lulus peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) atau yang sebanding dengannya.
4. Berkemampuan membaca Al-Quran dengan baik dan lancar semasa temuduga.
5. Mampu menghafaz ayat-ayat Al-Quran tidak kurang 7 baris dalam tempoh masa 30 minit semasa temuduga.
6. Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik dan lancar semasa temuduga.

7. Mempunyai pengesahan rekod kelakuan baik daripada sekolah.
8. Umur tidak melebihi 13 tahun pada awal tahun memulakan pengajian.
9. Mempunyai akuan kesihatan dari pusat perubatan yang diiktiraf.
10. Berkesanggupan tinggal di asrama sepanjang tempoh pengajian dan mematuhi peraturan-peraturan.
11. Calon-calon yang mempunyai suara yang berbakat atau telah menghafaz beberapa surah tertentu adalah satu kelebihan.
12. Kejayaan pemohon tertakluk kepada lulus dalam temuduga.

KATEGORI C

- Pengajian Hafazan Al-Quran yang diadakan pada setiap hari Jumaat khusus bagi orang awam.
- Kategori ini adalah bertujuan bagi memupuk minat menghafaz Al-Quran serta surah-surah pilihan di kalangan masyarakat Brunei.

Syarat kemasukan kategori C:

1. Berumur sekurang-kurangnya 10 tahun.
2. Lulus temuduga kemasukan.

KATEGORI D

- Pengajian Hafazan Al-Quran secara sepenuh masa yang dikhususkan bagi golongan istimewa yang hilang upaya penglihatan.
- Selain mengikuti pengajian hafazan Al-Quran, pelajar juga akan diajarkan mata pelajaran lain seperti Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Pengajian Islam.
- Kategori ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Syarat kemasukan kategori D:

1. Terbuka kepada golongan istimewa hilang upaya penglihatan.
2. Lulus temuduga kemasukan.

PROGRAM DIPLOMA 'ALIYAH QIRAAT KELOLAAN INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

- ITQSHHB menawarkan pengajian di peringkat Diploma Kebangsaan iaitu Program Diploma 'Aliyah Qiraat kepada calon-calon lepasan peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Brunei Cambridge GCE 'O' Level atau yang sebanding dengannya.
- Program Diploma ini akan melatih para siswa bagi mendalami Ilmu Qiraat dan juga memahami Ilmu-ilmu Al-Quran yang lain.
- Para siswa juga akan dilatih untuk menghafaz 30 juzuk Al-Quran di samping ilmu-ilmu lain seperti Pengajian Islam, Bahasa Arab dan sebagainya.
- Program Diploma tersebut telah pun mendapat pengiktirafan daripada pihak Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

OBJEKTIF PROGRAM DIPLOMA 'ALIYAH QIRAAT ITQSHHB

- Menjunjung Kitab Suci Al-Quran ke taraf tertinggi menurut selayaknya.
- Meninggikan lagi taraf pengajian Tahfiz Al-Quran dan ilmu-ilmu Al-Quran di institusi sesuai dengan taraf institut ini sendiri.
- Melahirkan lebih ramai lagi modal insan yang berkemahiran tinggi dalam bidang yang berkaitan dengan Al-Quran.
- Menyediakan *platform* bagi mereka yang berminat untuk mendalami bidang Al-Quran tanpa perlu ke luar Negara.

SESSI PEMBELAJARAN

PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH TAHUN 2006

Pejabat-Pejabat

DI BAWAH SETIAUSAHA TETAP

Terdapat tujuh Bahagian di bawah Pejabat Setiausaha Tetap yang diwujudkan sejak tahun 2004:

1) Bahagian Kemajuan Syiar Islam.
2) Bahagian Dasar dan Inspektorat.
3) Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan.
4) Bahagian Perhubungan Awam dan Antarabangsa.
5) Bahagian Sumber Manusia.
6) Bahagian Teknologi Maklumat.
7) Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah-Daerah.

Tujuan penubuhannya adalah untuk:

- Meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan
- Menjana perancangan dan pembangunan yang cekap dan efektif
- Memperkasa dan menyerlahkan fungsi dan peranan bahagian-bahagian berkenaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Penutup Peraduan Membaca Al-Quran Senegeri Brunei pada tahun 1969.

1. BAHAGIAN KEMAJUAN SYIAR ISLAM

SEJARAH

Bahagian ini diwujudkan dalam tahun 1990an yang sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Tugas-Tugas Khas dengan diketuai oleh seorang Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan. Sebelum namanya ditukar menjadi Bahagian Kemajuan Syiar Islam pada tahun 2007, bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Perhubungan dan Kemajuan Syiar Islam. Peranan utama bahagian ini adalah sebagai Urusetia Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam.

MATLAMAT

- Untuk mencapai kesempurnaan dalam pengurusan sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam
- Meningkatkan pengetahuan dan penghayatan yang sempurna terhadap Ugama Islam untuk menjadi sebagai cara hidup yang lengkap
- Menjadikan perayaan sambutan sebagai salah satu cabang media da'wah supaya syiar Islam akan menonjol, mengilhami jiwa dan pemikiran untuk terus mengkagumi kepimpinan Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* dan menambah lagi keimanan.

FUNGSI DAN PERANAN

- Menyelaras dan sebagai urusetia induk kepada Majlis-Majlis Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara seperti:
  1. Majlis sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*
  2. Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran dari peringkat masjid hingga peringkat kebangsaan
  3. Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah

4. Majlis Sambutan Isra' Mikraj'
5. Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran
6. Majlis Sambutan Hari Raya Korban

- Menyediakan Pelan Induk aturcara utama bagi setiap majlis-majlis perayaan sambutan;
- Merangka acara iringan bagi majlis sambutan hari-hari kebesaran Islam;
- Menilai keberkesanan acara utama dan mencadangkan penambahbaikan;
- Menyediakan perpustakaan untuk rujukan dan penyelidikan mengenai ilmu-ilmu Islam;
- Menyebarkan Syiar Islam melalui Hari-Hari Kebesaran Islam.

MAJLIS PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN

Pemenang bahagian lelaki (gambar atas) dan bahagian perempuan (gambar bawah) di peraduan Membaca Al-Quran Senegeri tahun 1966.

MAJLIS IBADAH KORBAN SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL ADHA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan melakukan penyembelihan korban dan seterusnya mengagihkannya kepada yang berhak menerima di Majlis Korban Kebawah Duli 1421H/2001M.

MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD *SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM*

"Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik Hari Akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak dalam masa susah dan senang".

Surah Al-Ahzab, Ayat: 21

Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* merupakan satu sejarah yang wajar kita ingati, kenang dan juga sebagai ristaan kita memperingati pengorbanan dan perjuangan Baginda Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* dalam mengembangkan dan meninggikan syiar Islam. Oleh itu bagi melahirkan rasa kasih sayang dan cinta kepada Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*, sudah tentu sewajarnya tarikh keputeraan Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* itu kita sambut dengan hati yang gembira dan penuh kesyukuran serta kita hayatinya dengan bersungguh-sungguh agar rahsia dan hikmah yang terkandung dalam sambutan tersebut dapat memberi kesan kepada keperibadian masyarakat Islam itu sendiri.

Sesungguhnya Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* merupakan Uswah Hasanah iaitu ikutan atau contoh tauladan yang terbaik bagi seluruh manusia dalam semua aspek kehidupan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli untuk bersua muka dengan ketua-ketua pasukan perarakan.

Peserta perbarisan

Perbarisan bermula dengan didahului sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Suasana Taman Omar Ali Saifuddien sebelum bermulanya majlis Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam pada tahun 1995.

Persembahan Dikir Marhaban.

Penyertaan pasukan yang ikut perarakan.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun.

MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD *SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM*

Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* adalah salah satu acara besar yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Muhamed Alam.

Sejarah awalnya kaum wanita turut berhimpun bersama kaum lelaki di Taman Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, namun sejurus sahaja kaum lelaki memulakan perarakan dengan didahului oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kaum wanita mempersembahkan lagu-lagu da'wah seperti tausyeh, nasyid dan seumpamanya dimana ketika itu kaum wanita tidak turut berarak hanya meneruskan persembahan, menunggu sehingga keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun 2001, di antara pengisian acara utama di dalam majlis Perhimpunan Khas Wanita adalah penganugerahan Anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Muhamed Alam.

MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD *SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM*

Sebahagian dari kerabat Diraja yang turut sama hadir, isteri-isteri Yang Berhormat Menteri Kabinet, Pengiran-Pengiran Cheteria, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Majlis Ugama Islam dan isteri-isteri Yang Mulia Timbalan Menteri Kabinet.

Penganugerahan Anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita Tahun 2007M

MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN HIJRAH

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mengurniakan anugerah Jasawan Ugama kepada Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Awang Metali bin Mat Yassin sempena sambutan Awal Tahun Hijrah 1412 bersamaan tahun 1991 Masehi.

PENGISIAN ACARA DENGAN PENGURNIAAN SAGUHATI KEPADA ANAK-ANAK DAMIT YANG BARU LAHIR PADA AWAL MUHARRAM TAHUN HIJRAH

PENGISIAN ACARA DENGAN PENGURNIAAN ANUGERAH TOKOH-TOKOH HIJRAH

MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MIKRAJ'

2. BAHAGIAN DASAR DAN INSPEKTORAT

SEJARAH

Bahagian Dasar dan Inspektorat diwujudkan pada tahun 2005. Bahagian ini adalah cantuman dari Bahagian Pentadbiran Am, Jabatan Pentadbiran dan Unit Inspektorat.

Unit Inspektorat telah ditubuhkan pada 12 November 1996 berperanan sebagai pemantau bagi pelaksanaan titah, dasar, arahan dan keputusan, rancangan, projek dan aktiviti Jabatan/ Bahagian/Pejabat di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Unit Pentadbiran Am berperanan sebagai penghubung persuratan dalam dan luar kementerian, menjadi urusetia kepada Muzakarah Bulanan Kementerian dan Muzakarah Mingguan Pentadbiran Kementerian.

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan dalam superscale B.

MATLAMAT

Mewujudkan kecemerlangan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran melalui pemantauan terhadap projek-projek yang dijalankan oleh Jabatan-Jabatan/Bahagian-Bahagian di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

- Mengurus dan menyelaras pelaksanaan dasar dan perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- Membantu mekanisme Pentadbiran Hal Ehwal Ugama dalam membuat dan melaksana keputusan dasar dalam Muzakarah Bulanan Kementerian (MBK) dan Muzakarah Mingguan Pentadbiran Kementerian (MMPK).

- Memantau perjalanan projek, program dan aktiviti-aktiviti Jabatan-Jabatan dan mempastikan adanya tindakan *'follow up'* dan *'follow through'* mengenainya.
- Menjadi Urusetia Muzakarah Bulanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (MBK) dan Muzakarah Mingguan Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama (MMPK).
- Menjadi urusetia proses pengurniaan bintang dan pingat pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

PERKHIDMATAN

1. Mengendalikan MBK dan MMPK secara berjadual.

- MMPK membincang hal ehwal dasar pentadbiran, hal ehwal perkhidmatan (sokongan penyambungan / penamatan / lantikan dan percutian) diadakan empat (4) kali sebulan (seminggu sekali) purata 25-35 kali muzakarah diadakan dalam setahun dengan sekurang-kurangnya 3-10 kertas kerja / cadangan dibentangkan;
- MBK membincangkan hal ehwal dasar perancangan dan projek serta pembangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-jabatan dibawahnya, laporan-laporan serta isu-isu semasa. Bermesyuarat sekurang-kurangnya 12 kali setahun dengan dihadiri oleh semua Ketua-ketua Jabatan / Bahagian dan Pejabat serta dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama.

2. Membuat sokongan bagi penerima pingat-pingat dan bintang-bintang kebesaran

Menyokong sekurang-kurangnya purata 300 orang pegawai dan kakitangan untuk dikurniakan Bintang Kebesaran atau Pingat Kehormatan. Antara Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan yang telah dianugerahkan kepada warga KHEU adalah D.K.M.B., P.S.S.U.B., D.P.M.B., D.S.S.U.B., S.S.U.B., S.N.B., S.M.B., S.U.B., P.S.B., P.U.B., P.B.L.I., P.I.K.B., P.K.L.

3. Pelaksanaan Program-Program Kebajikan Kementerian Hal Ehwal Ugama

- Membantu melaksanakan program-program kebajikan Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti Majlis-majlis keraian; Majlis Hari Raya Aidilfitri, Promosi Kesihatan KHEU dan sebagainya.

Program Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh & Promosi Kesihatan Bagi Pegawai & Kakitangan Warga Kementerian Hal Ehwal Ugama 2009M (Program ini diurusetiakan oleh Bahagian Perhubungan Awam dan Antarabangsa).

3. BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN

SEJARAH

Bahagian ini pada awalnya diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran. Bahagian ini diketuai oleh Penolong Pengarah dengan dibantu oleh seorang pegawai dan beberapa orang kakitangan. Peranan utama Bahagian ini ialah untuk memantau projek pembangunan dan pemeliharaan bangunan serta perumahan di bawah Kementerian ini. Untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya bahagian mempunyai dua (2) unit:

Unit Pembangunan

Bertindak mengawasi serta memantau segala projek-projek di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama termasuk Rancangan Kemajuan Negara semada pembinaan Masjid-masjid, Surau dan Balai-balai Ibadat, Sekolah-sekolah Ugama dan Tanah-tanah Perkuburan. Bertindak menghadapkan laporan pembangunan kepada Menteri hal Ehwal Ugama.

Unit Pemeliharaan

Bertanggungjawab mengawasi dan memelihara Bangunan, Eletrik, Perumahan dan Kenderaan Darat dan Laut di bawah kawalan Kementerian ini.

FUNGSI DAN PERANAN

- Menyenaraikan aset-aset Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi kemudahan rujukan dalam melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan penyediaan anggaran perbelanjaan
- Meneliti laporan-laporan kerosakan terhadap aset-aset tersebut dengan segera
- Menjalankan kerja-kerja pemeliharaan menurut prosedur yang ditetapkan dengan segera dan berkesan.

PERKHIDMATAN

1. Tanah Perkuburan Islam Yang Bersistem Di Negara Brunei Darussalam;

Mempersiapkan tanah-tanah perkuburan Islam yang bersistem di daerah-daerah melalui kaedah tanah-tanah perkuburan yang mengamalkan sistem pemetaan *(plot)* dan penomboran ke atas setiap *plot* serta pembinaan sistem maklumat untuk Tanah Perkuburan Islam Kampong Terunjing dan Tanah Perkuburan Islam Kampong Berambang di Daerah Brunei dan Muara, Pusara al-Naim di daerah Belait, Sugan di daerah Tutong.

2. Projek Pembinaan dan Pemeliharaan Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama;

Bagi tempoh 1984-2003, beberapa kerja/projek pembinaan/pemeliharaan ke atas bangunan dan kawasan/sekolah-sekolah Jabatan Pengajian Islam, pejabat-pejabat, masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai badat yang diluluskan dalam projek RKN dan bajet Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dapat dilaksanakan. Antaranya seperti berikut :

Pembinaan 26 buah masjid baru dan tambahan bangunan masjid pada tahun 1999-2002 di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) ke VI (1991-1995), dana daripada kumpulan wang zakat, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) serta derma dari orang ramai.

Pembinaan dan pembaikan beberapa buah masjid di seluruh negara dengan bantuan dana daripada kumpulan wang zakat dan tabung masjid melalui;

- Pelaksanaan projek-projek menambah *(extension)* bangunan-bangunan masjid ke atas 4 buah masjid di seluruh Negara (1997-1998)
- Pembinaan 14 buah menara masjid bagi masjid-masjid berkenaan di seluruh negara (1996-1999)
- Pembinaan 4 buah khutubkhanah bagi masjid-masjid yang diluluskan melalui bajet 1996-1998.

4. BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN ANTARABANGSA

SEJARAH

Bahagian ini diwujudkan pada 20 Zulkaedah 1427H bersamaan 1 Disember 2007M, bahagian ini adalah pencantuman dari beberapa unit di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Antaranya Unit Perhubungan Awam dari Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Bahagian Perhubungan Muslimin. Bahagian ini sekarang dikenali dengan Bahagian Perhubungan Awam dan Antarabangsa. Objektif penubuhan bahagian ini adalah untuk menangani perkara berhubung dengan perhubungan awam, perhubungan antarabangsa, serantau dan dua hala khususnya yang berkaitan dengan peranan, tugas dan tanggungjawab Kementerian ini dan Jabatan di bawah.

MATLAMAT

- Memelihara dan mempertahankan imej mulia Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Memastikan khidmat urusetia dalam MABIMS dapat dilaksanakan dengan sempurna.
- Mengemaskini kerjasama serantau dan antarabangsa yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

FUNGSI DAN PERANAN

- Memantau aduan-aduan mengenai tugas dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ugama serta jabatan-jabatan dibawahnya yang tersiar di akhbar-akhbar tempatan dan internet, seterusnya mengedarkan aduan-aduan tersebut untuk ulasan-ulasan kepada pihak-pihak yang berkenaan di dalam Kementerian;

- Mengendalikan dan menyelaras lawatan dari dalam dan luar negeri ke Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya;

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Bahagian ini telah dibahagikan kepada tiga (3) unit:

Unit Perhubungan Awam

- Sebagai sumber maklumat mengenai Kementerian Hal Ehwal Ugama;
- Menjadi wakil ke mesyuarat dan sidang media yang berkaitan dengan perhubungan awam;
- Menjadi ahli tetap Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan;
- Menyelaras dan membuat publisiti dan berita mengenai acara dan aktiviti Kementerian;
- Memeduli aduan orang awam melalui media;
- Menyelaras dan membuat penyelidikan terhadap berita atau isu semasa yang berkaitan dengan Kementerian.

Unit Antarabangsa

- Memproses persuratan dan selaku pegawai fokal kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan pejabat kedutaan atau perwakilan asing;
- Menjadi wakil ke mesyuarat yang berkaitan dengan hubungan luar negara, dialog antara agama dan hak asasi manusia;
- Mengemaskini status MoU/MoA di bidang keugamaan;
- Bertanggungjawab dan menjadi urusetia bagi penyediaan laporan, pendirian dan maklumat tambahan mengenai isu hak asasi manusia dan kebebasan ugama;
- Mengendalikan dan menangani permohonan bantuan daripada luar negara.

Urusetia Mabims

Urusetia MABIMS ditubuhkan serentak dengan penubuhan MABIMS pada tahun 1989 berperanan melaksana kesepakatan MABIMS.

Bagi tempoh 1989-2003, beberapa kesepakatan MABIMS telah dapat direalisasikan oleh Urusetia MABIMS seperti berikut:

- Negara Brunei Darussalam menyaksikan pemetraian MABIMS dengan berlangsung MABIMS pertama di Negara Brunei Darussalam pada 9 Ogos 1998 dan menjadi tuan rumah bagi Persidangan MABIMS peringkat Menteri sebanyak 4 kali iaitu bagi tahun-tahun Pertemuan 1989, 1993, 1999 dan 2002.
- Selaku Penghubung Tetap Pertukaran/Penerbitan Bahan-Bahan Terbitan MABIMS, Urusetia MABIMS telah menerbitkan 5 buah buku berikut di Negara Brunei Darussalam:
  - ◊ Pembangunan Keluarga Bahagia (1994)
  - ◊ Pembinaan Belia Cemerlang (1994)
  - ◊ Ajaran Sesat : Kemunculannya, Bahayanya dan Pemulihannya (1994)
  - ◊ MABIMS : Wawasan dan Harapan (1995)
  - ◊ MABIMS : Pencapaian dan Kemajuan (2002)

- Menyediakan sarana pertukaran maklumat di kalangan negara anggota MABIMS dengan menyediakan 2 laman web yang mempunyai domain nama seperti berikut:
  - ◊ http://www.muis.gov.sg/mabims
  - ◊ http://www.MABIMS.biz

- Menyediakan beberapa seminar, kursus dan pertemuan seperti berikut :
  - ◊ Seminar Aqidah Negara-Negara Anggota MABIMS pada tahun 1993 di Negara Brunei Darussalam;
  - ◊ Pertemuan Belia MABIMS pada 15-19 Ogos 2001 di Negara Brunei Darussalam.

- Menjalankan/menyelesaikan kajian ke atas tajuk-tajuk berikut bagi melaksanakan kesepakatan Jawatankuasa Pengkajian Tamadun Islam Asia Tenggara :
  - ◊ Prinsip Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan Penghayatannya di Negara Brunei Darussalam.
  - ◊ Pendidikan Islam di Pusat Pengajian Islam : Satu Pandangan Umum.
  - ◊ Bibliografi Islam di Negara Brunei Darussalam.

- Melaksanakan program pertukaran maklumat mengenai hasil penglihatan awal bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah melalui kemudahan-kemudahan perhubungan yang sedia ada seperti e-mail dan faks serta menyertai beberapa kali kerja-kerja merukyah anak bulan Ramadhan dan Syawal di Pangkalan Ratu, Republik Indonesia dengan menghantar beberapa orang pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama. Beberapa tahun sebelum 2003, hasil rukyat Negara-negara anggota MABIMS yang bersatu matlak dengan Negara Brunei Darussalam digunakan sebagai penetapan awal Ramadhan/Syawal bagi Negara Brunei Darussalam jika anak bulan Ramadhan/Syawal tidak dapat dilihat.

- Menubuhkan Pusat Sumber Maklumat Islam MABIMS (PSMI) di Negara Brunei Darussalam dengan menyediakan laman web yang beralamat http://www.muslimin.gov.bn. Laman web tersebut menyediakan maklumat berkaitan kehidupan beragama menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah, kriteria ajaran sesat, senarai penerbitan-penerbitan dan masjid-masjid.

Dengan adanya laman web tersebut, negara anggota MABIMS dapat saling bertukar maklumat dan pengalaman dengan pantas dan berkesan.

Sejak 1996-2001, Negara Brunei Darussalam berupaya menyertai agenda-agenda yang dijalankan oleh negara-negara anggota MABIMS dalam merealisasikan kesepakatan dalam bidang kerjasama Tamadun Islam sebagai metode dakwah seperti berikut :

- Menghantar perwakilan bagi mengetuai Festival Tamadun Islam di Republik Indonesia

- Mengendalikan Peraduan Menulis Puisi Islam MABIMS di Negara Brunei Darussalam

- Menubuhkan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS di Negara Brunei Darussalam bagi melaksanakan kesepakatan MABIMS untuk mewujudkan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS. Pusat ini bertujuan untuk membudayakan pembacaan Al-Quran dengan kaedah-kaedah pengajaran dalam usaha mencapai hasil pembaca Al-Quran yang mempunyai nilai tinggi dalam bidang Qiraat yang diakui.

KUNJUNGAN HORMAT FADHILAT SHEIKH DR. MOHAMMED SAYED TANTAWI SHEIKH AL-AZHAR KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



KUNJUNGAN HORMAT PEMBESAR-PEMBESAR DARI LUAR NEGARA

Lawatan Dato Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Malaysia pada 16 Oktober 2006.

Lawatan Presiden Ibrhain Ma Yujun, Presiden Persatuan Islam Wilayah Guandong, Republik China pada 4 April 2007.

Lawatan Tuan Yang Terutama Salleh bin Abdul Aziz bin Mohamed Al-Sheikh, Menteri Hal Ehwal Islam, Wakaf, Da'wah dan Bimbingan Arab Saudi pada 4 Mac 2007.

Lawatan Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ahmad Zaid bin Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Malaysia pada 2 Julai 2008.

5. BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

SEJARAH

Bahagian ini adalah sebuah bahagian yang bertanggungjawab dalam mengurus perancangan pembangunan sumber manusia di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Bahagian ini pada awalnya diletakkan dalam Jabatan Pentadbiran dikenali sebagai Unit Latihan. Pada 1 Mei 2008 dipindah menjadi sebuah bahagian di bawah Pejabat Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Bahagian ini melaksanakan 2 tugas utama dalam fungsi Pengurusan Sumber Manusia iaitu;

i. Perancangan Sumber Manusia
ii. Pembangunan Sumber Manusia

Bagi melaksanakan kedua-dua fungsi tersebut di atas, berikut adalah huraian tugas-tugas;

1. Menjalankan kajian keperluan sumber manusia melalui proses-proses yang bersistematik bagi mendapatkan maklumat keperluan sumber manusia *(demand)* dan menentukan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memenuhi keperluan tersebut *(supply)*
2. Menjalankan audit sumber manusia untuk membolehkan keramaian sumber manusia yang mencukupi *(rightsizing)*, penempatan yang teratur *(better deployment)*, mengurangkan pembaziran tugas *(reduce wastages and duplication of work).*
3. Melaksanakan Perancangan Pengantian *(Succeesion Planning)* bagi pegawai-pegawai yang akan bersara, tamat kontrak dan lain-lain.
4. Latihan Dalam Jabatan - Merekabentuk latihan *(Designing Training Programme)* iaitu melaksanakan proses-proses analisa keperluan latihan (TNA), *determine training Approach, deliver training programme dan evaluating the training programme.*
5. Latihan jangka pendek luar negeri
6. Latihan jangka pendek dalam negeri
7. Pembangunan kepimpinan peringkat pertengahan dan eksekutif
8. Pengurusan penyertaan pegawai-pegawai kanan dalam EDPGMO dan DPGMMO.
9. Pembangunan professional dalam bidang-bidang utama
10. Skim Latihan dalam perkhidmatan peringkat Diploma, PGCE, Sarjana Muda, Sarjana dan Ph.D.
11. Pelaksanaan Dasar Latihan Minimum 100 Jam Setahun
12. Urusetia Jawatankuasa Menimbangkan Sokongan Latihan Dalam Perkhidmatan (JKMSL)
13. Urusetia Jawatankuasa Mufakkirin Meneliti Tajuk-Tajuk Tesis, Disertasi dan Kertas Projek (JMMTTDK)

PERKHIDMATAN

Melalui program Pembangunan Sumber Manusia penyediaan rancangan latihan di dalam dan luar negeri melalui latihan jangka panjang dan jangka pendek telah disusun mengikut kesesuian bagi peningkatan kemahiran dan produktiviti.

- Penghasilan sepanjang tahun 1984-2003 sebanyak 774 orang telah dibenarkan mengikuti kursus jangka panjang luar negeri dalam dan luar negeri bagi lima kursus iaitu Ph.D, MA. BA, Diploma dan Sijil.

- Bagi latihan jangka pendek seramai 183 orang telah dihantar bagi mengikuti kursus. Sebanyak 2,400 orang telah menjalani latihan secara *in-house* dan *on the job* yang menjadikannya seramai 2,583 orang telah dibenarkan mengikuti kursus / bengkel pengurusan, peningkatan kualiti dan produktiviti.

6. BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Sejarah

Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Hal Ehwal Ugama mula ditubuhkan pada Tahun 1989 dengan nama asalnya iaitu Unit Teknologi Maklumat (UTM) di tempatkan di bawah Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Latihan. Pada tahun 1994, Unit Teknologi Maklumat beroperasi secara bersendirian diketuai oleh Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd Don.

Pada Tahun 2001, Unit Teknologi Maklumat dinaiktaraf menjadi Bahagian Teknologi Maklumat (BTM). Pada tahun 2004, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat pada masa itu, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd Don dilantik sebagai *Chief Information Officer* (CIO) iaitu satu jawatan yang sangat penting diselaraskan untuk semua ketua pegawai IT di setiap Kementerian di bawah inisiatif kerajaan yang bertujuan untuk memicu penggunaan IT di dalam Kerajaan iaitu e-Kerajaan.

Pada Tahun 2004 juga, projek-projek di bawah Program e-Kerajaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama mula dilaksanakan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Persidangan Kebangsaan Mengenai Masyarakat Bermaklumat.

Projek-Projek e-Kerajaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Dalam usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi perkhidmatan serta penyebaran dan pendakwahan Ugama Islam di seluruh negara, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bertanggungjawab dalam memastikan pemusatan pembangunan Sistem Aplikasi dan Integrasi serta penyebaran maklumat Islam dalam memberikan informasi yang sahih, ilmiah dan bermanfaat dengan membentuk Rangkaian Maklumat Islam.

Oleh yang demikian, projek-projek e-Kerajaan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah dilaksanakan adalah berbentuk sistem aplikasi perkhidmatan ugama atau sistem aplikasi perkhidmatan dan pengurusan umum Islam bernaung dibawah satu panji-panji *(flagship)* iaitu Rangkaian Maklumat Islam atau *Islamic Portal* dengan singkatan namanya 'e-RAMI'.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dalam Majlis Program Promosi Projek e-Islam Informasi Projek Kementerian Hal Ehwal Ugama. 9 Mei 2006M hingga 29 Mei 2006M.

MATLAMAT

Mempertingkatkan dan mengembangkan kecekapan pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan Islam dengan merangkaikan maklumat ugama Islam antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan agensi-agensi lain termasuklah orang ramai.

OBJEKTIF

Objektif utama bagi projek-projek e-Kerajaan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan cara menyebarluaskan dan menyampaikan perkhidmatan ugama kepada orang ramai, pihak swasta dan Kerajaan dengan lebih mudah, cepat dan berkesan.
2. Memanfaatkan dan mengoptimakan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk mencapai kecemerlangan pentadbiran dan pengurusan Kementerian Hal Ehwal Ugama.
3. Memupuk budaya ilmu dengan menjadikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi sebagai sumber penting dalam kajian dan pembangunan Islam.
4. Mencantumkan perkhidmatan pembelajaran dan kursus-kursus dengan teknologi terkini bagi melahirkan kualiti pembelajaran ilmu Islam yang berkesan.
5. Menjadikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi sebagai salah satu cara yang lebih efektif untuk menyampaikan dakwah dan cara baru berinteraksi dengan kumpulan sasaran Kementerian.

Pencapaian

Dengan penubuhan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Kementerian Hal Ehwal Ugama, beberapa pencapaian telah pun diperolehi yang mana Projek-Projek e-Kerajaan yang telah dirancang pada tahun 2001 telah dapat dilaksanakan pada tahun 2004 hingga 2008.

Empat buah Projek e-Kerajaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang tersebut di atas telah pun dirasmikan pelancaran pelaksanaannya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada hari Selasa, 23 Syaaban 1426H bersamaan 27 September 2005M bertempat di Dewan Teratai, Tingkat 5, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Projek-Projek e-Kerajaan adalah seperti berikut:

i. Projek Prasarana Rangkaian (PPR) & Pusat Data – Fasa I

Projek ini adalah projek penyediaan Prasarana Rangkaian Internet termasuk pembekalan peralatan IT bagi semua Jabatan dan Bahagian termasuk Pejabat-Pejabat Ugama Daerah-Daerah dan Masjid-Masjid di seluruh Negara pada tahun 2005.

ii. Sistem Pengurusan Zakat (SPZ)

Projek Sistem Pengurusan Zakat juga telah pun dilancarkan bagi mengautomasikan proses kerja Modul-Modul Kutipan, Agihan, Amil dan Akaun bagi memudahkan dan mempercepatkan proses pelaksanaan perkhidmatan pengurusan zakat di Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Projek ini menyediakan sistem *web-based* yang membolehkan pegawai-pegawai di Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei, di ke empat daerah berhubung antara satu sama lain untuk menyampaikan maklumat dan memproses data secara *online.*

iii. e-Islam Informasi Kiosk

Projek e-Islam Informasi Kiosk adalah satu rangkaian Informasi Islam yang dimuatkan ke dalam mesin elektronik informasi yang dinamakan mesin kiosk. Maklumat Informasi dalam

mesin kiosk ini berbentuk multimedia yang *'attractive'* dan *'interactive'*. Ianya adalah bagi memberi kemudahan kepada orang ramai tentang pengetahuan Ugama Islam melalui mesin kiosk yang ditempatkan di beberapa lokasi awam di negara ini seperti masjid-masjid, Terminal Lapangan Terbang dan pejabat-pejabat Kerajaan.

iv. Sistem Maklumat Islam (SISMI)

Pada tahun 2007, satu pencapaian besar Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mana Kementerian ini telah melancarkan satu projek iaitu Projek SISMI. Projek ini menyediakan laman web Kementerian Hal Ehwal Ugama dan beberapa e-Perkhidmatan Islam iaitu Sistem Pengislaman, Sistem Kursus Pra-Nikah, Aduan Mal, Aduan Jenayah dan Sistem Maklumat Islam. Sistem-sistem aplikasi ini adalah bagi kemudahan orang ramai dalam membuat permohonan-permohonan secara *online.*

Manakala sebuah projek e-Kerajaan yang dirancang oleh Jabatan Pengajian Islam semasa berada di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan setelah berpindah ke Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dapat dilaksanakan pada bulan Mac tahun 2007 iaitu :

Projek InTeL *(Interactive Teaching Learning)*

Projek InTeL ini adalah merupakan projek pembekalan sekurang-kurangnya sebuah makmal komputer kepada Institusi-Institusi Pendidikan Ugama yang dikawal oleh Jabatan Pengajian Islam.

Sejumlah 42 buah makmal komputer dan sebuah makmal multimedia terkandung dalam projek ini.

PROJEK DAN AKTIVITI E-KERAJAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Majlis Pelancaran Projek e-Islam Informasi Kiosk oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong dalam Majlis Pelancaran Rasmi Pameran Anugerah Teknologi Inforkomunikasi Brunei (BICTA 2005).

7. PEJABAT HAL EHWAL UGAMA DAERAH-DAERAH

Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama merupakan satu sejarah perkembangan dan kemajuan hal ehwal pentadbiran ugama Islam di Negara Brunei Darussalam, di mana pada awalnya semua hal ehwal yang berkaitan dengan ugama ditadbir oleh sebuah badan yang dinamakan "Penasihat Ugama Islam" *(Mohammaden Religious Adviser).*

Namun melihat keperluan dan kepentingan serta tugas yang mencabar dan demi meningkatkan mutu perkhidmatan, maka akhirnya tertubuhlah Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah-Daerah dengan kepentingan dan peranan masing-masing.

SEJARAH PEMBINAAN
PEJABAT HAL EHWAL UGAMA DAERAH-DAERAH

a) Pejabat Hal Ehwal Ugama Dearah Belait

Pembinaan bangunan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait telah mula dilaksanakan pada awal tahun 1960an dan menelan belanja kira-kira $310,000.00.

Peletakan batu asasnya telah disempurnakan oleh Yang Mulia Dato John Lee, Pegawai Kewangan Negara pada Hari Selasa 9 Syawal 1384H bersamaan 11 Febuari 1965M.

Pejabat ini rasmi digunakan sejak pengisytiharan pembukaannya yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Hari Isnin 3 Syaaban 1387H bersamaan dengan 6 November 1967M.

Gambar bangunan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait (sekarang).

b) Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong

Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong telah ditubuhkan pada awal bulan Ogos 1958 yang dikenali pada masa itu sebagai Pejabat Kadi Daerah Tutong. Ia ditempatkan dalam bangunan Pejabat-Pejabat Kerajaan Daerah Tutong. Kadi yang mula-mula sekali ditugaskan ialah Awang Ishak bin Adam.

Pada 25 November 1971, bangunan baru Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong telah siap dibina dan dirasmikan pembukaannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Gambar bangunan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong (sekarang)

c) Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong

Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pada Hari Khamis 20 Syawal 1404H bersamaan dengan 19 Julai 1984M, sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-38 tahun.

Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong

PERANAN/TANGGUNGJAWAB PEJABAT UGAMA DAERAH-DAERAH

Semua Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah-Daerah memainkan peranan yang penting dalam membantu menggerakkan perkembangan ugama di Negara Brunei Darussalam. Ianya merupakan nadi penggerak utama bagi memantau, melaksanakan projek/rancangan pembangunan dan pemeliharaan serta kemasyarakat kelolaan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan orang ramai.

Di awal penubuhannya, semua hal ehwal yang berkaitan dengan ugama ditadbir oleh Kadi Daerah. Pada tahun 2001, setelah berkuatkuasanya Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 di mana jawatan kadi-kadi daerah telah ditiadakan dan jawatan tersebut diganti dengan jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan dimasukkan di bawah pentadbiran Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri pada 1 Januari 2002. Sejak itu pentadbiran Hal Ehwal Ugama daerah- daerah telah ditadbir dan diketuai oleh Ketua Pegawai Ugama.

Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah-Daerah juga mentadbir dan mengetuai acara keugamaan di daerah masing-masing serta sebagai tempat rujukan mengenai hal ehwal ugama daerah-daerah.

Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah-Daerah berperanan sebagai badan penasihat/pengerusi bagi majlis-majlis keugamaan yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan cawangan-cawangan Jabatan di daerah daerah.

Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah-Daerah bertanggung jawab dalam mengurus dan memajukan Hal Ehwal Ugama Islam khususnya di daerah-daerah dan di Negara Brunei Darussalam secara umumnya.

STRUKTUR PENTADBIRAN PEJABAT HAL EHWAL UGAMA DAERAH-DAERAH

Pejabat Hal Ehwal Ugama daerah-daerah diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Ugama yang bertanggungjawab secara langsung kepada Setiausaha Tetap dalam melaksanakan kerja-kerja serta kegiatan pejabat.

Dalam membantu menanai tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan serta bagi mencapai Visi dan Misi Kementerian serta memantapkan sistem pengurusan dan pentadbiran kearah yang lebih efisien, setiap pejabat Hal Ehwal Ugama daerah-daerah dibantu dengan bahagian dan unit dari jabatan-jabatan yang diketuai oleh seorang ketua.

Bahagian/Unit yang terdapat di daerah-daerah antaranya :

- Bahagian Pentadbiran Am
- Bahagian Hal Ehwal Masjid
- Bahagian kutipan dan agihan Zakat
- Bahagian Pengajian Islam
- Bahagian Tanah Perkuburan Islam
- Bahagian Dakwah
  - Unit Penapisan dan Kawalan Terbitan (Daerah Temburong dan Daerah Belait)
- Bahagian Hal Ehwal Syar'iah
  - Unit Penguatkuasa Agama
  - Unit Kawalan Aqidah
  - Unit Bahagian Kawalan Makanan Halal
  - Unit Khidmat Nasihat Keluarga.

JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU 50 TAHUN DALAM RISTAAN PERKHIDMATAN HAL EHWAL UGAMA (1959-2009)

Penasihat

Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Md Mahdi bin Pehin Orang Kaya Di Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman.

Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd Yussof.

Pengerusi Bersama

Ketua Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan

Pengarah Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Timbalan Pengerusi Bersama

Pemangku Pengarah Pentadbiran

Pemangku Penolong Pengarah Da'wah Islamiah

Setiausaha Bersama

Ketua Bahagian Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah

Ketua Seksyen Kajian dan Perancangan

Ahli-Ahli

Pemangku Raes Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Pengarah Perundangan Islam

Pengarah Pengajian Islam

Pengarah Hal Ehwal Masjid

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syar'iah

Pemangku Pengarah Urusan Haji

Setiausaha Majlis Ugama Islam

Ketua Bahagian Sumber Manusia

Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam

Ketua Bahagian Perhubungan Awam dan Antarabangsa

Ketua Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan

Ketua Bahagian Teknologi Maklumat

Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Ketua Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Urusetia

Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan

Bahagian Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan
dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang
telah memberikan kerjasama dan bantuan dalam sama-sama menjayakan
penerbitan buku ini terutama kepada
Dato Paduka Haji Awang Mohd Mahdi bin Pehin Orang Kaya
Di Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman,
Jabatan Adat Istiadat, Jabatan Penerangan,
Jabatan Arkib Negara, Jabatan Percetakan,
Pusat Sejarah Brunei, serta Jabatan-Jabatan, Bahagian-Bahagian
dan Unit di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan
sesiapa jua yang telah memberikan buah fikiran dan tenaga
dalam kesempurnaan penyusunan buku ini.

Mudah-mudahan segala sumbangan tenaga, buah fikiran dan masa yang telah
dicurahkan akan mendapat ganjaran yang selayaknya dari Allah Subhanahu
wa Ta'ala jua.